



**PEMANTAPAN
INTEGRITI DAN MEMERANGI
JENAYAH RASUAH**

**SATU
PERJUANGAN**

MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN



**PEMANTAPAN INTEGRITI
DAN
MEMERANGI JENAYAH
RASUAH
SATU PERJUANGAN**

MOHAMAD FAUZI HUSIN

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH
SATU PERJUANGAN

Diterbitkan oleh:
Jabatan Integriti
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Penulis: Mohamad Fauzi Husin

Cetakan Pertama: 2020

Cetakan Kedua: 2021

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa jua mana-mana bahagian daripada terbitan ini untuk tujuan komersial tanpa keizinan bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH:
SATU PERJUANGAN / Mohamad Fauzi Husin.

ISBN 978-967-18353-0-2

1. Integrity-Malaysia.
2. Corruption-Prevention-Malaysia.
3. Bribery-Malaysia.

I. Judul.
179.909595

Dicetak Oleh:
Firdaus Press Sdn Bhd
No.26 & 28, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi FELDA	v
KATA PENGANTAR Pengarah Jabatan Integriti	vii
BAB 1 - INTEGRITI BERMULA DARIPADA DIRI SAYA	1
BAB 2 - INTEGRITI VS JENAYAH RASUAH	5
BAB 3 - INTEGRITI DARI PERSPEKTIF ISLAM	10
BAB 4 - JENAYAH RASUAH DARI SUDUT ISLAM DAN UNDANG-UNDANG	16
BAB 5 - JENAYAH RASUAH MEMBAWA KEPADA SYIRIK	24
BAB 6 - JENAYAH RASUAH MEMBAWA KEPADA DOSA BERANGKAI	28
BAB 7 - PENJENAYAH RASUAH ADALAH SEORANG MUNAFIK	31
BAB 8 - ANTARA DERMA, HADIAH DAN SUAPAN RASUAH	34
BAB 9 - SOAL JAWAB BERKAITAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN HADIAH	41
BAB 10 - PENGENALAN RINGKAS SPRM, OBJEKTIF DAN FUNGSI	49
BAB 11 - SPRM: BADAN BEBAS DAN BERINTEGRITI	52
BAB 12 - KESALAHAN-KESALAHAN UTAMA JENAYAH RASUAH DI BAWAH AKTA SPRM 2009	58
BAB 13 - KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM BERKAITAN TUGAS DAN PERANAN SPRM	68
BAB 14 - PUNCA-PUNCA BERLAKU JENAYAH RASUAH	71
BAB 15 - KESAN DAN AKIBAT BURUK JENAYAH RASUAH	77
BAB 16 - IMPLIKASI JENAYAH RASUAH DARI SUDUT ISLAM	84
BAB 17 - MENGENALI SIMPTOM JENAYAH RASUAH	87
BAB 18 - KEWAJIPAN MELAPORKAN JENAYAH RASUAH DAN PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT	91
BAB 19 - CIRI-CIRI MAKLUMAT ATAU ADUAN JENAYAH RASUAH BERKUALITI	96
BAB 20 - ISU “IKAN BILIS” DAN “IKAN JERUNG”	99

BAB 21	- ISU INTEGRITI PENJAWAT AWAM IBARAT “LEMBU TERLEPAS	103
BAB 22	- PENGGILIRAN KERJA MENGURANGI JENYAH RASUAH?	106
BAB 23	- PEMIKIRAN SALAH ATAU HELAH BELA DIRI PERASUAH?	109
BAB 24	- SUAPAN RASUAH: SATU PILIHAN ATAU KEINGINAN?	114
BAB 25	- BAGAIMANAKAH MENGATAKAN “TIDAK” KEPADA JENYAH RASUAH?	118
BAB 26	- SUSAHKAH MENJADI PEKERJA BERINTEGRITI?	121
BAB 27	- MENDIDIK JIWA: BIAR REZEKI SEDIKIT TETAPI HALAL	124
BAB 28	- PATUHI SYARIAT DALAM TUGAS DIAMANAHKAN	130
BAB 29	- KEJARLAH HARTA AKHIRAT	133
BAB 30	- INTEGRITI DALAM KAWAL SELIA KE ATAS PEGAWAI BAWAHAN	136
BAB 31	- MENANGANI KES PELANGGARAN TATATERTIB: KETIDAKHADIRAN BERTUGAS	139
BAB 32	- KEWAJIPAN PETUGAS FELDA DALAM MENJALANKAN TUGAS	144
BAB 33	- MENGURUS PETUGAS FELDA BERMASALAH DAN BERPRESTASI RENDAH	149
BAB 34	- APAKAH KESAN KE ATAS PENJAWAT AWAM, JIKA TELAH DIHUKUM PENJARA ATAU DENDA OLEH MAHKAMAH KES KESALAHAN JENYAH?	155
BAB 35	- APAKAH KESAN KEPADA PERKHIDMATAN SESEORANG PENJAWAT AWAM YANG TELAH DIHUKUM KESALAHAN TATATERTIB?	157
BAB 36	- APAKAH KESAN BURUK KE ATAS PETUGAS DIBUANG KERJA KES TATATERTIB?	159
BAB 37	- FUNGSI DAN TUGAS JABATAN INTEGRITI FELDA	162
	BIBLIOGRAFI	165
	LAMPIRAN- KERANGKA PENGURUSAN INTEGRITI FELDA	167



PERUTUSAN PENGERUSI FELDA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang untuk meneliti kandungan buku **Pemantapan Integriti Dan Memerangi Jenayah Rasuah-Satu Perjuangan** yang diterbitkan oleh Jabatan Integriti FELDA. Saya amat berbesar hati seandainya semua inisiatif yang diketengahkan di dalam buku ini dapat dijadikan panduan untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga FELDA, khasnya dalam meningkatkan lagi elemen integriti dalam memerangi jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib.

Pembentukan sesebuah badan awam yang berintegriti tanpa jenayah rasuah merupakan salah satu amanah besar yang wajib dipikul oleh semua pihak, tanpa mengira pangkat dan jawatan dari ahli-ahli Lembaga Pengarah hinggalah ke akar umbi peneroka di rancangan-rancangan FELDA. Semua pihak perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam akan termaktubnya undang-undang dan peraturan yang digariskan.

Pengetahuan mengenai prosedur menguruskan pegawai-pegawai yang terpalit dengan masalah ini, khasnya dari segi kaedah pelaporan dan kewajaran tindakan susulan, telah pun dinyatakan dengan terperinci di dalam buku ini. Oleh yang demikian, dengan adanya penekanan sebegini, saya percaya segala bentuk ancaman mendatang sama ada dari dalam mahupun luar FELDA akan dapat

ditangani sebaiknya, seterusnya membolehkan kita, warga FELDA memperbaiki kelemahan integriti yang wujud dalam kalangan segelintir kita.

Akhir kata, kejayaan sesebuah organisasi dalam mencorakkan masa depan negara yang cemerlang pastinya bermula dari akar umbi yang berdedikasi dan berintegriti. Dalam hal ini, seluruh warga akan menjadi aset penting dalam merealisasikan FELDA adalah “Lombong Emas” yang hebat, bermaruah dan berkat. Saya juga meletak keyakinan tinggi terhadap Jabatan Integriti FELDA yang pastinya boleh membantu memperkasakan imej FELDA agar kembali gah di persada dunia.

“PETUGAS BERINTEGRITI, PROAKTIF DAN SEDIA BERBAKTI”

Idris Jusoh

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH

PENGERUSI

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)



KATA PENGANTAR

Assalamualaikum Dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah KurniaNya dan HidayatNya, saya telah dapat menyiapkan buku yang menghimpunkan pelbagai maklumat dan panduan berguna bertajuk **Pemantapan Integriti Dan Memerangi Jenayah Rasuah-Satu Perjuangan**. Buku ini adalah sebagai panduan pengukuhan integriti, pencegahan dan pelaporan kes jenayah rasuah yang menghimpunkan dan memuatkan maklumat dan panduan berguna berkaitan maksud integriti dan kaitan dengan jenayah rasuah, tugas dan peranan SPRM, kebebasan SPRM, bentuk-bentuk kesalahan lazim berkaitan jenayah rasuah, batas-batas antara hadiah dan suapan rasuah, bagaimanakah melaporkan maklumat rasuah, perlindungan kepada pemberi maklumat dan pelbagai artikel berkaitan pengukuhan integriti melalui kesedaran bahaya jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib.

Adalah diharapkan penerbitan buku ini dapat menambahkan lagi bahan bacaan, pengetahuan dan panduan kepada warga FELDA yang telah dikurniakan rezeki oleh Allah SWT melalui jawatan atau kuasa yang diamanahkan. Apa yang pastinya setiap warga FELDA sudah semestinya akan terdedah atau diuji dengan perlakuan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib.

Usaha menerbitkan buku ini adalah sebagai salah satu pendekatan pendidikan dan pencegahan yang memberi fokus kepada perlakuan jenayah rasuah di samping menangani masalah pelanggaran tatatertib. Usaha ini juga sebagai sokongan kepada pendekatan punitif.

Hal ini kerana usaha memerangi jenayah rasuah melalui pendekatan punitif iaitu penyiasatan, tangkapan, pendakwaan dan hukuman ke atas pelaku-pelaku jenayah rasuah masih tidak menjadi deteran kepada segelintir pihak-pihak tertentu di dalam perkhidmatan awam termasuk FELDA. Tangkapan demi tangkapan ke atas penjenayah rasuah seolah-olah masih tidak menakutkan perasuah yang lain. Sebaliknya mereka semakin berani dan licik menyembunyikan kegiatan mereka tanpa dapat dikesan. Apatah lagi perlakuan jenayah rasuah adalah unik, di mana pemberi dan penerima suapan rasuah adalah sama-sama mendapat keuntungan peribadi. Tiada “mangsa” terlibat dalam erti kata sebenar. Jenayah rasuah ini juga adalah “pembunuh senyap” kepada kehidupan individu, masyarakat dan negara sekiranya kita tiada pengetahuan atau asas kukuh untuk menghindarinya.

Oleh yang demikian, sebagai seorang yang diamanahkan dengan suatu jawatan, setiap warga FELDA perlu memantapkan integriti dan cecal dalam menghadapi ranjau-ranjau dalam mencari rezeki agar tidak terjerumus dengan rezeki haram berpunca daripada amalan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib ini. Setiap individu juga perlu disedarkan dan dibawa ke pangkal jalan kerana pengakhiran bagi setiap kehidupan yang sementara ini adalah kematian. Hakikat akhir kehidupan tidak terhenti di situ. Liku-liku kehidupan yang bakal kita tempuhi setelah itu adalah lebih mencabar dan masih jauh perjalanannya. Di sana nanti perhitungan dosa dan pahala akan dibuat walaupun didunia ini kita tidak mahu memikirkannya. Ingatlah jenayah rasuah dosa besar adalah benar, kematian adalah benar, azab kubur adalah benar, perhitungan amalan baik dan buruk adalah benar dan syurga dan neraka adalah benar. Sekian. Semoga bermanfaat.

Mohamad Fauzi

(MOHAMAD FAUZI BIN HUSIN) TPj

PENGARAH

JABATAN INTEGRITI

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)

BAB 1

INTEGRITI BERMULA DARIPADA DIRI SAYA

Sering kali kita mendengar orang menyebut perkataan integriti dan boleh dikatakan saban hari juga ungkapan ini terbit dari bibir si penutur atau paling tidak, kita akan menemui perkataan itu ketika sedang membaca surat khabar, majalah, buku dan bahan bacaan ilmiah lain. Malah di mana-mana sahaja baik di pentas politik, media sosial, pejabat-pejabat kerajaan atau kedai-kedai kopi, orang sering memperkatakan isu-isu lemah integriti ahli politik tertentu, anggota penguat kuasa undang-undang tidak berintegriti atau penjawat awam tidak berintegriti di sesebuah jabatan. Apabila kita bertanyakan apa maksud sebenar integriti, mungkin dalam kalangan mereka tidak boleh menjawab makna sebenar integriti itu. Apa pula kaitan dengan jenayah rasuah atau pelanggaran tata tertib.

Apakah yang dimaksudkan dengan integriti?

Mengikut kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) 1985 ialah bermaksud **kejujuran dan ketulusan, kesempurnaan** atau **keutuhan**. Maksud kejujuran dan ketulusan ini ialah atas niat seseorang itu yang disertai dengan rasa ikhlas atau kesedaran diri sendiri. Sekiranya atas sifat yang dibuat-buat atau kepuraan-puraan seperti untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain, supaya mendapat pujian daripada ketua atau sekadar kerana takut kepada ketua, itu adalah

tidak dinamakan berintegriti. Sekiranya ada perbuatan seperti itu lambat laun akan terbongkar juga. Integriti mesti bermula dari diri sendiri. Melakukan perbuatan yang baik, ikhlas, amanah, telus dan tulus walaupun tiada mata yang memandang.

Hal ini bermaksud integriti adalah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhannya dan padu dalam diri individu, keluarga dan organisasi. Integriti amat berkait rapat dengan pegangan agama atau etika dalam tindakan sehari-hari. Pegangan agama atau etika ini pula merangkumi nilai-nilai keimanan atau ketakwaan yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakupannya dan lain-lain. Secara ringkasnya, integriti ada tiga peringkat iaitu;

Integriti individu

Merujuk kepada himpunan kualiti unggul yang wujud dalam diri individu berteraskan prinsip berpegang teguh kepada nilai keagamaan dan moral tinggi. Hal ini bermakna, integriti individu ada kaitan dengan keselarasan di antara nilai keagamaan atau moral dalam dirinya dengan tindakan dilakukan. Sebagai contoh, seorang yang berintegriti tidak akan melakukan perbuatan atau tindakan yang bertentangan dengan pegangan agama atau akhlak yang ada dalam dirinya seperti tidak akan melanggar undang-undang negara, peraturan bermasyarakat atau melanggar hak orang lain. Individu yang tidak berintegriti lebih cenderung untuk melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau peraturan seperti mencuri, memberi suapan rasuah dan melakukan pelanggaran tata tertib jabatan.

Integriti seorang pekerja

lanya dikaitkan dengan seseorang individu yang diamanahkan dengan jawatan sama ada sebagai penjawat awam atau sektor swasta. Seorang pekerja yang berintegriti tinggi akan mudah mematuhi peraturan atau kod etika jabatan dan tidak melanggar undang-undang berkuat kuasa sepanjang memegang jawatan yang diamanahkan. Dia tidak akan melakukan jenayah rasuah, salah guna harta jabatan atau ponteng kerja apabila dia diberikan amanah.

Integriti Organisasi

Sekiranya seseorang pekerja berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawabnya, maka **integriti organisasi** atau jabatan tempat dia bekerja akan tinggi dan diyakini oleh pelanggannya atau dipandang tinggi oleh masyarakat. Hal ini kerana integriti organisasi adalah tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik oleh setiap pekerjanya. Integriti organisasi akan berada di tahap tinggi dan diyakini selagi pekerja sentiasa mematuhi dan menghayati kod etika organisasi berkenaan sehingga menjadi amalan kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi (*corporate culture*).

Pelanggan lebih suka atau senang hati berurusan dengan pekerja dalam organisasi yang berintegriti. Hanya mereka yang tidak jujur atau suka mengambil kesempatan seperti seseorang kontraktor atau peniaga yang suka mengambil jalan singkat dengan merasuahkan pegawai dalam organisasi untuk mendapatkan kontrak atau projek sahaja yang suka berurusan dengan organisasi yang tidak berintegriti itu. Hal ini kerana mereka yakin hanya dengan merasuahkan pegawai tersebut, dia akan berjaya mendapatkan apa yang dia kehendaki itu.

Oleh itu, integriti dalam diri dan ahli keluarga amat penting sebelum individu itu melangkah keluar ke dalam kelompok masyarakat dan organisasi pekerjaan terutamanya menjawat jawatan sektor awam atau swasta. Sekiranya ada ahli keluarga tidak berintegriti seperti kehidupan keluarga yang kucar kacir, ketua keluarga membawa masuk rezeki haram hasil jenayah rasuah atau menipu untuk makan atau keperluan harian keluarga, keluarga yang tidak menitik beratkan amalan agama sebagai cara hidup seperti tidak solat, mementingkan keseronokan hiburan dan sebagainya, maka perangai tidak berintegriti ini akan mudah terbawa-bawa ke dalam alam pekerjaan. Tidak hairanlah jika ada dalam kalangan mereka mudah terjerumus dengan kancah perlakuan jenayah rasuah, pecah amanah, penipuan dan pelbagai perkara mungkar atau maksiat dilakukan tanpa segan silu.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Adalah menjadi kelaziman dalam kalangan masyarakat di negara ini dengan mudah mengukur seseorang pekerja, sama ada mempunyai tahap integriti atau tidak berdasarkan perwatakan seseorang itu sama ada perlakuannya itu seorang pekerja beramanah, jujur atau sebaliknya. Seseorang pekerja yang terlibat dengan jenayah rasuah, tidak bertanggungjawab atau curi tulang dalam waktu bertugas sudah tentu dianggap seorang pekerja yang tidak berintegriti. Sekiranya ramai dalam kalangan pekerja dalam sesebuah organisasi itu terlibat dengan perlakuan tidak berintegriti itu, maka akan meletakkan status organisasinya di kaca mata masyarakat ialah sebuah organisasi tidak berintegriti dan memberi imej buruk kepada orang awam dan negara.

Oleh yang demikian dalam konteks penjawat awam atau swasta, maksud pelanggaran integriti merangkumi skop yang meluas bukan sahaja melibatkan salah laku individu berkaitan jenayah rasuah sahaja, ianya berkaitan perbuatan melakukan pelbagai jenayah lain seperti mencuri, pecah amanah jenayah, penipuan, memalsukan dokumen, atau memukul orang lain.

Sebaliknya juga merangkumi perbuatan melanggar peraturan jabatan seperti ponteng kerja, tidak hadir bertugas, cuai dan tidak bertanggungjawab dengan tugas diamanahkan. Begitu juga salah laku yang menyimpang dari normal kemasyarakatan seperti berpakaian tidak senonoh di khalayak ramai, merosakkan harta awam, minum minuman keras yang memabukkan di khalayak ramai dan sebagainya.

BAB 2

INTEGRITI VS JENAYAH RASUAH

Masih ramai dalam kalangan penjawat awam, pekerja sektor swasta dan orang awam atau masyarakat menyatakan isu integriti adalah isu mengenai perlakuan jenayah rasuah. Mereka beranggapan bahawa sekiranya seseorang penjawat awam atau pekerja swasta itu tidak berintegriti dia adalah seorang perasuah. Seinggakan ada dalam kalangan mereka beranggapan bahawa kayu pengukur kejayaan penerapan budaya kerja berintegriti ini boleh dilihat dengan berkurangnya kes- kes jenayah rasuah.

Harus diingat bahawa skop integriti adalah lebih luas. Amalan kehidupan seharian, budaya kerja dan tadbir urus sesebuah organisasi atau jabatan juga menuntut seseorang itu berintegriti. Integriti merangkumi perbuatan atau perlakuan dalam pematuhan undang-undang daripada melakukan perbuatan jenayah seperti mencuri, rasuah, merompak atau pecah amanah jenayah. Integriti juga merangkumi pematuhan tugas yang diamanahkan, pematuhan kod etika atau peraturan ditetapkan dalam sesebuah organisasi atau jabatan seperti pematuhan arahan ketua, pematuhan waktu bekerja, khidmat pelanggan berkualiti, hubungan kerjasama dengan rakan setugas dan hubungan dengan pegawai bawahan.

Isu Integriti Bukan Jenayah Rasuah Sahaja

Isu-isu integriti bukan sahaja melibatkan perlakuan jenayah rasuah seperti perbuatan menerima suapan rasuah, memberi suapan rasuah, mengemukakan tuntutan palsu dan salah guna jawatan atau kedudukan untuk mendapat suapan rasuah seperti ditetapkan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM) 2009. Sebaliknya merangkumi juga perbuatan-perbuatan berikut;

a) Jenayah Selain Suapan Rasuah

Melibatkan diri dengan perbuatan jenayah pecah amanah, penipuan, mencuri, pengubahan wang hasil kegiatan haram, peras ugut dan pelbagai kesalahan jenayah yang ditetapkan di dalam Kanun Keseksaan atau undang-undang lain berkaitan seperti jenayah syariah dan jenayah siber.

b) Pelanggaran Tatatertib Melibatkan Ketidakhadiran Tugas

Kes-kes pelanggaran tatatertib melibatkan ketidakhadiran bertugas yang boleh dikategorikan kepada empat jenis iaitu pertama ialah tidak hadir bertugas berturut-turut setiap hari selama tujuh hari atau lebih tanpa cuti. Kedua ialah kes ketidakhadiran bertugas berselang-seli contohnya tidak hadir bertugas dua atau tiga hari setiap bulan tanpa cuti. Ketiganya ialah ponteng kerja contohnya keluar pejabat dalam waktu bekerja untuk urusan peribadi tanpa kebenaran. Keempat ialah mengemukakan sijil cuti sakit dari doktor swasta sedangkan dia tidak sakit atau meminda sijil cuti sakit atau memalsukan sijil sakit.

Contohnya seorang petugas FELDA telah berjumpa dengan doktor menyatakan dia sakit kepala atau dia minta dengan doktor untuk mendapatkan sijil cuti sakit dengan bayaran sejumlah wang. Kesalahan ketidakhadiran bertugas merupakan kesalahan pelanggaran tatatertib yang paling banyak berlaku dalam perkhidmatan awam. Kesalahan ini boleh diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 bagi penjawat awam persekutuan dan negeri

atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 bagi penjawat awam di badan berkanun kerajaan. Manakala bagi sektor swasta pula mempunyai peraturan tatatertibnya sendiri.

c) Pelanggaran Tatatertib Selain Ketidakhadiran Tugas

Kes-kes pelanggaran tatatertib selain melibatkan ketidakhadiran bertugas seperti salah laku, salah guna kuasa dan cuai. Sebagai contohnya ialah salah laku mencuri aset alih kerajaan, mencuri baja atau racun rumput milik FELDA, salah guna kenderaan jabatan, gangguan seksual, cuai dalam menjalankan tugas, kehilangan dokumen terperingkat, terlibat aktif dengan politik, keberhutangan serius, melakukan kekerasan ke atas suspek disiasat atau orang awam dan lain-lain pelanggaran tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 bagi penjawat awam persekutuan atau negeri dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 bagi badan berkanun kerajaan. Manakala bagi sektor swasta pula mempunyai peraturan tatatertibnya sendiri.

d) Isu Tadbir Urus Dan Pelanggaran Prosedur

Pelanggaran Prosedur Operasi Standard (SOP), Perintah Tetap ketua jabatan, peraturan kewangan atau pengurusan perolehan seperti gagal atau tidak mematuhi pengurusan perolehan tender, sebut harga atau pembelian terus, kontrak yang lewat ditandatangani dan percanggahan kepentingan dalam perniagaan. Kesalahan ini juga boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 bagi penjawat awam persekutuan atau negeri dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 bagi badan berkanun kerajaan.

e) Kelemahan Kepimpinan

Kelemahan kepimpinan atau penyeliaan. Teladan buruk oleh pegawai atasan, pegawai atasan sendiri terlibat salah laku atau kelemahan dan kelewatan pegawai atasan mengambil tindakan disiplin atau teguran ke atas kakitangan bermasalah. Sebagai contoh, pegawai kerajaan tidak cekap menjalankan tugas, memberi layanan kasar kepada pelanggan, merokok dalam pejabat, kerap kali bertengkar antara rakan setugas atau bergaduh dengan pegawai bawahan. Kesalahan ini ada kalanya boleh diambil tindakan tatatertib dan ada kalanya sukar untuk dibuktikan berlaku pelanggaran tatatertib tetapi boleh menimbulkan masalah ketidakcekapan dalam tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang membawa kepada menjatuhkan reputasi kepada organisasinya atau perkhidmatan awam keseluruhannya di kaca mata masyarakat atau negara.

f) Lemah Pegangan Agama Atau Rendah Akhlak

Masalah lemah pegangan agama dan nilai-nilai murni individu dalam organisasi seperti perubahan gaya hidup atau akhlak penjawat awam terutamanya dilakukan di luar waktu pejabat yang memberi kesan buruk atau menjatuhkan reputasi jabatan. Contohnya suka berfoya-foya di pusat-pusat hiburan waktu malam, meminum minuman memabukkan, berjudi atau suka berhutang dengan orang awam atau melakukan jenayah syariah seperti minum arak, melanggan pelacur, berjudi, berzina atau berkhalwat. Penjawat awam juga boleh diambil tindakan tatatertib Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 bagi penjawat awam persekutuan atau negeri dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 bagi badan berkanun kerajaan sekiranya mana-mana penjawat awam telah ditangkap oleh agensi penguat kuasa agama dan didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah syariah atau pelanggaran Kod Etika jabatan kerana telah dinyatakan bentuk kesalahan tersebut, boleh menjatuhkan reputasi atau imej jabatan.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa isu-isu integriti bukan sahaja melibatkan perlakuan jenayah rasuah semata-mata sebaliknya melibatkan perbuatan jenayah-jenayah lainnya yang menyalahi undang-undang negara ini selain di bawah Akta SPRM 2009, pelanggaran tata tertib, lemah pegangan agama dan nilai-nilai murni, lemah tadbir urus dan tatasusila masyarakat.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa masih ramai dalam kalangan orang awam banyak mengaitkan isu-isu integriti dengan jenayah rasuah apabila berbicara mengenai masalah integriti di dalam perkhidmatan awam kerana kes-kes jenayah rasuah yang sering berlaku melibatkan anggota pentadbiran dan penjawat awam sejak sekian lamanya.

Hal ini kerana ramai dalam kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam terpalit dengan jenayah rasuah terutamanya perbuatan menerima suapan rasuah daripada syarikat atau kontraktor sewaktu menjalankan tugas, mengemukakan tuntutan palsu dan salah guna jawatan dalam urusan kontrak atau projek melibatkan ahli keluarga atau kroni mereka. Apabila isu jenayah rasuah kerap kali dilaporkan dalam media sosial maka persepsi masyarakat mudah memahami bahawa persoalan jenayah rasuah adalah isu integriti.

BAB 3

INTEGRITI DARI PERSPEKTIF ISLAM

Apabila menyentuh integriti dari sudut agama, pendekatan Islam adalah yang terbaik untuk digunakan dan dipraktik bagi menghadapi cabaran atau isu-isu integriti termasuk jenayah rasuah khususnya di Malaysia. Ajaran Islam merupakan ajaran Allah SWT yang merangkumi seluruh cara hidup umatnya. Kehidupan sosial Islam dibentuk atas prinsip yang bertujuan mencapai kemakmuran, kebahagiaan dan keamanan kepada setiap individu muslim dan masyarakat keseluruhannya tanpa mengira agama dan bangsa. Berusaha memiliki atau mendapatkan pangkat, jawatan, gaji lumayan atau kekayaan adalah naluri semula jadi manusia.

Ajaran Islam Mementingkan Integriti

Dalam Islam, Integriti merupakan satu perkara yang sangat penting terutamanya integriti dalam pekerjaan dalam mencari rezeki halal. Al-Syahid Imam Hasan Al-Banna berkata: “Islam menggalakkan manusia bekerja dan mencari rezeki. Malah Islam menetapkan orang yang berkemampuan wajib bekerja. Islam amat memuji pekerja-pekerja yang mahir lagi profesional. Islam juga tidak membenarkan manusia meminta-minta tanpa terlebih dahulu berusaha mendapatkan pekerjaan kecuali golongan yang benar- benar tidak mampu dari segi fizikal atau mental.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Ajaran Islam menjelaskan bahawa salah satu ibadat yang terbaik ialah bekerja. Bekerja adalah sunnah para Nabi. Hasil usaha yang terbaik adalah dengan hasil usaha tangan sendiri.

Kita hendaklah berusaha melakukan pekerjaan bersungguh-sungguh dan tidak melakukan pekerjaan bertentangan dengan syarak yang dilaknati oleh Allah SWT seperti terlibat dengan jenayah rasuah atau penipuan. Allah SWT berfirman dalam Surah At-Taubah, ayat 105 yang bermaksud:

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Bekerjalah kamu, maka Allah akan melihat pekerjaanmu, begitu juga RasulNya dan orang-orang mukmin, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui yang ghaib dan nyata. Lalu diberitakannya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.

Ajaran Islam melarang keras umatnya yang malas bekerja atau tidak mahu bekerja mencari rezeki atau tidak mahu bekerja atas alasan untuk menumpukan kepada ibadat solat, puasa sunat atau zikir kepada Allah SWT semata-mata. Ajaran Islam juga melarang keras seorang pekerja yang diamanahkan dengan tugas tidak berintegriti seperti terlibat dengan jenayah rasuah, penipuan, ponteng kerja, mencuri harta pejabat dan membuang masa bersembang kosong atau layari internet dalam waktu pejabat.

Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan unsur kerohanian dan jasmani yang merupakan suatu kekuatan kepada manusia. Unsur kerohanian yang terdiri dari roh, akal dan nafsu perlu dididik dengan nilai-nilai yang bersifat kerohanian yang memerlukan mekanisme pemantauan yang dikenali sebagai muhasabah diri. Tanpa pengisian kerohanian, akan menjerumuskan manusia bertindak mengikut hawa nafsu, tanpa memikirkan dosa dan pahala. Akibatnya, berlakulah perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang, peraturan atau norma-norma kehidupan bermasyarakat.

Integriti melalui kekuatan pegangan agama dan akhlak

Dalam konteks pemantapan integriti melalui kekuatan pegangan agama dan akhlak akan memberi kekuatan kepada tadbir urus terbaik kepada sesuatu pekerjaan dan pengurusan organisasi sesebuah jabatan. Sekiranya kita mengabaikan integriti bukan sahaja akan merosakkan akhlak kerana mengikut hawa nafsu dengan melakukan jenayah rasuah dan pelanggaran tata tertib tetapi juga melemahkan integriti dalam kehidupan berkeluarga, organisasi, institusi kemasyarakatan dan negara.

Integriti seseorang individu yang diamanahkan sesuatu kerja, sebenarnya boleh dibentuk dan diperkukuhkan bergantung kepada kekuatan pegangan agama di samping ada peringatan atau bimbingan sama ada oleh pihak atasan, rakan setugas atau ahli keluarga terdekat bahawa tugas itu adalah amanah dari Allah SWT. Kita perlu sentiasa melihat apa yang kita lakukan tanpa batasan waktu dan mengingatkan bahawa setiap perbuatan baik atau jahat akan menerima pembalasan di akhirat oleh Allah SWT.

Kekuatan dalaman kerohanian amat penting sebagai benteng ampuh kepada setiap pekerja baik penjawat awam atau swasta dalam menghadapi setiap tugas yang diamanahkan yang semakin mencabar. Untuk menghadapi cabaran dunia pekerjaan mungkin tiada masalah kerana ianya boleh dipelajari tetapi menghadapi cabaran dan dugaan tawaran atau sogokan rasuah oleh pihak yang ada urusan dengan kita seperti kontraktor atau syarikat yang sentiasa dahagakan projek dan sentiasa menanti peluang ingin mendekati diri dengan kita sebagai pihak yang ada kedudukan atau jawatan penting untuk mendapatkan habuan kontrak, permit atau lesen belum tentu kita dapat menyelamatkan diri dari godaan tersebut. Sejarah membuktikan sudah berapa ramai pemimpin negara, anggota pentadbiran kerajaan dan penjawat awam yang kecundang dengan amalan jenayah rasuah dan akhirnya meringkuk dalam penjara atau tersungkur dari takhta kuasa. Oleh itu, Islam amat menekankan betapa pentingnya integriti kerana;

a) Melaksanakan tugas yang diamanahkan adalah perintah Allah SWT.

Sekiranya kita gagal menunaikan amanah bererti kita telah mengkhianati atau melanggar kewajipan yang diberikan. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 27 yang bermaksud:

Janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diserahkan kepada kamu sedangkan kamu mengetahui dosanya

b) Integriti membawa manusia untuk keselamatan dunia dan akhirat.

Setiap anugerah yang Allah SWT berikan kepada manusia seperti jawatan, kenaikan pangkat dan gaji lumayan yang diterima adalah merupakan ujian Allah SWT. Manusia yang gagal dalam ujian akan terjerumus dengan kancuh perbuatan mungkar seperti jenayah rasuah, mencuri atau pecah amanah jenayah. Jawatan atau pangkat telah digunakan untuk mengumpul harta kekayaan dan kesenangan dunia semata-mata. Allah SWT memberi peringatan dalam Surah Al-Anfal, ayat 28 yang bermaksud:

..dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah ujian (fitnah) dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar

c) Manusia yang berintegriti akan sentiasa menjaga imannya dan akhlaknya

Seseorang itu akan memastikan melakukan perbuatan baik dan tidak bertentangan dengan syarak seperti tidak terjebak dengan perbuatan jenayah rasuah, ponteng kerja atau cuai dalam melaksanakan tugas diamanahkan. Dia yakin bahawa orang yang berintegriti akan sentiasa dipermudahkan Allah SWT dalam setiap urusan kerjanya. Dia akan sentiasa takut bahawa dirinya akan sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 25 yang bermaksud;

Tuhan kamu lebih mengetahui akan apa yang ada dalam hati kamu. Kalaulah kamu orang yang bertujuan baik mematuhi perintahNya, maka sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat

d) Orang yang berintegriti akan melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab

Dia akan memastikan tanggungjawab diamanahkan dipenuhi dan memastikan hak pelanggannya dan majikannya dipenuhi tanpa mengharapkan ganjaran kewangan atau upah selain gaji yang ditetapkan oleh majikannya. Dia sedar jika dia mengambil upah atau ganjaran selain dari gajinya akan dicatat oleh Allah SWT dan akan menerima balasan buruk oleh Allah SWT di akhirat nanti. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Fussilat, ayat 46 bermaksud;

Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, faedahnya akan kembali kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri. Dan Tuhan mu tidak berlaku zalim kepada hamba-hambanya

Manakala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286, Allah SWT berfirman yang bermaksud;

Allah tidak membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Mereka dibalas bagi setiap kebaikan yang mereka usahakan dan begitu juga mereka dibalas bagi setiap kejahatan yang mereka usahakan

Oleh itu, pemantapan integriti diri sama ada sebagai pekerja atau majikan menyelamatkan diri seseorang itu, ahli keluarganya dan masyarakatnya dari terjebak dengan sifat tamak dan cintakan kehidupan dunia dengan kemewahan dan panjang angan-angan dalam mencari harta dunia tanpa mempedulikan rezeki haram.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Bersegeralah melakukan amalan soleh sebelum datang fitnah (musibah) seperti potongan malam yang gelap. Iaitu seseorang pada waktu pagi dalam keadaan beriman dan di petang hari dalam keadaan kafir. Ada pula yang petang hari dalam keadaan beriman dan di pagi hari dalam keadaan kafir. Ia menjual agamanya kerana sedikit dari keuntungan dunia (Hadis Riwayat Muslim).

Oleh itu laksanakan setiap tugas atau pekerjaan yang diamanahkan kepada kita dengan penuh integriti dan sentiasa ingat bahawa kita akan mati pada bila-bila masa sahaja dan alangkah malang dan ruginya sekiranya kita melakukan perbuatan mungkar, kita mati dalam keadaan tidak sempat bertaubat.

Yakinlah bahawa nikmat sementara yang kita kejar melalui mengumpul harta kekayaan dengan melakukan jenayah rasuah atau penipuan akan hilang apabila kita mati dan balasan azab neraka Allah SWT menanti mereka yang melakukan perbuatan keji itu.

Begitu juga kita hendaklah menghindari perasaan hasad dengki terhadap orang lain yang memperolehi pendapatan atau kekayaan yang Allah SWT, sebaliknya hendaklah sentiasa redha dengan ketentuan dan kurniaan Allah SWT kepada makhlukNya.

Beljarlah mengikhhlaskan diri dengan setiap kerja yang diamanahkan kepada kita. Jauhilah perasaan tamak, gila pangkat atau jawatan dan bersikap sentiasa tidak puas dengan rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada kita. Sebaliknya sentiasa redha dan hiduplah secara bersederhana dan berpada- pada (qanaah).

BAB 4

JENAYAH RASUAH DARI SUDUT ISLAM DAN UNDANG-UNDANG

Menurut kamus Dewan Bahasa (1984: 409), perkataan rasuah bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk iaitu dengan menyogok atau menyuap, wang tumbuk rusuk iaitu sogok atau suap dengan wang atau benda berharga. Manakala perkataan 'suap' bermaksud wang sogok, rasuah.

Dalam masyarakat Malaysia, telah wujud beberapa simpulan bahasa yang memberi makna rasuah berdasarkan kefahaman mereka seperti tumbuk rusuk, makan suap atau duit kopi.

Manakala kamus Arab Al-Nihayat (1963: 234), dari segi bahasa rasuah adalah suatu tujuan untuk mencapai matlamat dengan segala cara, asalkan tujuan tercapai. Ianya mempunyai perkaitan dengan makna 'Ar-Rasyi', 'Raisy' dan 'Al-Murtasyi'.

Makna Ar-Rasyi ialah orang yang memberi sesuatu (pemberi rasuah) misalnya wang kepada pihak kedua (penerima rasuah) yang bersubahat menyokong perbuatan batil itu. Makna Al-Murtasyi ialah penerima suapan rasuah. Manakala makna Raisy pula bermaksud orang tengah (perantara) di antara pemberi dan penerima rasuah.

Syeikh Abdul Aziz (1987:56) mendefinisikan jenayah rasuah sebagai **Memberi harta kepada seseorang sebagai imbalan atau upah kerana pelaksanaan masalah iaitu tugas atau kewajipan yang mana tugas itu harus dilaksanakan tanpa menunggu imbalan atau wang komisen.**

Manakala Yusof Al-Qaradawi (1991: 123) mendefinisikan jenayah rasuah sebagai; **Sesuatu yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai kekuasaan atau jawatan untuk memenangkan kesnya dengan menewaskan lawan-lawannya sesuai dengan apa yang telah ia inginkan atau memberikan peluang kepadanya atau menyingkirkan saingannya.**

Jenayah Rasuah Dari Perspektif Islam

Perbuatan jenayah rasuah diharamkan oleh Allah SWT dan hukumnya berdosa besar. Ajaran Islam melarang keras perbuatan jenayah rasuah kerana bukan sahaja berdosa besar di sisi agama, tetapi juga kerana membabitkan unsur kezaliman dan penindasan serta mengambil hak orang lain secara salah.

Pelaku jenayah rasuah sama ada pemberi, penerima atau orang tengah wajib bertaubat nasuha dengan segera dan sekiranya ada individu yang teraniaya akibat perbuatan rasuah dilakukannya, taubatnya tidak memadai tanpa memohon kemaafan daripada mangsa, memulangkan balik haknya atau membayar ganti rugi.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 188 bermaksud;

Dan janganlah sebahagian daripada kamu memakan (atau mengambil) harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah pula kamu menghulurkan harta kamu (yakni memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak (atau mengambil) sebahagian dari harta orang lain itu dengan jalan berbuat dosa, pada hal kamu mengetahui (salahnya).

Maksud ayat tersebut dengan jelas larangan keras dan hukuman oleh Allah SWT menanti sesiapa sahaja yang mengambil harta orang lain bukan dengan cara yang dibenarkan syariat. Antara contoh

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

bentuk memakan harta dengan cara batil seperti seorang hakim yang memenangkan kes seseorang yang telah memberi habuan rasuah kepadanya, sedangkan orang itu tahu dia yang bersalah.

Begitu juga contoh seorang anggota penguat kuasa undang-undang tidak menangkap seseorang melakukan jenayah mencuri, menyamun atau menyeludup dadah kerana penjenayah itu telah menyogok pegawai tersebut dengan wang. Rasulullah SAW dengan tegas memberi peringatan kepada umatnya dengan sabdanya bermaksud;

Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam neraka
(Hadis Riwayat At-Thabrani)

Demikianlah, mereka yang terlibat dengan perbuatan rasuah itu selain daripada mendapat laknat Allah SWT dan RasulNya, mereka juga akan menerima azab yang pedih di akhirat kelak, sebagaimana disebutkan dalam hadis di atas. Manakala di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud pula, Rasulullah SAW bersabda;

Rasuah bagi menetapkan hukum (bagi pemerintah atau hakim) adalah kekufuran, ada pun bagi masyarakat adalah Al-Suht (haram).

Dalam mentafsirkan hadis di atas, Umar Al-Khattab dan Ibn Mas'ud mengatakan yang dimaksudkan dengan Al-Suht (suatu yang haram) adalah rasuah. Rasulullah SAW pernah mengutus Abdullah bin Rawahah ke tempat orang-orang Yahudi untuk menentukan jumlah cukai yang mesti dibayar. Kemudian mereka menyogok sejumlah wang kepadanya. Lalu Abdullah berkata kepada orang-orang Yahudi itu: **Wang suap yang kamu sogokkan kepadaku itu adalah haram. Oleh itu kami tidak akan menerimanya.**

Ajaran Islam membenarkan pemberian upah atau gaji apabila seseorang dilantik memegang sesuatu jawatan dalam kerajaan. Mereka wajib diberi ganjaran setimpal dengan kelayakan dan amanah yang dipikulnya. Walau bagaimanapun sekiranya, dia mengambil wang atau hadiah selain dari upah dibayar dalam menjalankan tugas rasminya, maka upah atau wang itu dianggap sebagai rasuah (suatu pengkhianatan).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Barang siapa yang kami angkat menjadi pegawai dengan tugas tertentu dan telah kami berikan upah sebagaimana mestinya, maka apa yang dia ambil di luar daripada apa yang telah diberikan, maka itu namanya pengkhianatan (rasuah) (Hadis Riwayat Abu Daud).

Apa yang dimaksudkan dengan hadis tersebut ialah seorang pegawai yang sudah dibayar gajinya untuk melaksanakan tugas rasminya dan jika dia mengambil habuan atau upah selain dari gaji yang layak diterima sewaktu menjalankan tugas rasminya, maka dia telah mengkhianati amanah yang diberikan oleh majikannya.

Jenayah rasuah ini tidak mengira bentuk kecil atau besar, ianya tetap perbuatan jenayah yang dilaknati oleh Allah SWT kerana ianya satu perbuatan batil sebagai balasan untuk mendapatkan suatu yang bukan haknya atau menzalimi hak pihak lain yang menyalahi undang-undang dan agama.

Oleh demikian, larangan terhadap perlakuan jenayah rasuah ditekankan oleh ajaran Islam di dalam ketiga-tiga institusi terpenting dalam hidup bernegara dan berorganisasi iaitu politik dan pentadbiran negara (*executive*), perundangan (*legislative*) dan kehakiman (*judiciary*). Ajaran Islam amat menekankan seberat-beratnya tentang kewajipan setiap mereka yang terlibat dalam pengurusan institusi-institusi tersebut supaya berlaku adil, amanah, jujur dan menjauhi perbuatan jenayah rasuah. Misalnya dalam kehakiman, Rasulullah SAW telah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan At-Tarmizi bermaksud;

Allah melaknat mereka yang menerima rasuah di dalam kehakiman.

Jenayah Rasuah Dari Sudut Syariah Islam

Dari sudut Syariah Islam, pelaku jenayah rasuah yang disabitkan kesalahannya boleh dihukum mengikut kaedah Ta'zir. Iaitu hakim boleh menggunakan budi bicaranya untuk menjatuhkan hukuman yang adil setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Hukum Ta'zir hendaklah dikenakan dalam bentuk seperti sebatan, penjara, denda, buang negeri dan sebagainya mengikut budi bicara hakim.

Hukum Ta'zir bertujuan untuk memberi pengajaran kepada penjenayah rasuah dan orang ramai mengambil iktibar dengan hukuman tersebut. Prinsip keadilan sangat ditekankan di dalam ajaran Islam. Sekiranya disabitkan dengan kesalahan, hukuman yang dijatuhkan tidak seharusnya berlaku diskriminasi (Mohd Nur Manuty, 1998: 8).

Menurut Syeikh Abdul Nuhsin Al-Syeikh Al-Qadi yang disebut oleh Abu Abdul Halim (1998: 106) menyatakan hukuman Ta'zir hendaklah dikenakan seperti dalam kes jenayah rasuah kerana tiada hukum hudud kifaratus yang ditentukan oleh Allah SWT seperti jenayah mencuri, membunuh, zina dan fitnah. Agama Islam tidak membezakan di antara kelas menengah dan bawah, pemimpin dan rakyat atau pegawai kerajaan dan orang awam. Tiada mana-mana pihak yang kebal dengan hukum Islam. Manusia adalah sama di sisi Allah SWT. Allah SWT berfirman (Surah Al-Maidah, Ayat 8) mengingatkan para penguasa (pemerintah) supaya menjatuhkan sesuatu hukuman itu dengan seadil-adilnya;

Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kerana kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana berlaku adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Rasulullah SAW pernah mengingatkan umat Islam perlu adil dalam menjatuhkan hukuman ke atas sesiapa sahaja yang melakukan jenayah sebagaimana hadis diriwayat Ahmad, Muslim dan Nasa'i yang bermaksud;

Akibat hancurnya umat sebelum kita (Muslim) adalah jika golongan berpengaruh yang berbuat jenayah (mencuri) maka dibiarkan dan dibebaskan yakni tidak mengambil tindakan menghukum. Namun jika orang lemah yang mencuri, dengan segera mereka dihukum (dipotong tangannya). Demi Allah yang jiwa Muhammad berada ditanganNya, seandainya Fatimah puteri Muhammad yang mencuri, sungguh aku sendiri yang memotong tangannya (Hadis Riwayat Ahmad, Muslim dan Nasa'i).

Dapatlah dirumuskan bahawa sebarang hukuman ke atas kesalahan jenayah rasuah perlu adil ke atas semua orang tidak kira ianya ahli politik, menteri, pegawai kanan kerajaan atau pegawai bawahan. Tiada mana-mana pihak yang kebal dengan hukum Islam.

Maksud Jenayah Rasuah Dari Sudut Undang-Undang

Pengertian rasuah dari segi undang-undang di Malaysia tidak dinyatakan secara khusus. Perbuatan rasuah merangkumi perspektif yang lebih luas dan tidak hanya memberi makna 'memberi' atau 'menerima' suapan wang rasuah sahaja. Mengikut undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah mendefinisikan pengertian "**suapan**" merangkumi:

- a) Wang, derma, alang, pinjaman, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada harta alih atau tidak alih atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak, perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberi pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- d) Apa-apa balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, potongan atau peratusan;
- e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain seperti perlindungan dari apa-apa penalti atau tindakan mahkamah;
- g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f) di atas.

Apa yang dimaksudkan dengan pengertian “suapan” di bawah Akta SPRM 2009 itu ialah apa-apa saja bentuk suapan rasuah berupa wang, hadiah, komisen, derma, upah, diskaun, benda berharga, apa-apa tawaran jawatan atau perkhidmatan yang diterima oleh seseorang yang diamanahkan dengan jawatan atau kedudukan rasmi sama ada sebagai anggota pentadbiran, penjawat awam atau bertugas di sektor swasta. Suapan rasuah itu adalah sebagai balasan atau upah kerana menolong seseorang untuk mendapatkan sesuatu atau melepaskan seseorang daripada diambil tindakan yang ada kena mengena dengan tugas rasmi jawatannya itu.

Akta tersebut juga terpakai ke atas mana-mana orang awam yang memberikan suapan rasuah kepada mana-mana penjawat awam atau pekerja sektor swasta sebagai balasan untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan, kontrak, lesen atau melepaskan diri dari diambil tindakan undang-undang.

Berdasarkan kepada pelbagai definisi yang diberikan kepada jenayah rasuah, secara umumnya dapatlah dirumuskan bahawa perbuatan Jenayah rasuah adalah suatu perbuatan meminta atau menerima

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

suapan rasuah, memberi atau menawarkan suapan rasuah, mengemukakan dokumen atau tuntutan palsu dan salah guna jawatan atau kedudukan yang diamanahkan apabila memperoleh apa-apa suapan rasuah, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya dalam menjalankan tugas rasminya. Bentuk-bentuk suapan rasuah lazimnya melibatkan wang, hadiah, komisen, diskaun, apa-apa harta atau perkhidmatan sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang atau mendapatkan sesuatu di luar saluran yang sah dari segi undang-undang atau moral.

Hukuman Kesalahan Jenayah Rasuah

Menurut Seksyen 24, Akta SPRM 2009, mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan jenayah rasuah boleh disabitkan hukuman dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah nilai suapan rasuah atau RM10,000.00, mengikut yang mana lebih tinggi.



Gambar Hiasan: Anda akan terdedah kepada tawaran rasuah dalam menjalankan tugas. Pastikan anda berupaya menolak pemberian itu.

BAB 5

JENAYAH RASUAH MEMBAWA KEPADA SYIRIK

Syirik bermaksud sesuatu perbuatan yang menyekutukan Allah SWT dalam apa juga bentuk sama ada perkataan, pegangan, perbuatan dan iktikad iaitu dengan menjadikan suatu yang lain sama ada makhluk bernyawa atau sebaliknya menyamai bagi Allah SWT. Perbuatan syirik bercanggah dengan ajaran Islam kerana mendudukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain. Pelakunya telah melakukan dosa besar dan Allah SWT tidak akan mengampunkan dosa orang yang melakukan syirik kepadaNya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Bahawa sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa seseorang yang syirik kepadanya dan Allah akan mengampunkan kepada sesiapa yang Dia kehendaki iaitu selain daripada dosa syirik. Barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar (Surah an-Nisa', Ayat 48).

Ramai dalam kalangan umat Islam beranggapan bahawa perbuatan syirik lebih kepada melakukan perbuatan seperti menyembah berhala, perbuatan sihir atau apa sahaja yang menyamakannya sesuatu dengan Allah SWT. **Adakah dengan tidak menyekutukan Allah SWT secara terang itu kita tidak melakukan syirik kepadaNya?**

Ramai tidak sedar bahawa perbuatan syirik secara tersembunyi atau dikenali **syirik khafi** juga mengundang bahaya dosa besar dan menyebabkan segala amalan soleh kepada Allah SWT walaupun dilakukan secara bersungguh-sungguh akan menjadi sia-sia dan menambah dosa besar yang membawanya ke neraka pula.

Menurut Profesor Dr Yusuf Al-Qaradhawi (1991) amalan memberi suapan rasuah adalah berdosa besar dan membawa kepada syirik kerana anggapan pemberi rasuah bahawa **jika aku tidak beri, maka pasti tidak dapat**. Hal ini yang merosakkan iman kerana mereka menganggap pemberi rezeki sudah beralih daripada Allah SWT kepada manusia.

Maka, benarlah apa yang disebutkan oleh Prof Dr Yusuf Al-Qaradhawi bahawa situasi sekarang ramai dalam kalangan kontraktor atau peniaga yang sentiasa mengharapkan kontrak, tender atau permit dengan jabatan-jabatan kerajaan atau syarikat. Mereka terpaksa merasuahkan pegawai tertentu semata-mata untuk mendapatkan projek atau kontrak apabila pegawai tersebut meminta habuan rasuah. Kontraktor atau peniaga tersebut merasakan kalau dia tidak berikan suapan rasuah, dia tidak akan dapat kontrak, permit atau kontrak akan disambung lagi.

Dia merasakan tidak dapat meneruskan kehidupannya untuk menyara hidup keluarganya sebagai kontraktor atau peniaga kalau dia tidak merasuahkan pegawai kerajaan itu untuk mendapatkan kontrak atau permit atau untuk menyambung kontrak tersebut. Dia tidak pedulikan lagi bahawa memberikan suapan rasuah kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan kontrak atau projek adalah haram dan berdosa besar asalkan dia dapat peluang tersebut. Hal ini mudah berlaku terutamanya dalam kalangan mereka yang terlibat dengan perniagaan seperti kontraktor bangunan, pengendali perkhidmatan, pembekal makanan, pembekal peralatan dan sebagainya.

Oleh itu, berhati-hatilah dalam setiap perbuatan atau melakukan pekerjaan, lebih-lebih lagi dalam mencari keberkatan rezeki. Jangan

kita terjebak dengan mendapat rezeki yang haram berpunca dari cara kita mendapatkan rezeki tersebut. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Bahawasanya, sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah ke neraka (Surah al-Ma'idah, Ayat 72).

Adakah Penjawat Awam Tidak Terlibat?

Begitu juga syirik khafi boleh berlaku dalam kalangan pekerja makan gaji termasuk penjawat awam apabila melakukan jenayah rasuah atas alasan gaji tidak cukup. Mereka sanggup menyatakan; **Kalau tidak ambil wang rasuah, mana cukup wang untuk belanja kehidupan ahli keluarga? Gaji saya kecil, kalau tidak ambil wang rasuah mana cukup untuk bayar ansuran kereta?**

Mereka beranggapan hanya melalui suapan rasuah mereka boleh memperolehi rezeki yang mencukupi keperluan hidup untuk diri, keluarga dan untuk hidup selesa. Apa yang dia hendak, semuanya boleh dapat tanpa bersusah payah. Kalau harapkan gaji bulanan, mereka merasakan hidup mereka sentiasa “ikat perut” terutama pertengahan bulan. Mereka tidak pedulikan lagi persoalan rezeki itu halal dan haram untuk ahli keluarganya.

Oleh itu, berhati-hatilah dalam mencari rezeki agar kita tidak dibelenggu dengan meniru budaya atau amalan salah yang dilakukan oleh para peniaga atau kontraktor yang tidak berintegriti yang bercanggah dengan ajaran Islam. Mereka sedaya upaya dengan apa cara sekalipun untuk mendapat habuan kontrak atau tender. Bagi mereka matlamat menghalalkan semua cara tanpa mengira halal atau haram. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Barang siapa yang berharap untuk bertemu dengan Allah (di hari akhirat kelak), maka hendaklah dia melakukan amal soleh dan jangkanlah dia mempersekutukan Allah dengan sesuatu di dalam ibadahnya (Surah al-Kahfi, Ayat 110).

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Justeru, berhati-hatilah dalam setiap perbuatan dan tindak tanduk supaya kita tidak dibelenggu perbuatan adat dan kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar kerana perbuatan merosakkan akidah itu terhadap Allah SWT sehingga boleh membawa kepada dosa besar yang akhirnya menjerumuskan kita ke neraka.

Oleh itu hindari amalan membawa syirik khafi ini. Kita harus lebih berhati-hati kerana dibimbangi tanpa disedari kita tergolong dalam melakukan perbuatan syirik seperti itu dalam mencari rezeki untuk keluarga dan keperluan hidup seharian.

Allah SWT menjelaskan bahaya syirik khafi dalam firman-Nya yang bermaksud:

Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada nabi terdahulu sebelumnya, jika kamu mempersekutukan Tuhan, nescaya akan terhapuslah segala amalanmu dan tentulah kamu termasuk di kalangan orang yang rugi (Surah az-Zumar, Ayat 65).

Kita hendaklah meyakini bahawa seseorang yang berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal dan ikhlas kepada Allah SWT di samping suka bersedekah akan menambah rezeki dan diberkati Allah SWT.

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'rif dan mencegah dari yang mungkar, mereka itulah orang-orang yang beruntung

(Surah Ali 'Imran, Ayat 104)

BAB 6

JENAYAH RASUAH MEMBAWA KEPADA DOSA BERANGKAI

Perbuatan jenayah rasuah adalah satu bentuk kezaliman yang bukan sahaja merosakkan diri pelakunya, tetapi juga membawa “dosa berangkai” kepada diri sendiri, ahli keluarga, masyarakat dan negara. Orang yang menikmati hasil jenayah rasuah sebagai rezeki perlu menyedari bahawa kesannya kepada ahli keluarga yang diberi makanan, pakaian atau perhiasan dari hasil yang haram tersebut. Sedangkan Rasulullah SAW amat tegas menyebut akan balasan orang yang memakan makanan yang haram dan tidak halal.

Allah SWT berfirman bermaksud; **Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu** (Surah Al-Baqarah, Ayat 168).

Seorang ayah yang mengambil wang rasuah semasa menjalankan tugas rasminya sebagai penjawat awam dan dia belikan makanan atau keperluan dapur atau pakaian atau peralatan rumah untuk ahli keluarganya, akan mengakibatkan ahli keluarganya memakai atau menanggung hasil rezeki yang haram.

Allah SWT tidak akan menerima solat orang yang selama mana dia memakai pakaian yang dibeli hasil daripada wang rasuah. Rasulullah SAW bersabda bermaksud;

Barang siapa membeli baju sepuluh dirham, sedangkan satu dirham sahaja daripada yang sepuluh itu berasal dari sumber haram, maka Allah SWT tidak akan menerima solat orang tersebut selama baju itu masih dipakainya (Hadis Riwayat Ahmad).

Ingatlah bahawa selagi pewaris harta hasil perbuatan jenayah rasuah yang ditinggalkan oleh seseorang perasuah yang sudah meninggal dunia. Dia akan tanggung dosa berangkai selagi harta haram itu digunakan oleh waris-waris yang masih hidup. Semakin berkembang harta haram hasil jenayah rasuah yang ditinggalkan oleh perasuah melalui pegangan dalam bentuk hartanah, saham pelaburan atau perbelanjaan harian, semakin bertambahlah saham dosa berangkai akan ditanggung oleh perasuah itu.

Dosa berangkai juga akan berlaku sekiranya ada kalangan ketua keluarga khususnya bapa tahu, tetapi tidak pernah menasihati atau memberi pengetahuan berkaitan bentuk dan jenis kesalahan jenayah rasuah yang haram di sisi agama dan undang-undang kepada anak-anak terutamanya yang sudah meningkat dewasa dan mempunyai pekerjaan sama ada dalam sektor awam atau swasta. Mereka membiarkan anak-anak mereka sehingga ada kalangan anak-anak mereka terpalit dengan jenayah rasuah.

Begitu juga seseorang majikan atau ketua jabatan tidak pernah menegur atau menasihati pegawai bawahan dari melakukan perbuatan jenayah rasuah. **Apabila mereka membiarkan pegawai bawahan mereka bergelumang dengan jenayah rasuah, mereka juga akan bersubahat sama berdosa kerana tidak pernah menegur atau mengambil tindakan sewajarnya ke atas pegawai bawahan itu termasuk melaporkan kepada pihak berkuasa.**

Allah SWT berfirman yang bermaksud;

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya) (Surah Al-Ma'idah, Ayat 2).

Oleh itu, amalan nasihat-menasihati bukan hanya diberikan ketika seseorang itu melakukan kesalahan sahaja malah umat Islam harus sentiasa mengamalkan nasihat-menasihati dan tolong-menolong agar dapat ingat-mengingati ke arah kebajikan dan kebaikan antara satu sama lain.



Gambar Hiasan: Anda akan terdedah kepada tindakan undang-undang sekiranya membiarkan diri anda menerima suapan rasuah dalam tugas rasmi

BAB 7

PENJENAYAH RASUAH ADALAH SEORANG MUNAFIK

Mana-mana anggota pentadbiran, penjawat awam atau kakitangan swasta yang diamanahkan dengan kuasa di tangan, apabila dia menerima suapan rasuah daripada mana-mana orang yang ada urusan rasmi dengan tugasnya seperti melibatkan kelulusan kontrak, tender atau menguatkuasakan undang-undang sebagai balasan untuk mengambil tindakan meluluskan atau memperakukan sesuatu kontrak atau lesen atau untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang. Dia bukan sahaja melakukan jenayah rasuah dan boleh dihukum di bawah Akta SPRM 2009 semata-mata tetapi juga telah pecah amanah dengan jawatan diberikan.

Perasuah itu telah melanggar amanah. Kalau dia seorang penjawat awam, dia telah pecah amanah bukan sahaja kepada majikannya iaitu ketua jabatannya dan kerajaan Malaysia, tetapi amanah kepada Allah SWT. Hal ini kerana jawatan itu diberikan oleh manusia atas kehendak dan keizinanNya. Orang yang gagal menunaikan amanah adalah berdosa besar, apatah lagi dia melanggar amanah dengan menerima suapan rasuah daripada seseorang untuk tidak mengambil tindakan atau bertindak bertentangan dengan jawatan rasminya.

Orang yang melanggar amanah termasuk dalam golongan munafik. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Tanda-tanda orang munafik itu ada tiga; jika dia berkata-kata, dia berdusta, apabila berjanji, dia mungkir, apabila diberi amanah, dia khianati (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Amat jelaslah bahawa orang yang tidak amanah dengan tugas diberikan kepadanya adalah seorang pengkhianat. Dia menjadi pengkhianat kepada dirinya sendiri. Iaitu dia telah meletakkan dirinya seorang yang berdosa di sisi Allah SWT dan hina di sisi manusia.

Dia menjadi pengkhianat kepada ibubapanya kerana telah memalukan atau menjatuhkan maruah ibubapanya sendiri apabila dia ditangkap dan didakwa kerana melakukan jenayah rasuah. Dia juga telah mengkhianati keharmonian keluarganya sendiri kerana telah menyusahkan ahli keluarganya apabila dia dibuang kerja atau dihukum penjara kerana pecah amanah dengan tugas apabila terlibat jenayah rasuah.

Ahli keluarganya juga akan malu untuk berdepan dengan masyarakat apabila mereka mengetahui dia terlibat dengan jenayah rasuah. Dia juga telah menjatuhkan reputasi atau imej jabatannya dan perkhidmatan awam keseluruhannya di atas perbuatan buruknya itu. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nisa', Ayat 29-30 bermaksud;

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihi kamu. Dan sesiapa berbuat demikian dengan menceroboh dan aniaya, maka kami akan masukkan dia ke dalam api neraka, dan balasan yang sedemikian itu adalah mudah bagi Allah, (tidak ada sesiapa pun yang dapat menghalangnya).

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Sekiranya dia seorang beragama Islam, perbuatannya itu telah menjatuhkan maruah agama dan umat Islam yang lain. Orang bukan Islam beranggapan bahawa umat Islam tidak amanah dan tidak boleh dipercayai apabila diberikan tanggungjawab memegang sesuatu jawatan dalam sektor awam atau swasta.

Marilah sama-sama kita berusaha mempertingkatkan integriti melalui kesedaran agama dan moral dalam memastikan amanah yang dipikul sebagai penjawat awam atau mana-mana jenis pekerjaan tidak digadai semata-mata kerana suapan rasuah.



Gambar Hiasan: Antara bentuk-bentuk suapan rasuah yang sering diterima oleh perasuah dalam menjalankan tugas rasminya.

BAB 8

ANTARA DERMA, HADIAH DAN SUAPAN RASUAH

Sejak mutakhir ini, polemik antara derma, hadiah, sedekah dan suapan rasuah sering diperkatakan atau menjadi tular dalam media sosial. Apabila berbicara mengenai rasuah, pada kebiasaannya para penjawat awam atau pemimpin politiklah yang akan selalu dikaitkan dengan perlakuan jenayah rasuah.

Derma

Satu pemberian berupa wang atau harta dalam jumlah tertentu kepada penerima. Penderma selalunya dikaitkan dengan orang kaya atau berharta memberi derma kepada orang miskin atau rumah kebajikan. Pemberi lazimnya tidak dijanjikan apa-apa oleh si penerima derma. Tetapi si pemberi biasanya akan dapat melihat hasil dermanya. Misalnya, si penderma dapat melihat hasilnya dalam bentuk pembinaan masjid, rumah anak yatim dan sebagainya di samping ganjaran pahala atau mengharapkan pelepasan cukai pendapatan.

Sukar untuk menentukan sama ada derma merupakan suapan rasuah atau sebaliknya. Ianya bergantung kepada niat seseorang. Kita sebut derma tetapi ada niat di sebaliknya seperti untuk mendapatkan sesuatu habuan. Hal ini kerana jenayah rasuah boleh

menjelma dalam pelbagai bentuk. Ada kalanya bergantung kepada situasi masyarakat tertentu. Ada dalam kalangan ahli masyarakat mengatakan pemberian derma atau hadiah kepada penjawat awam tidak suapan rasuah dan sebaliknya.

Hadiah

Hadiah adalah pemberian atas sebab suka atau kasih sayang tanpa sebarang tuntutan atau ganjaran balas yang disyaratkan. Hadiah boleh berupa cenderahati, hamper atau buah tangan kepada seseorang tanpa perjanjian sebelum dilakukan sebagai mengenang budi atau balas jasa atau ianya juga boleh ditafsirkan sebagai suatu upah. Hadiah yang ikhlas diberikan atas dasar kasih sayang antara ahli keluarga dan persahabatan adalah digalakkan oleh Islam.

Hadiah satu jalan mengeratkan silaturahim antara kita atas kejujuran dan keikhlasan jiwa. Sebagai contoh, seorang penjawat awam menerima telefon bimbit atau hamper sempena hari lahirnya daripada sahabat karibnya, yang juga bekerja sebagai kontraktor tanpa diminta. Sahabatnya itu tidak pernah ada urusan rasmi dengan penjawat awam itu atau jabatannya. Hadiah diberikan sebagai tanda ingatan ikhlas sahaja. Hadiah yang ikhlas adalah digalakkan dalam Islam. Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

Berilah hadiah nanti kamu akan sayang menyayangi (Hadis Riwayat Bukhari).

Suapan Rasuah

Suapan rasuah pula adalah pemberian sama ada dalam bentuk wang, barang berharga, harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperolehi sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi hak pihak lain. Rasuah adalah jenayah dalam bentuk penyalahgunaan jawatan yang telah diamanahkan untuk kepentingan peribadi, saudaranya atau sekutunya. Jenayah rasuah juga merangkumi kesalahan mengemukakan tuntutan palsu, memberi atau menawarkan suapan rasuah, meminta atau menerima suapan rasuah sama ada dalam bentuk wang, hadiah, derma, komisen, diskaun, apa-apa harta atau perkhidmatan sebagai balasan untuk mendapatkan suatu di luar

saluran sah di sisi undang-undang. Menurut Islam, jenayah rasuah amalan keji dan dilaknati Allah SWT. Ada kalanya suapan rasuah bersalut hadiah yang diberikan kepada seseorang untuk mewajarkan tindakannya menurut undang-undang. Allah SWT berfirman;

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya) (Surah Al-Baqarah, ayat 188).

Perbuatan jenayah rasuah adalah dosa yang besar. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

Allah melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah serta orang yang memberi jalan terhadap kedua-duanya (perantara) (Hadis riwayat Ibnu Ahmad).

Bilakah Hadiah Menjadi Suapan Rasuah?

Pengertian hadiah dari sudut syarak seperti ditakrif oleh Mazhab Syafi'e dan Hambali ialah pemberian seseorang semasa hayatnya tanpa sebarang pertukaran sama ada berupa benda atau manfaat. Sekiranya pemberian hadiah atau derma mengharapkan balasan atau mengharapkan lebih dari nilai pemberiannya, Imam Syafi'e berpendapat perbuatan itu haram hukumnya di sisi syarak kerana ia seumpama jual beli yang mengandungi unsur penipuan (Al-Mawardi, 1994).

Menurut Imam Al-Ghazali pula, sekiranya hadiah diberikan kepada orang yang berpengaruh atau berkedudukan jawatan disandang atau dengan maksud dia tidak akan diberi hadiah sekiranya tidak memegang jawatan tersebut, maka haram baginya menerima hadiah itu kerana ia seperti rasuah (Al-Mawardi, 1994).

Menurut Imam Ibnu Taimiyah pula, barangsiapa yang memberikan hadiah kepada Waliyul Amri (pemerintah) untuk melakukan

perbuatan yang tidak diperbolehkan (pelanggaran), maka hadiah tersebut haram bagi pemberi dan penerima. Hadiah di sini sama dengan jenayah rasuah yang diharamkan.

Sekiranya hadiah diberikan atas sebab tugas rasmi melibatkan jawatan atau kedudukan yang dipegang, maka hadiah itu ialah rasuah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Apa jadi dengan pegawai yang kita utuskan, kemudian pulang dan berkata: "Ini bahagian kamu, ini bahagian aku. Silakan dia duduk di rumah ayah dan ibunya, lalu tunggu adakah akan diberikan hadiah kepadanya atau tidak? Demi Allah, dia (pegawai berkenaan) tidak mengambil sesuatu melainkan pada Hari Kiamat nanti dia akan menanggung pemberian itu atas tengkuknya (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Mengikut Seksyen 3, Akta SPRM 2009, pengertian "suapan rasuah" termasuklah wang, hadiah, derma, komisen dan sebagainya. Sek. 3 Akta ini perlu dibaca bersama dengan jenis perlakuan rasuah mengikut bentuk kesalahan seperti di bawah Sek. 16 dan 17 Akta ini. Secara umumnya Seksyen 16 (a)(A) dan 17(a) Akta ini menjelaskan mana-mana orang termasuk penjawat awam yang bertindak bertentangan dengan urusan atau tugas prinsipal masing-masing meminta atau menerima suapan rasuah sebagai dorongan untuk melakukan sesuatu tindakan yang melibatkan urusan rasminya adalah melakukan jenayah rasuah.

Hal ini bermakna, perlu dilihat dalam konteks keseluruhan fakta kes seperti siapa yang memberi, siapa menerima, apa yang diberikan, apa tujuan diberikan, apa balasan hasil pemberian itu dan sebagainya. Bukannya semudah itu untuk kita boleh menyatakan derma atau hadiah itu sebagai suapan rasuah.

Tujuan suapan rasuah biasanya untuk memperolehi sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi hak pihak lain. Pemberi rasuah mengharapkan sesuatu balasan yang dia mungkin tidak akan dapat tanpa sogokan tersebut. Adapun hadiah adalah pemberian atas

sebab suka atau sayang tanpa sebarang tuntutan atau ganjaran balas yang disyaratkan. Al-Imam al-Mawardi merumuskan; **Rasuah ialah apa yang diberikan kerana menuntut sesuatu, hadiah pula apa yang disumbang tanpa sebarang balasan.**

Hal ini bermakna, jenayah rasuah itu menyebabkan ada pihak lain yang dizalimi haknya seperti tidak dapat kontrak atau projek walaupun dia layak, melambatkan giliran orang lain yang layak, menggagalkan peluang orang yang layak, tidak diambil tindakan undang-undang atau disaman. Perbuatan jenayah rasuah itu adalah pemberian keji dengan balasan. Hadiah pula bukan pemberian bersyarat dan tidak menyebabkan kezaliman kepada pihak lain. Pemberian hadiah kepada seorang penguasa atau penjawat awam yang mempunyai kaitan dengan tugas rasminya atau tindakannya serta mengganggu amanahnya dikira sebagai rasuah.

Seseorang anggota pentadbiran dan penjawat awam hendaklah merenung dirinya, pemberian yang diberikan kepadanya itu mempunyai kaitan dengan jawatan yang dipegangnya atau tidak. **Jika ada kaitan yang akan mempengaruhi tindakannya atau akan mengganggu keadilan atau amanahnya, maka itu adalah jenayah rasuah.** Walau bagaimanapun, sekiranya pemberian itu di luar urusan rasmi tetapi atas dasar persahabatan maka ianya tidak perbuatan jenayah rasuah.

Hanya pemberi hadiah atau pemberi rasuah itu sendiri yang mengetahui niat hatinya. Adakah dia mengharapkan ganjaran Allah SWT atau ganjaran kebendaan berupa kontrak atau projek atau tidak diambil tindakan undang-undang. Begitu juga, hanya pihak penerima hadiah atau penerima rasuah sahaja sama ada penerimaan itu memberi kesan kepada urusan rasminya atau tidak. Adakah pemberian tersebut akan menyebabkan dia terasa untuk akan “membalas budi” pihak berkenaan dengan memberikan kepadanya apa yang bukan haknya, atau menzalimi hak orang lain?

Sabda Rasulullah SAW; **Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat** (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud;

Kebaikan itu apa yang menenangkan jiwa, sementara kejahatan itu keraguan dalam jantung hati, teragak-agak di dada sekalipun manusia memberi fatwa kepadamu (ianya baik) (Hadis Riwayat Ahmad dan al- Darimi).

Suapan rasuah atas nama hadiah boleh merosakkan rakyat dan negara. Jika jenayah rasuah berleluasa seperti di sesetengah negara, ianya boleh berlaku dari sekecil-kecil suapan kepada pemandu bas di lapangan terbang, urusan pasport sehinggalah pihak atasan dalam pelbagai urusan untuk mendapatkan kontrak, lesen, permit atau melepaskan diri dari diambil tindakan undang-undang. Jenayah rasuah juga menyebabkan orang miskin atau penduduk luar bandar susah hendak berurusan dengan pegawai kerajaan melibatkan urusan permit, lesen kontraktor atau tapak-tapak perniagaan kerana mereka tidak mampu memberikan '*hadiah*' kepada pegawai-pegawai tertentu.

Perasaan tanggungjawab terhadap tugas diukur dengan hadiah yang pernah diberikan atau yang akan diberikan. Maka suapan rasuah merangkumi kesalahan pengkhianatan kepada tugas diamanahkan. Jenayah rasuah boleh meruntuhkan keseluruhan sistem keadilan dalam sesebuah masyarakat. Syaidina Ali bin Abi Talib menukulkan:

Sesungguhnya binasanya manusia terdahulu kerana mereka menghalang kebenaran sehingga ianya dibeli. Mereka membentangkan kezaliman sehingga ianya ditebus (Ibn Muflih).

Rasulullah SAW bersabda; **Sesungguhnya kebinasaan umat-umat sebelum kalian adalah jika orang yang terhormat dari mereka mencuri, mereka membiarkannya, tetapi jika orang bawahan mereka mencuri, mereka potong tangannya. Demi Zat yang jiwaku ada di tanganNya, seandainya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya akan aku potong tangannya!**
(Hadis Riwayat Ahmad, Muslim dan Nasa'i).

Apa jadi dengan Derma atau Hadiah Berupa Rasuah?

Menurut Mazhab Syafi'e dan Hambali, hadiah itu hendaklah dipulangkan kembali kepada tuannya kerana haram diterimanya. Hal ini berdasarkan maksud firman Allah SWT yang melarang umat Islam memakan harta orang lain dengan cara batil. Oleh itu hadiah itu hendaklah dipulangkan kerana ia masih menjadi milik tuannya. Selain itu pemberian itu seperti ini dianggap seperti akad yang terbatal. Manakala di dalam Mazhab Hanafi dan Maliki pula berpendapat, pemerintah hendaklah merampas hadiah tersebut dan menyerahkan kepada Baitulmal dan menganggapnya seperti barang tercicir yang dijumpai. Hal ini kerana pemilik barang itu telah menyerahkan hak miliknya kepada penerima sedangkan penerima pula tidak berhak memilikinya, jadi wajarlah dijadikan harta orang Islam atau harta negara (Ibn Qudamah:1980).

Oleh itu Islam telah meletakkan hubungan sesama manusia melalui pelbagai cara termasuk pemberian hadiah, derma atau sedekah. Walaupun begitu, matlamat tidak boleh menghalalkan semua cara. Jangan salutkan rasuah berselindung atas nama derma atau hadiah sehingga tujuan asal pemberian itu, sehinggakan yang sunat menjadi haram. Penjawat awam yang dilantik memikul amanah kepada rakyat hendaklah menjalankan tanggungjawab dengan amanah dan adil. Merenung dirinya adakah pemberian yang diberikan kepadanya itu mempunyai kaitan dengan jawatan yang dipegangnya atau tidak. Jika ada kaitan yang akan mempengaruhi tindakannya atau akan mengganggu keadilan atau amanahnya, maka itu adalah jenayah rasuah.

BAB 9

SOAL JAWAB BERKAITAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN HADIAH

Masih terdapat ramai dalam kalangan penjawat awam termasuk petugas FELDA tidak memahami atau terkeliru atau sengaja tidak mengambil perhatian berkaitan maksud hadiah dan apa yang boleh dan apa yang tidak dibenarkan dalam penerimaan atau pemberian hadiah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998. Berikut ialah panduan penerimaan atau pemberian hadiah yang diringkaskan dari pekeliling tersebut dalam bentuk soal jawab iaitu;

Apakah yang dimaksudkan hadiah?

Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan (PP) Bilangan 3 Tahun 1998 (PP 3/1998), hadiah termasuklah wang, tambang percuma, saham, tiket loteri, penginapan percuma, hiburan, keahlian kelab, apa-apa bentuk komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa benda yang bernilai yang diterima oleh penjawat awam itu.

(Rujuk Para 4 - PP 3/1998).

Adakah pemberian hamper yang kecil nilainya dianggap rasuah?

Penerimaan atau pemberian hadiah tidak kira kecil atau besar nilainya adalah menjadi satu kesalahan rasuah sekiranya pekerja

yang mempunyai majikan menerima atau memberi hadiah bagi sesuatu perkhidmatan atau tugas rasmi daripada pembekal. (Rujuk Para 12- PP 3/1998) Nota: Situasi ini juga merangkumi penjawat awam, swasta dan orang awam.

Bolehkah penjawat awam menerima hadiah dalam musim perayaan?

Pegawai awam tidak boleh menerima hadiah dalam apa bentuk sekalipun seperti hamper, limau mandarin, angpau dan lain-lain daripada mana-mana orang atau syarikat yang ada hubungan dengan tugas rasminya. (Rujuk Para 5 PP 3/1998).

Bolehkah seorang penjawat awam menerima hadiah yang tiada kaitan tugas rasminya?

Boleh diterima tetapi hendaklah sepadan iaitu nilainya kurang seperempat ($\frac{1}{4}$) daripada emolumen atau kurang RM500.00 bagi maksud hadiah yang diberi. Sekiranya tidak sepadan iaitu melebihi emolumen atau melebihi RM500.00, maka ianya perlu melapor kepada Ketua Jabatannya untuk kelulusan melalui Borang Lampiran A, PP 3/98.

Walau bagaimanapun jika nilainya melebihi RM500.00 ianya boleh diterima dalam keadaan tertentu seperti hadiah diterima dari rakan sempena persaraan, pertukaran, pertunangan pegawai dan perkahwinan pegawai (Rujuk Para 7 PP 3/1998). Sekiranya pegawai awam masih ragu-ragu maka ianya boleh melaporkan penerimaan hadiah itu kepada Ketua Jabatan. (Rujuk Para 8 PP 3/1998).

Apakah perlu dilakukan sekiranya hadiah seperti hamper atau jambangan bunga diletakkan di atas meja pegawai atau di rumah di mana pemberinya tidak diketahui?

Bagi keadaan sedemikian, pegawai dinasihat untuk melaporkan kepada Ketua Jabatannya untuk membuat keputusan. Tindakan sedemikian bertujuan untuk menyelamatkan pegawai daripada ditohmah oleh pihak tertentu. (Rujuk Para 6 PP 3/1998).

Bolehkah penjawat awam menerima hadiah seperti duit raya dan angpau semasa majlis rasmi?

Merujuk kepada Para 8(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau Peraturan 7, Seksyen 5, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, pegawai awam tidak boleh menerima atau memberi atau melalui pihak lain yang ada kaitan tugas rasminya. Walau bagaimanapun dalam keadaan yang sukar ditolak, dan merasa ragu-ragu maka dengan seberapa segera melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatannya untuk dapatkan kebenaran. (Rujuk Para 9 PP 3/1998)

Bagaimanakah sekiranya nilai hadiah yang diterima kurang RM100.00?

Jika nilainya kurang RM100.00 perlu lapor tanpa kebenaran melalui Lampiran B. (Rujuk Para 10, 11 PP 3/1998). Hadiah itu pula nilai kurang dari RM100.00 berbentuk lencana atau barang kraf tangan atau apa-apa bentuk bahan bercetak dihasilkan sendiri oleh jabatan bertujuan promosi jabatan atau dalam bentuk barang cepat rosak dan tidak tahan lama seperti buah-buahan, kuih-muih, bunga dan sebagainya. Walau bagaimanapun dengan syarat penjawat awam itu sukar menolak pemberian itu kerana akan memalukan si pemberi atau menimbulkan keadaan serba salah seperti di majlis rasmi, seminar atau kursus di mana pihak penganjur tidak memaklumkan pemberian hadiah terlebih dulu atau semasa jalankan tugas rasmi di kampung, pemimpin masyarakat memberi buah-buahan, makanan atau hasil kerja tangan penduduk.

Sebuah syarikat swasta telah diberi tender membekal peralatan pejabat kepada Jabatan Kerajaan. Bolehkah jabatan terlibat menerima sumbangan berbentuk hadiah untuk meraikan Hari Keluarga jabatan?

Ketua Jabatan mempunyai syarat-syarat tertentu untuk memberikan kebenaran seperti Lampiran C, arahan PP 3/1998. Memandangkan Jabatan Kerajaan berkenaan telah menerimanya dan merasa ragu-ragu untuk diterima, maka penerimanya wajar melaporkan kepada

Ketua Jabatannya secara bertulis untuk kelulusan. Sekiranya Ketua Jabatannya juga dalam makluman, maka ia perlu merujuk kepada pengurusan tertingginya untuk kebenaran. (Rujuk Para 6 PP 3/1998) Sekiranya nilai sumbangan tiap-tiap satu hadiah nilai kurang RM10,000.00 kebenaran daripada Ketua Setiausaha atau Pegawai Pengawal. Jika tiap-tiap satu hadiah bernilai RM10,000.00, perlu mendapat kebenaran Perbendaharaan Malaysia. Tertakluk kepada Lampiran D, PP 3/1998. (Rujuk Para 18 PP 3/1998).

Seorang pegawai awam menerima jemputan bagi Majlis Berbuka Puasa dari sebuah Hotel. Bolehkah dia hadir?

Sekiranya tidak mempunyai urusan rasmi pegawai berkenaan boleh hadir. Walau bagaimanapun sekiranya pegawai atau jabatan mempunyai urusan rasmi jabatan wajar dirujuk kepada Ketua Jabatan untuk kebenaran agar tidak menimbulkan tohmahan. Dalam kes ini, ianya berbentuk keraian dan bukan hadiah. (Rujuk Para 14 PP 3/1998).

Bolehkah Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan meminta dan menerima apa-apa sumbangan berupa barangan atau wangringgit daripada luar yang tiada hubungan rasmi?

Kelab Sukan dan Kebajikan tidak boleh memohon atau menerima apa-apa sumbangan secara terus daripada penyumbang sama ada orang perseorangan atau swasta. Ia perlu melalui Majlis Sukan dan Kebajikan (MAKSAK), yang kemudian mengagihkan sumbangan atau peruntukan masing-masing. (Rujuk Para 21 PP 3/1998 dan Garis Panduan Permohonan Kutipan Dan Penerimaan Hadiah Atau Sumbangan Oleh Kelab Kebajikan Dan Sukan Agensi Awam bertarikh 15/2/2013).

Bolehkah persatuan atau pertubuhan yang dikendalikan oleh jabatan kerajaan atau pegawai awam membuat pungutan derma atau tajaan untuk mengisi tabung persatuan atau pertubuhan?

Boleh, tetapi tertakluk kepada Akta Pungutan Rumah Ke Rumah Dan Di Jalan 1947 dan Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1987. (Rujuk Para 24 PP 3/1998). Kutipan derma yang dijalankan selain melalui cara

dibenarkan oleh Akta tersebut hendaklah dikawal dan mematuhi Surat Pekeliling Am Bil. 6/1978 itu. Hal ini bermakna persatuan atau pertubuhan itu perlu mendapat kebenaran bertulis dari kementerian masing-masing. Sebagai contoh Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Kastam diwujudkan oleh Jabatan Kastam, perlu mendapatkan kebenaran dari Kementerian Kewangan.

Bolehkah sumbangan yang berbentuk cenderamata diberikan kepada penceramah, yang juga seorang penjawat awam?

Boleh diberikan tetapi tidak digalakkan. Sekiranya hendak memberi disediakan berbentuk *plaque* yang tidak mahal, barangan kraf tangan jabatan atau bahan cetak jabatan. (Rujuk Para 20, PP 3/1998).

Seorang pegawai kerajaan telah menerima wang tunai bernilai RM500.00 dalam musim perayaan daripada individu yang sering berurusan rasmi dengan jabatan dan dalam keadaan yang sukar ditolak. Beliau kemudian melaporkan kepada Ketua Jabatannya. Apakah yang perlu dilakukan oleh Ketua Jabatannya?

Tindakan pegawai kerajaan berkenaan adalah bertepatan dengan Peruntukan PP 3/1998. Ketua Jabatan perlulah memikirkannya daripada segi kepentingan jabatan keseluruhannya. Memandangkan nilainya tidak sepadan dan berkaitan dengan tugas rasmi, maka Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai itu memulangkan kembali kepada pemberi.

Bolehkah seorang Pegawai Badan Berkanun menerima hadiah berbentuk hamper daripada seorang individu yang sering berurusan rasmi pejabatnya?

Pihak Badan Berkanun juga tertakluk kepada PP 3/1998. Ianya tidak boleh diterima kerana berkaitan tugas rasmi dan dalam keadaan sukar ditolak perlu melaporkan kepada Ketua Jabatannya.

Bolehkah pegawai awam menerima tambang tiket penerbangan percuma yang ada kaitan dengan tugas rasmi?

Tidak boleh. Hal ini kerana perbuatan tersebut menjurus kepada kesalahan jenayah rasuah di mana tiket tersebut sebagai balasan bagi sesuatu kerja yang telah diberikan. (Rujuk Para 12 PP 3/1998).

Bolehkah hadiah diberikan kepada ahli politik oleh sesebuah Jabatan Kerajaan?

Boleh. Hadiah tersebut perlu disediakan itu berbentuk *plaque* yang tidak mahal, barangan kraf tangan jabatan atau bahan cetak jabatan. (Rujuk Para 20 PP 3/1998).

Bolehkah Jabatan Kerajaan menerima sumbangan daripada peruntukan Wakil Rakyat untuk sesuatu program yang dibuat secara Perkongsian Bistari?

Boleh diterima tetapi mesti dengan kebenaran pihak pengurusan tertinggi seperti Ketua Setiausaha kementerian atau Ketua Jabatan. Ianya secara tidak langsung bertujuan mencapai matlamat yang sama oleh Jabatan dan Wakil Rakyat. (Rujuk Para 18 PP 3/1998).

Bolehkah pihak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau syarikat swasta memberikan sumbangan hamper kepada pihak Jabatan Kerajaan sempena musim perayaan untuk menjalinkan hubungan dengan pelanggannya?

Pihak GLC atau syarikat berkenaan mungkin mempunyai polisinya tersendiri tentang pemberian atau penerimaan hadiah. Walau bagaimanapun sekiranya pemberian ini mempunyai niat jenayah rasuah sebagai mendapat tender dan sebagainya maka ianya menjadi kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Bagaimanakah sekiranya pihak GLC atau syarikat swasta memberi hadiah itu kepada pihak swasta sebagai mengeratkan perhubungan pelanggannya?

Ianya bergantung kepada polisi syarikat GLC dan swasta berkenaan. Walau bagaimanapun jika mempunyai niat jenayah rasuah, ianya menjadi kesalahan di bawah Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018.

Bolehkah GLC menerima hadiah daripada individu atau syarikat swasta lain?

Ianya bergantung kepada polisi GLC atau syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun jika mempunyai niat jenayah rasuah, ianya menjadi kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Bolehkah pihak GLC atau syarikat swasta memberikan sumbangan kepada Jabatan Kerajaan sebagai promosi produk atau perkhidmatannya?

Ianya bergantung kepada polisi GLC atau syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun jika mempunyai niat jenayah rasuah, seperti dengan tujuan untuk mendapatkan kontrak perbekalan atau perkhidmatan dari jabatan kerajaan tersebut ianya menjadi kesalahan di bawah Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018.

Contoh bentuk-bentuk kesalahan menerima hadiah di bawah Akta SPRM 2009 dan Kanun Keseksaan;

- a) Pegawai A telah membantu seorang kontraktor mendapatkan tawaran kerja dari FELDA. Sebagai balasan, A menerima tiket penerbangan percuma ke London. Perbuatan A itu satu kesalahan rasuah kerana menerima hadiah iaitu tiket penerbangan percuma.
- b) Seorang konsultan B telah meminta dan menerima kontraktor menghadihkan sebarang cincin belian untuk pertunangan anaknya, sebagai dorongan bagi mempercepatkan pengesahan laporan tuntutan kerja-kerja penyelenggaraan. Perbuatan B itu satu kesalahan jenayah rasuah kerana meminta dan menerima hadiah tersebut.
- c) Seorang orang awam, E menawarkan ganjaran berupa set karaoke kepada seorang pegawai FELDA sekiranya pegawai itu mengundi menyokong permohonan kontrak kerja dalam mesyuarat badan awam berkenaan. Perbuatan E itu satu kesalahan jenayah rasuah kerana menawarkan hadiah iaitu satu set karaoke kepada pegawai itu.

- d) Seorang petugas FELDA, F telah bersetuju menerima pakej melancong ke Eropah daripada seorang kontraktor sebagai dorongan untuk memperakukan siap kerja sedangkan kerja belum disiapkan mengikut spesifikasi ditetapkan oleh kontraktor tersebut. Perbuatan F itu satu kesalahan jenayah rasuah kerana setuju terima hadiah iaitu pakej umrah daripada pemaju tersebut.

Seekor haiwan seperti lembu atau kambing tidak akan peduli tentang halal haram makanan yang ditelannya. Ia tidak peduli kebun sayur atau sawah padi orang kerana halal dan haram bukan satu persoalan baginya. Berbeza dengan manusia, halal dan haram merupakan satu persoalan yang perlu difikirkan sebelum makan atau melakukan sesuatu. Jika tidak, seseorang itu samalah tarafnya dengan haiwan

(Kata Hikmah Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mantan Menteri Besar Negeri Kelantan)

BAB 10

PENGENALAN RINGKAS SPRM, OBJEKTIF DAN FUNGSI

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara rasminya telah ditubuhkan pada 1 Januari 2009 serentak dengan penguatkuasaan Akta SPRM 2009 (Akta 694). SPRM telah ditubuhkan bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997. Sebelum penubuhan SPRM itu, sejarah awal penubuhan agensi pencegahan jenayah rasuah di negara ini bermula apabila kerajaan secara rasminya menubuhkan BPR pada 1 Oktober 1967 di mana satu Rang Undang- Undang Akta Pencegah Rasuah 1967 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 22 Jun 1967, yang membolehkan BPR ditubuhkan.

Walau bagaimanapun sejarah penubuhan dan perkembangan BPR ini tidaklah bermula pada tarikh itu. Terdapat banyak detik peristiwa yang berlaku sebelumnya khususnya pada zaman penjajahan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan rentetan itu kerajaan pada masa itu telah menubuhkan BPR. Sejarah perkembangan agensi pencegahan jenayah rasuah di negara ini tidak berakhir di situ. Sebaliknya terus berkembang merentas zaman seiringan dengan masalah jenayah rasuah itu sendiri yang semakin rumit, kompleks dan merentasi sempadan sesebuah negara tanpa batasan waktu dan tempat.

Objektif

Objektif utama SPRM ialah membanteras segala bentuk jenayah rasuah secara berterusan. Hal ini selaras peruntukan Seksyen 2, Akta SPRM 2009 untuk menggalakkan integriti melalui tadbir urus dan akauntabiliti dalam sektor awam dan swasta serta mendidik pihak berkuasa badan awam, pegawai badan awam, para pelajar dan masyarakat tentang jenayah rasuah dan kesan buruknya terhadap pentadbiran sektor awam, swasta dan masyarakat.

Fungsi

Mengikut Seksyen 7 Akta SPRM 2009, fungsi utama SPRM ialah;

- a) Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan kesalahan rasuah di bawah Akta ini dan menyiasat aduan;
- b) Mengesan dan menyiasat apa-apa kesalahan, sebarang cubaan atau komplot untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini;
- c) Meneliti amalan sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara yang mungkin membawa kepada rasuah;
- d) Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang tentang cara-cara bagaimana rasuah boleh dihapuskan oleh orang itu;
- e) Menasihati ketua-ketua badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan badan awam itu untuk mengurangkan kemungkinan berlaku rasuah;
- f) Mendidik orang ramai menentang rasuah; dan
- g) Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi jenayah rasuah.



(Logo-logo yang pernah digunakan oleh BPR (1967-1992) (1992-2008) dan SPRM (2009- kini))

Mengejar rezeki janganlah mengejar berapa jumlah ganjaran yang akan diterima, tetapi kejarlah barakahnya. Rezeki itu datang kerana kasih sayang Allah SWT. Bukan kerana pangkat atau kepintaran semata-mata

(Petikan Mutiara Kata Ali Bin Abi Talib)

BAB 11

SPRM: BADAN BEBAS DAN BERINTEGRITI

SPRM dibentuk melalui penggubalan akta baru iaitu Akta SPRM 2009 yang memansuhkan Akta Pencegahan Rasuah 1997. Ia diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM dengan nama Ketua Pengarah BPR telah ditukarkan ke jawatan tersebut. Pelantikan tersebut dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Di antara perubahan SPRM yang membezakan dengan BPR ialah aspek struktur BPR sebelum ini sebagai agensi kerajaan dan berdiri sendiri, sedangkan SPRM mempunyai lima badan pemantau luar iaitu Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Jawatankuasa Aduan, Panel Penilai Operasi (PPO) dan Panel Perundingan Dan Pencegahan Rasuah (PPPR).

Kelima-lima badan ini dibentuk bukan sahaja untuk meningkatkan kredibiliti SPRM sahaja, malah bagi memenuhi harapan rakyat Malaysia untuk melihat integriti, kebebasan, ketelusan dan akauntabiliti SPRM dalam memerangi jenayah rasuah di negara ini.

SPRM merupakan satu-satunya entiti agensi penguat kuasa undang-undang di negara ini yang dipantau oleh lima badan pemantau yang bebas dan profesional yang mewakili rakyat negara ini.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)

Dibentuk secara perundangan mengikut Seksyen 13, Akta SPRM 2009. Ahli-ahli LPPR dianggotai sekurang-kurangnya tujuh orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri untuk tempoh tiga tahun atau maksimum enam tahun. Kriteria pelantikan ialah orang yang dihormati, berintegriti tinggi, memberi sumbangan besar kepada perkhidmatan awam dan kerjaya dalam bidang profesional.

Lembaga ini berfungsi menasihati SPRM daripada aspek masalah rasuah di Malaysia termasuk dasar dan strategi memerangi jenayah rasuah di samping menerima, mengkaji dan memperakui cadangan SPRM ke arah meningkatkan keberkesanan suruhanjaya itu.

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR)

Diwujudkan mengikut Seksyen 14, Akta SPRM 2009. Ahli-ahli JKMR seramai tujuh orang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari pelbagai parti politik kerajaan dan pembangkang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Di antara fungsi JKMR ialah menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia, untuk memeriksa laporan tahunan Suruhanjaya, untuk memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) tentang perjalanan oleh Suruhanjaya berkaitan fungsinya di bawah Akta ini dan untuk mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai laporan tahunan SPRM dan ulasan LPPR.

Kedua-dua LPPR dan JKMR tidak boleh menentukan arah tuju atau campur tangan siasatan oleh SPRM. Malahan SPRM juga tidak boleh menerima arahan atau dipanggil untuk melaporkan perkembangan hasil siasatan dijalankan. Ini untuk mengekalkan fungsi dan kuasa SPRM bertindak secara bebas, telus dan profesional.

Jawatankuasa Aduan (JKA)

JKA dibentuk di bawah Seksyen 15, Akta SPRM 2009 dan pelantikan dibuat oleh Menteri. Terma rujukan jawatankuasa ini ialah memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya.

Jawatankuasa ini juga akan mengenal pasti apa-apa kelemahan atau tatacara kerja SPRM yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkan sesuai membuat apa-apa penambahbaikan tatacara kerja SPRM.

Panel Penilaian Operasi (PPO)

Diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri daripada kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan oleh Suruhanjaya.

PPO adalah mekanisme '*check and balance*' terhadap kes penyiasatan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM atau Pejabat Pendakwa raya.

Dengan adanya PPO ini, sepatutnya tiada lagi tuduhan atau persepsi negatif seperti yang pernah terjadi kepada BPR sebelum ini, kononnya BPR cenderung menutup siasatan kes-kes profil tinggi atau melibatkan pihak tertentu tetapi memberi tumpuan kepada kes-kes kecil sahaja. Hal ini juga menjadikan siasatan SPRM lebih telus dan profesional dengan adanya penglibatan orang awam dalam PPO itu.

Panel Perundingan Dan Pencegahan Rasuah (PPPR)

Panel ini dibentuk secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh Perdana Menteri mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, dewan perniagaan, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor. Panel yang dilantik akan membantu tugas pendidikan dan pencegahan rasuah kepada masyarakat termasuk mengkaji sistem dan prosedur kerja di jabatan-jabatan atau organisasi kerajaan lain. SPRM akan mengambil pandangan dan perakuan mereka di dalam panel itu.



SPRM Bebas Menjalankan Siasatan

SPRM bebas menjalankan siasatan tanpa dipengaruhi atau dikawal oleh mana-mana pihak. Hal ini selaras dalam peruntukan Akta SPRM 2009. SPRM berperanan menerima aduan dan menjalankan siasatan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Kertas Siasatan (KS) yang telah selesai siasatan akan dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara (ACG) yang ditempatkan di SPRM untuk keputusan.

Mengapa SPRM Tiada Kuasa Untuk Mendakwa Kes Jenayah Rasuah?

Prinsip Perlembagaan tidak membenarkan pihak yang menjalankan siasatan membuat keputusan sendiri untuk menuduh atau sebaliknya orang disyaki terlibat jenayah rasuah. Ini dijelaskan di bawah Perkara 145, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara mempunyai kuasa menurut budi bicaranya memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan termasuk jenayah rasuah selain prosiding di mahkamah syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

Sekiranya SPRM Bebas Menyiasat, Mengapa Kertas Siasatan (KS) Perlu Dirujuk Kepada Pejabat Peguam Negara Untuk Keputusan?

Ketiadaan kuasa mendakwa tidak bermakna SPRM tidak bebas. Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman. Oleh itu, peranan SPRM adalah bebas menjalankan siasatan. Keputusan untuk menuduh atau tidak kes jenayah rasuah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Peguam Negara (perundangan). Manakala keputusan tertuduh bersalah atau tidak akan ditentukan oleh pihak kehakiman. Hal ini bermakna Prinsip Perlembagaan tidak membenarkan pihak menjalankan siasatan membuat keputusan sendiri untuk menuduh suspek atau sebaliknya. Tujuan penting untuk mengelak berlaku salah guna kuasa oleh penguat kuasa undang-undang seperti SPRM atau Polis.

Barangsiapa yang memberikan hadiah kepada “waliyul Amr” untuk melakukan perbuatan yang tidak diperbolehkan (pelanggaran) maka hadiah tersebut haram bagi pemberi dan penerima. Hadiah di sini sama dengan rasuah yang diharamkan

(Imam Ibnu Taimiyah)

ARKIB KENYATAAN MEDIA SPRM

SPRM SANGKAL DAKWAAN SIASATAN BERMOTIF POLITIK

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyangkal dakwaan pihak tidak bertanggungjawab yang telah menularkan kenyataan kononnya siasatan SPRM terhadap seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) baru-baru ini adalah bermotifkan politik. Tindakan tersebut dianggap sebagai tuduhan melampau dan melulu yang mencemarkan imej dan reputasi SPRM. Ingin ditegaskan bahawa SPRM sentiasa bersikap profesional dalam setiap tindakan khususnya semasa menjalankan siasatan rasuah tanpa membabitkan kecenderungan politik. Setiap penahanan dilakukan SPRM bertujuan menjalankan siasatan berdasarkan asas kukuh dan bukan bersifat politik. SPRM juga sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan negara sedia ada semasa menjalankan siasatan termasuk berkaitan penahanan dan hak seseorang individu di lokap. SPRM sentiasa komited menjalankan tugas dengan telus, bebas dan profesional tanpa memihak kepada mana-mana individu atau organisasi. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak menular berita yang tidak sahih menggunakan nama suruhanjaya ini kerana tindakan tersebut akan menjejaskan imej SPRM sekali gus merenjatkan usaha membersihkan negara ini daripada jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PUTRAJAYA
8 SEPTEMBER 2018**

[SPRM Sangkal Dakwaan Siasatan Bermotif Politik](#)



Petikan dari Arkib Kenyataan Media SPRM dalam Portal SPRM pada tarikh 12 Jun 2019. Siasatan SPRM adalah bebas dan telus tanpa campurtangan mana-mana pihak atau bermotif politik.

BAB 12

KESALAHAN-KESALAHAN UTAMA JENAYAH RASUAH DI BAWAH AKTA SPRM 2009

Ada empat (4) bentuk kesalahan utama perlakuan jenayah rasuah di bawah Akta SPRM 2009 yang lazim berlaku di negara ini, khususnya melibatkan ahli-ahli politik yang memegang jawatan dalam pentadbiran kerajaan, penjawat awam dan swasta iaitu;

a) Kesalahan Menerima Atau Meminta Suapan Rasuah

Suapan rasuah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) dan 17(a) Akta SPRM 2009 secara umum menjelaskan mengenai mana-mana orang atau ejen secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju menerima suapan rasuah seperti wang, barang berharga atau apa-apa perkhidmatan sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa berkaitan dengan transaksi tersebut atau berkaitan urusan rasmi majikan atau prinsipal berkenaan adalah suatu kesalahan. Sebagai contoh;

- 1) Seorang pegawai tadbir di wilayah FELDA telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana menerima suapan rasuah berjumlah RM5,000.00 daripada kontraktor sebagai balasan meluluskan kontrak kerja infrastruktur jalan ladang di sebuah tanah rancangan FELDA.

- 2) Seorang ketua jabatan telah didapati bersalah menerima suapan rasuah berjumlah RM20 ribu sebagai balasan meluluskan kontrak secara runding terus kepada sebuah syarikat bagi projek pembinaan bangunan tambahan.
- 3) Seorang ketua jabatan ibu pejabat FELDA didapati bersalah oleh mahkamah kerana menerima suapan rasuah berjumlah RM50 ribu daripada kontraktor sebagai balasan meluluskan kontrak pembinaan bangunan rosak akibat ribut tanpa sebut harga yang dikeluarkan terlebih dulu atas alasan 'urgent' atau darurat.

b) Kesalahan Menawarkan Atau Memberi Suapan Rasuah

Suapan rasuah di bawah Seksyen 16(b)(B) dan 17(b) Akta SPRM 2009 pula secara umumnya menyatakan mana-mana orang atau ejen secara rasuah menawar atau memberi atau bersetuju memberi suapan seperti wang, barang berharga atau apa-apa perkhidmatan sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa berkaitan dengan transaksi tersebut atau berkaitan urusan rasmi majikan atau prinsipal berkenaan adalah melakukan suatu kesalahan. Sebagai contoh;

- 1) Seorang pengurus syarikat telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana menawarkan atau memberikan suapan rasuah berjumlah RM5000 dan seutas jam berjenama mahal kepada pegawai bahagian perolehan sebagai balasan untuk mendapatkan kontrak atau projek di FELDA.
- 2) Seorang kontraktor telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana menawarkan dan memberi suapan rasuah dalam bentuk barang kemas dan aksesori kereta bernilai RM25,000.00 kepada seorang petugas FELDA bagi mengelak kontraknya dibatalkan kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau bahan binaan yang digunakan tidak bermutu dalam pembinaan pejabat tambahan.

- 3) Seorang pengurus syarikat telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana menawarkan suapan rasuah RM10,000.00 kepada seorang petugas FELDA sebagai balasan untuk mendapatkan kontrak membeli dan menjual buah kelapa sawit dari rancangan FELDA.

c) Kesalahan Mengemukakan Tuntutan Palsu

Kesalahan mengemukakan tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta SPRM 2009 yang menjelaskan perbuatan mana-mana orang memberikan kepada ejen atau ejen memberi kepada prinsipal atau majikannya, suatu dokumen yang diketahuinya mengandungi butir-butir matan yang palsu yang mana prinsipal atau majikannya mempunyai kepentingan dengan niat hendak memperdayakan atau mengelirukan prinsipalnya atau majikannya adalah melakukan suatu kesalahan. Sebagai contoh;

- 1) Seorang kontraktor didapati bersalah oleh mahkamah kerana mengemukakan tuntutan palsu kepada FELDA berkaitan kerja pembinaan jalan ladang dengan menyatakan kerja telah siap sepenuhnya dalam Surat Perintah Kerja (SPK), sebaliknya kerja tidak disiapkan mengikut spesifikasi ditetapkan. Petugas FELDA yang mengesahkan kerja siap juga telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana bersubahat dengan kontraktor tersebut.
- 2) Seorang pengurus syarikat pembekal didapati bersalah oleh mahkamah kerana mengemukakan tuntutan palsu berkaitan pembekalan peralatan pejabat yang bernilai RM120,000.00 yang mana bekalan tersebut tidak dibuat mengikut jumlah dan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Petugas FELDA yang mengesahkan bekalan dibuat oleh syarikat itu bagi tujuan pembayaran juga didapati bersalah kerana bersubahat dengan syarikat tersebut.

- 3) Seorang petugas FELDA didapati bersalah oleh mahkamah kerana mengemukakan tuntutan palsu elaun perjalanan berjumlah RM400.00 di mana petugas itu menyatakan dia menggunakan kenderaan sendiri dalam tugas rasmi tersebut, sebaliknya dia hanya menumpang kenderaan rakan setugasnya sahaja, di mana rakannya telah membuat tuntutan elaun perjalanan.
- 4) Seorang petugas FELDA telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana telah mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM900.00 berkaitan elaun penginapan hotel selama 4 hari 3 malam sewaktu dia ada tugas rasmi di luar kawasan. Petugas tersebut, telah membeli resit hotel semata-mata untuk membuat tuntutan tersebut. Petugas tersebut sebenarnya menumpang rumah rakannya dan hanya layak menuntut elaun lojing sahaja.

d) Kesalahan Menyalahgunakan Jawatan Atau Kedudukan

Di bawah Seksyen 23, Akta SPRM 2009 secara ringkasnya menjelaskan peruntukkan undang-undang tersebut bermaksud **mana-mana pegawai badan awam** termasuklah Anggota Pentadbiran seperti Menteri, Menteri Besar atau Ahli Parlimen atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) atau mana-mana pegawai kanan badan awam telah menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau apa-apa faedahnya yang lain apabila dia membuat apa-apa keputusan atau mengambil apa-apa tindakan, berhubung dengan apa-apa perkara yang mengenai dirinya, mana-mana saudaranya atau sekutunya yang mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh;

- 1) Seorang pengarah jabatan FELDA telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana terlibat mempengerusikan atau mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Tender membuat keputusan meluluskan tender bernilai RM5 juta kepada syarikat milik sendiri atau saudara atau sekutunya yang ada kepentingan langsung atau tidak langsung.

- 2) Seorang pengurus besar FELDA Wilayah telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana telah memecah kecilkan kerja yang sepatutnya dikeluarkan tender tetapi di pecah kecil kepada sebut harga atau Pesanan Pembelian (PO) sahaja dengan niat untuk diluluskan kontrak itu kepada syarikat dia atau saudara atau sekutunya ada kepentingan. Hal ini kerana petugas tersebut hanya ada kuasa mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga atau kuasa meluluskan PO sahaja.

Maksud **saudara** mengikut tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009 ialah isteri atau suami orang itu; adik atau abang atau kakak orang itu; adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu seperti datuk atau nenek atau cucu; orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu; bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau menantu orang itu.

Manakala maksud **sekutu** pula dikaitkan dengan mana- mana orang yang merupa penama atau pekerja orang itu, mana-mana orang yang mengurus hal ehwal orang itu, mana-mana organisasi yang orang itu mempunyai kepentingan dalam urusan perniagaan atau pemegang amanah kepada orang itu. Sila rujuk contoh Carta Aliran.

Maksud **Badan Awam** pula ialah termasuklah;

- a) kerajaan Malaysia;
- b) kerajaan negeri;
- c) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa badan berkanun;
- d) mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan kerajaan Malaysia, kerajaan negeri atau sesuatu pihak berkuasa tempatan;


PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- e) mana-mana pertubuhan berdaftar di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966;
- f) mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966;
- g) mana-mana badan sukan yang didaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997;
- h) mana-mana koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993;
- i) mana-mana kesatuan sekerja didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959;
- j) mana-mana pertubuhan belia didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan belia dan Pembangunan Belia 2007;
- k) mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari terhadapnya atau dalamnya mana-mana Badan Awam disebut di perenggan (a)-(j) mempunyai kawalan atau kepentingan;
- l) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan ditetapkan Menteri dari masa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

**Sesungguhnya Allah Taala suka melihat hambaNya
berusaha berpenat letih mencari rezeki
yang halal**

(Hadis Riwayat Ad-Dailami)

Carta Aliran Definisi “Saudara”



Maksud **Pegawai Badan Awam** ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu Badan Awam dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, hakim Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan jika Badan Awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang itu yang diperbadankan sebagai perbadanan itu.

e) Kesalahan-kesalahan Lain Yang Ditetapkan

Selain daripada empat kesalahan utama jenayah rasuah sebagaimana telah ditetapkan di bawah Akta SPRM 2009. SPRM boleh menjalankan siasatan selain kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 seperti kesalahan jenayah penipuan, pecah amanah jenayah, pemalsuan dokumen dan lain-lain kesalahan di bawah Kanun Keseksaan atau kesalahan pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 atau lebih dikenali Anti-Money Laundering Act (AMLA) 2001 dan kesalahan-kesalahan lain yang ditetapkan dalam Akta SPRM 2009.

SPRM boleh memulakan siasatan ke atas kesalahan selain kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dalam keadaan di mana apabila kes-kes siasatan yang dijalankan oleh SPRM yang pada awalnya disyaki berlaku jenayah rasuah tetapi apabila siasatan lanjut dijalankan mendapati berlaku kesalahan jenayah lain yang termaktub di bawah Kanun Keseksaan atau AMLA 2001.

Di bawah Seksyen 161, 162, 163, 164 dan 165, Kanun Keseksaan juga telah menyatakan takrifan secara jelas mengenai perbuatan jenayah rasuah. Sebagai contoh, Seksyen 165, Kanun Keseksaan (K.K) menjelaskan bahawa seseorang pegawai awam dikatakan menerima suapan rasuah sekiranya memperoleh sebarang benda atau barang yang berharga tanpa balasan atau pertimbangan sewajarnya.

Antara contoh kes melibatkan kesalahan selain jenayah rasuah di bawah Akta SPRM 2009 ialah;

- 1) Kes terhadap Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Bin Toyo telah didapati bersalah oleh Mahkamah Persekutuan Putrajaya. Tertuduh telah dijatuhi hukuman penjara 12 bulan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan kerana mendapatkan untuk dirinya dan isteri dua lot tanah dan

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

sebuah banglo di Seksyen 7, Shah Alam daripada Ditamas Sdn Bhd melalui Pengarahnya, Datuk Shamsuddin Hayroni. Hartanah itu dibeli pada harga RM3.5 juta sedangkan Ditamas membayar RM6.5 juta untuk hartanah itu pada 23 Disember 2004. Mahkamah Persekutuan turut mengekalkan keputusan melucuthak hartanah itu dan diserahkan kepada kerajaan tertakluk kepada caj oleh pihak bank. (BH Online: 29 September 2015).

- 2) Kes terhadap Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Sembilan, Datuk Dr. Noor Soeraya Norsham telah diperintah menjalani hukuman penjara dua tahun setelah Mahkamah Rayuan Putrajaya mengekalkan sabitan salahnya terhadap empat pertuduhan menggunakan dokumen palsu bagi tujuan kenaikan gred jawatan dari Gred G48 ke Gred G52, dari Gred G52 ke Gred G54 antara 2009 dan 2011 dengan menggunakan surat rujukan palsu berhubung kenaikan pangkat dan pengesahan jawatannya. Dia dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan. (Utusan Online: 30 Januari 2015).
- 3) Kes terhadap Dr Hamimah Idruss, bekas pengarah Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd, merupakan individu pertama di negara ini yang didakwa mengikut Akta AMLA 2001. Tertuduh telah dihukum penjara tiga tahun dan penalti RM6,350,000.00 yang perlu dibayar atau penjara setahun, di atas pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM41.33 juta dan bersubahat memalsukan dokumen dengan tujuan menipu dan lapan lagi pertuduhan pengubahan wang haram. Keputusan dibuat oleh Mahkamah Rayuan Putrajaya pada 28 Mei 2020. Sebelum ini tertuduh telah gagal dalam rayuannya di Mahkamah Tinggi yang mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen berkenaan. (BH Online: 28 Mei 2020)

Hukuman Kesalahan Jenayah Rasuah Dan Pengubahan Wang Haram

Hukuman bagi kesalahan jenayah rasuah di bawah Seksyen 16, 17, 18 dan 23 Akta SPRM 2009 ini memperuntukkan **hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun** dan **denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000.00 yang mana lebih tinggi.**

Sebagai contoh hukuman denda ialah sekiranya wang rasuah berjumlah RM20,000.00, maka hukuman denda dikenakan ialah berjumlah RM100,000.00. Sebaliknya jika nilai suapan berjumlah RM1,000.00, maka jumlah hukuman denda minima ialah RM10,000.00. Di dalam kes kesalahan jenayah rasuah juga, harta hasil daripada perbuatan jenayah rasuah boleh dilucuthakkan oleh mahkamah.

Bagi hukuman kesalahan pengubahan wang haram di bawah AMLA 2001 pula, **hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.**

Manakala hukuman bagi kesalahan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan ialah hukuman penjara selama tempoh sehingga dua tahun; atau denda atau kedua-duanya.

Manusia yang paling dukacita di hari kiamat kelak ialah orang yang berusaha mencari harta yang tidak halal (haram). Maka ia akan masuk ke dalam neraka

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

BAB 13

KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM BERKAITAN TUGAS DAN PERANAN SPRM

Sebagaimana telah diperuntukkan kuasa penyiasatan kepada SPRM, dalam melaksanakan tugas diamanahkan, setiap individu atau mana-mana pihak hendaklah memberi kerjasama dan mematuhi arahan oleh mana-mana pegawai SPRM dalam menjalankan tugas rasminya selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dalam Akta SPRM 2009. Dalam menguatkuasakan Akta tersebut, sekiranya ada mana-mana orang dengan sengaja menghalang atau tidak memberi kerjasama kepada SPRM boleh diambil tindakan undang-undang. Di antara kuasa yang diperuntukkan kepada SPRM dalam melaksanakan tugas ialah;

a) Kuasa Untuk Menyiasat Aduan Dan Maklumat

Di bawah Seksyen 29(4), Akta SPRM 2009, SPRM mempunyai kuasa menyiasat berkaitan kesalahan rasuah. Tiap-tiap aduan yang dibuat kepada SPRM hendaklah dirahsiakan kecuali dengan kebenaran Pendakwa Raya atau Pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan ke atas. Hukuman bagi kesalahan mendedahkan maklumat yang disiasat boleh di penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau denda tidak lebih RM 10,000.00 atau kedua-dua sekali.

b) Kuasa Untuk Memperolehi Maklumat

Seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi, jika dia mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai, berdasarkan penyiasatan yang dijalankan oleh seorang pegawai Suruhanjaya, bahawa apa-apa harta dipegang atau diperolehi oleh mana-mana orang hasil daripada atau berkaitan dengan sesuatu kesalahan di bawah akta ini boleh dengan notis bertulis dengan menyatakan nilai anggaran dan tempat terletakinya setiap harta yang dikenal pasti.

SPRM mempunyai kuasa untuk memperolehi maklumat di bawah Seksyen 36(3), Akta SPRM 2009, jika mana-mana orang gagal memberi penjelasan yang memuaskan kepada SPRM bagaimanakah cara dia mendapatkan harta yang melebihi emolumennya. Dia boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM 10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

c) Kuasa Untuk Memeriksa Orang

SPRM mempunyai kuasa untuk memerintah mana-mana orang hadir untuk diperiksa berkaitan apa-apa penyiasatan berkaitan kesalahan ditetapkan, memerintah mana-mana orang mengemukakan apa-apa buku atau dokumen, akaun atau rekod atau data komputer atau apa-apa benda yang boleh membantu siasatan. Sekiranya seseorang itu telah diberi perintah bertulis untuk diperiksa oleh pegawai SPRM tetapi enggan memberi kerjasama boleh dihukum dengan penjara tidak lebih 2 tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya.

d) Berurusan Dalam Menggunakan, Memegang, Menerima Atau Menyembunyikan Suapan Atau Faedah Berhubungan Dengan Apa Apa Kesalahan

Mana-mana orang bagi pihak dirinya atau bagi pihak mana-mana orang lain sama ada di dalam atau di luar Malaysia telah membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa urusan yang berhubung dengan apa-apa harta yang menjadi hal perkara suatu kesalahan di bawah seksyen 16,17, 18,20,21,22 atau 23,

Akta SPRM 2009. Seseorang itu boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 7 tahun atau denda tidak lebih RM50,000.00 atau kedua-dua sekali.

e) Menghalang Penyiasatan Dan Penggeledahan

Mana-mana orang yang menghalang pegawai SPRM dalam menjalankan tugas pemeriksaan, melengah-lengahkan, gagal mematuhi notis atau arahan atau cuba atau menyembunyikan apa-apa dokumen tanpa alasan munasabah. Adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 48, Akta SPRM 2009 dan boleh di hukum Penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau denda tidak lebih daripada RM10,000.00 atau kedua-dua sekali.

f) Membuat Pernyataan Palsu Atau Maksud Untuk Mengelirukan Dan Sebagainya Kepada Pegawai Suruhanjaya atau Pendakwaraya

Mengikut Seksyen 27, Akta SPRM 2009, mana-mana orang yang membuat pernyataan palsu atau dimaksudkan untuk mengelirukan atau tidak selaras dengan apa-apa pernyataan lain kepada pegawai Suruhanjaya atau Pendakwaraya semasa mereka menjalankan kuasa di bawah Akta ini. Seseorang itu boleh dihukum penjara tidak lebih daripada 10 tahun atau denda tidak lebih RM100,000.00 atau kedua-dua sekali.

g) Kesalahan Rasuah Adalah Kesalahan Boleh Ditangkap

Mengikut Seksyen 49, Akta SPRM 2009, tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini adalah kesalahan boleh ditangkap bagi maksud siasatan. Seseorang yang ditangkap boleh direman sehingga tidak melebihi 14 hari dengan kuasa Majistret bagi maksud siasatan seperti penggeledahan, penyitaan harta atau mengenal pasti mana-mana orang yang boleh membantu penyiasatan atau mengesan suspek lain.

BAB 14

PUNCA-PUNCA BERLAKU JENAYAH RASUAH

Pelbagai faktor boleh dikaitkan mengapa seseorang itu melakukan jenayah rasuah. Antara punca utama berlaku jenayah rasuah khususnya melibatkan penjawat awam, pekerja swasta, ahli-ahli politik dan anggota pentadbiran adalah disebabkan oleh;

a) Kelemahan Individu

Lemah didikan agama atau rendah akhlak. Sikap tamak, mahu cepat kaya, suka berbelanja melebihi pendapatan bulanan dan keinginan hidup mewah tanpa mengira halal atau haram. Ada kes di mana kelemahan individu itu berpunca dari tekanan hidup atau menanggung bebanan hutang banyak seperti hutang pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi dari beberapa koperasi, dan kad kredit mendorong dia melakukan jenayah. Apatah lagi ada ruang dan peluang iaitu dengan jawatan atau kuasa yang ada, dia akan sanggup melakukan jenayah rasuah.

Dalam kalangan pelaku-pelaku jenayah rasuah, mereka sedar dan mengetahui perbuatan itu salah di sisi agama, moral dan undang-undang negara, tetapi masih melakukan perbuatan tersebut dengan mengemukakan pelbagai alasan dan helah bela diri seperti alasan desakan hidup kerana pendapatan bulanan

kecil sedangkan tanggungan anak-anak ramai, bebanan hutang, terpaksa membantu ibubapa dan adik-adik di kampung, kos hidup di bandar tinggi, terpaksa menjaga hati rakan setugas yang terima suapan rasuah dan pelbagai alasan lain.

b) Salah guna jawatan yang diamanahkan

Melalui jawatan dan kuasa, mereka yang terlibat sanggup mengabaikan amanah atau kedudukan untuk dapatkan suapan dalam membuat keputusan meluluskan kontrak atau lesen untuk untuk diri sendiri, saudara-mara atau sekutunya yang ada kepentingan.

Apabila manusia meminggirkan integriti dalam hidupnya, maka dia akan mudah kalah dengan jenayah rasuah, kuasa, pangkat dan nafsu syahwat. Hilang keyakinan dan kepercayaan orang sehingga suasana penuh syak wasangka, terserlah budaya pentingkan diri sendiri dan hidupnya prinsip matlamat menghalalkan semua cara.

c) Kelemahan Organisasi


Kelemahan kepimpinan iaitu pemimpin kurang teladan, lemah iltizam dan tidak cekap. Kelemahan kawalan dalaman seperti lemah pengawasan dan penyeliaan oleh ketua jabatan atau penyelia ke atas pegawai bawahan. Kelemahan ini boleh menyebabkan ketidakceapan serta membuka ruang dan peluang kepada pegawai bawahan melakukan jenayah rasuah.

Kelemahan sistem dan prosedur kerja seperti tatacara kerja lemah, kurang telus, sistem dan prosedur yang lapuk, peraturan tidak dikuatkuasa atau penguat kuasa terpilih. Penggunaan budi bicara tanpa garis panduan dan kerendah birokrasi juga membuka ruang dan peluang berlaku jenayah rasuah.

Penurunan kuasa tanpa kawalan pula ialah pihak atasan tidak selia, tidak semak atau gagal mengawal selia pegawai bawahan. Apa yang menjadi parah lagi apabila ketua sendiri terlibat dengan rasuah jadi ikutan pegawai bawahan.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Jenayah rasuah juga berpunca dari faktor warga jabatan atau organisasi tidak peduli dan sikap tidak ambil tahu tentang isu-isu atau salah laku jenayah rasuah berlaku di sekitaran pejabat mereka. Mereka beranggapan sekiranya ada yang mendengar atau mengetahui dalam kalangan rakan sekerja mereka terlibat dengan amalan jenayah rasuah, itu masalah peribadi masing-masing dan mereka tidak perlu ambil tahu.



d) Faktor Sosial Dan Persekitaran

Dalam konteks negara ini yang terdiri dari rakyat pelbagai kaum dan agama yang mempunyai pelbagai budaya, tradisi dan adat resam. Pemberian hadiah merupakan sebahagian daripada amalan tradisi kaum-kaum di Malaysia. Sebagai contoh, ang pau bagi masyarakat Cina dan buah tangan bagi masyarakat Melayu.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Ada kalanya dalam proses memberi dan menerima hadiah itu wujud suasana ‘termakan budi’ atau pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan dari keadaan ini untuk faedah mereka. Sikap menyatakan rasa terima kasih dalam bentuk pemberian hadiah terhadap tugas-tugas rasmi yang dilakukan adalah mendekatkan diri seseorang itu dengan perlakuan jenayah rasuah. Sekiranya ini menjadi amalan dan tiada pihak yang berani menghentikan perbuatan tersebut, ianya akan mendorong seseorang itu melakukan jenayah rasuah.

Jenayah rasuah juga berpunca dari kelemahan individu dalam sesebuah masyarakat, sehingga menjadikan amalan suapan rasuah dianggap amalan tradisi atau tuntutan semasa yang berselindung di sebalik istilah wang komisen, duit kopi, upah dan sebagainya. Apabila masyarakat menganggap amalan jenayah rasuah menjadi tradisi, maka generasi berikutnya dengan mudah mengikut kebiasaan buruk tersebut.

Masyarakat tidak peduli dan sikap tidak ambil tahu tentang berlaku dalam persekitaran pejabat dan kehidupan sosial. Dalam kalangan ahli masyarakat hanya menyuburkan perlakuan jenayah rasuah. Mereka beranggapan jenayah rasuah sebagai amalan biasa dalam urusan jabatan kerajaan atau perniagaan.

Masih ramai dalam kalangan orang ramai takut buat laporan atau aduan kes jenayah rasuah kepada SPRM kerana kasihan pegawai terlibat dengan jenayah tersebut. Ada pula dalam kalangan pegawai kerajaan tidak melaporkan perbuatan jenayah rasuah melibatkan pegawai bawahan atau rakan setugas atau orang ramai tidak melaporkan perbuatan rasuah melibatkan penjawat awam kerana berpegang kepada konsep salah seperti sikap “jangan jaga tepi kain orang”, “jangan tabur pasir dalam periuk nasi orang”. Hal ini menyebabkan perasuah semakin berani kerana mereka tahu perbuatan mereka tidak akan dilaporkan kepada pihak berkuasa.

e) Faktor Kepesatan Pembangunan Ekonomi

Adalah terlalu subjektif untuk menunjukkan hubung kait dengan tepat di antara amalan jenayah rasuah dengan kadar kepesatan pembangunan sosio-ekonomi. Walaupun kita sukar untuk mengumpul dan memperolehi data-data statistik, tetapi kita dapat perhatikan bahawa kadar jenayah rasuah juga akan meningkat dengan kepesatan proses pembangunan dan modenisasi di dalam negara ini.

Hal ini dapat dirumuskan bahawa kadar jenayah rasuah meningkat bukan sahaja dilihat dari sudut siapa tokoh terlibat atau jumlah nilai suapan rasuah, tetapi perlu dilihat dari sudut keluasan sektor atau perkhidmatan yang terdedah kepada kerakusan jenayah rasuah itu sendiri.

Semakin banyak peluang-peluang perniagaan dan projek pembangunan dilaksanakan, semakin banyak transaksi suapan rasuah berlaku dan semakin mahal projek itu, semakin tinggilah nilai suapannya. Keadaan sedemikian wujud kerana kepesatan pembangunan ekonomi dan lebih banyak projek pembangunan dilaksanakan. Projek-projek pembangunan ini memberi peluang kepada pegawai kerajaan khususnya untuk mendapatkan wang dan mengaut keuntungan segera. Pihak-pihak yang terlibat dengan projek-projek ini ada yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan meluluskan kontrak kepada kroni atau syarikat yang sanggup menawarkan suapan rasuah kepada mereka.

Di samping itu, tekanan modenisasi khususnya sikap berlumba-lumba untuk hidup mewah dengan jalan singkat dengan mendapatkan manfaat daripada projek-projek pembangunan akan mendorong seseorang pegawai kerajaan melakukan jenayah rasuah. Kontraktor atau ahli perniagaan akan cuba menawan hati pegawai-pegawai kerajaan atau ahli-ahli politik untuk memperolehi projek-projek atau kontrak melalui suapan rasuah sebagai umpan seperti melancong ke luar negara, menghadihkan kereta mewah, hartanah, pegangan saham

dalam syarikat atau barang kemas.

f) Faktor Politik

Sebagaimana yang diketahui umum, politik ialah satu permainan kuasa. Siapa yang berkuasa boleh melakukan apa sahaja dengan kuasa yang ada padanya. Ramai orang beranggapan, kuasa boleh mengangkat status dan kedudukan seseorang itu. Dengan sebab itu, ada sesetengah pihak yang gilakan kuasa dalam merebut jawatan dalam politik, anggota pentadbiran seperti jawatan menteri, timbalan menteri, EXCO, pengerusi agensi berkanun kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Akibatnya untuk berkuasa mereka sanggup melakukan apa saja asalkan mereka dapat memperolehi dan mengekalkan kuasa. Mereka akan sanggup menabur pelbagai janji seperti tawaran pekerjaan, kontrak, tender dan peluang pelaburan asalkan mereka dapat berkuasa.

Ada dalam kalangan ahli-ahli politik pula, menggunakan kedudukan jawatan dalam agensi atau syarikat berkaitan kerajaan sebagai pengerusi atau ahli lembaga pengarah untuk kepentingan peribadi dengan memberikan kontrak, lesen, permit, saham dan jawatan kepada ahli keluarga, saudara mara dan kroninya atau suku sakatnya. Sekiranya kuasa berada dalam tangan orang-orang yang tamak kuasa dan merebut atau memperoleh harta kekayaan secara haram melalui jenayah rasuah akan memusnahkan kesejahteraan rakyat dan negara. Agensi atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dipengerusikan olehnya atau jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah akan terdedah kepada risiko kerugian atau kepincangan dalam tadbir urus.

BAB 15

KESAN DAN AKIBAT BURUK JENAYAH RASUAH

Pada kebiasaannya implikasi buruk akibat daripada perbuatan jenayah rasuah bukan sahaja akan dirasai oleh pelaku-pelakunya, tetapi juga kepada sistem kehidupan berkeluarga, kemasyarakatan dan negara. Di antara kesan buruk jenayah rasuah ialah:

a) Menjual Maruah Diri

Jenayah rasuah yang dilakukan oleh para pemimpin atau penjawat awam, sebenarnya mereka telah menjual kuasa dan menggadaikan maruah dirinya kepada pemberi rasuah. Melalui perbuatan jenayah rasuah, si penerima telah menjadi pekerja atau “barua” bagi si pemberi rasuah. Si penerima rasuah tidak akan dapat menggunakan kuasa dan pertimbangan sewajarnya dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh majikannya. Meletakkan diri pelaku jenayah rasuah sama dengan nilai suapan yang diterima, mencerminkan kebiadaban dan moral yang rosak serta dikutuk oleh masyarakat.

b) Ketidakadilan Sosial

Perbuatan menyogok suapan rasuah kepada mereka yang berkuasa dan berpengaruh oleh ahli-ahli perniagaan atau kontraktor yang kurang cekap atau tidak beretika untuk

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

mendapatkan sesuatu projek, lesen perniagaan, kontrak, jawatan dan saham telah menafikan hak golongan tertentu. Oleh kerana tidak mampu atau enggan memberikan suapan rasuah, maka mereka yang berkelayakan sepatutnya mendapat hak telah tidak dilayan dan diabaikan.

Akibatnya mereka yang jujur atau tidak mampu memberikan sogokan wang rasuah kepada pihak tertentu akan tertindas dan tidak mampu meneruskan perniagaan atau pekerjaan secara halal. Sebaliknya mereka yang memberi suapan rasuah untuk mendapatkan kontrak atau projek akan memperolehi tawaran kerja atau dipilih walaupun tiada kelayakan dan kemampuan. Kesannya menyebabkan ketidakadilan akan terus wujud.

Jenayah rasuah juga menjadikan seseorang itu “jutawan segera” dan mendadak tanpa perlu memerah keringat dan bekerja keras untuk memperolehi harta kekayaan. Kekuasaan dan pangkat dimiliki digunakan untuk mengumpulkan harta dan kekayaan tanpa memikirkan persoalan halal dan haram.

Kesannya wujudnya jurang kekayaan yang semakin luas apabila masih ramai yang hidup miskin di rumah-rumah setinggan di bandar-bandar, pengangguran, keciciran dalam pendidikan dan pelbagai gejala sosial. Akibatnya mereka yang miskin bertambah miskin dan tertindas, manakala mereka yang berkelayakan dan benar-benar jujur tidak terpilih.

c) Meninggikan Kos Hidup

Para peniaga, kontraktor atau pekilang yang terpaksa memberikan suapan rasuah kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan lesen, permit, kontrak atau projek menyebabkan mereka mengambil kesempatan menaikkan harga barangan untuk menampung kos perbelanjaan kerana pemberian rasuah tersebut adalah diambil kira sebagai satu perbelanjaan. Untuk memperolehi balik “kos rasuah yang dibayar” itu, mereka akan mengenakan bayaran tinggi kepada pelanggan dengan menaikkan harga barang.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Sekiranya para peniaga atau pengilang tidak dapat menaikkan harga barangan atau perkhidmatan, mereka akan mengurangkan mutu barangan yang dikeluarkan. Akibatnya akan dirasakan oleh orang awam yang membeli atau menggunakan barangan atau perkhidmatan tersebut kerana terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi dan kurang mutunya.

Jenayah rasuah juga menyebabkan sesuatu keputusan yang dibuat memihak kepada si pemberi rasuah dan bukan di atas pertimbangan kelayakan dan persaingan sihat. Kesannya akan menyebabkan kurangnya kecekapan dan keuntungan setimpal kepada pihak swasta dalam konteks persyarikatan.

Jenayah rasuah juga memberi kesan buruk kepada kemasukan pelabur-pelabur asing di negara ini sekiranya perlakuan jenayah rasuah tidak dibendung dan berleluasa.

Pertimbangan para pelabur untuk membawa masuk modal dan membuka syarikat atau kilang-kilang di negara ini amat bergantung kepada sejauh mana keazaman dan ketelusan negara tersebut mengawal dan mengekang jenayah rasuah. Mereka tidak akan datang ke negara yang mempunyai tahap indeks rasuah yang tinggi dan berleluasa.

d) Membahayakan Nyawa Dan Harta Benda

Sekiranya syarikat pembinaan atau kontraktor binaan memberi suapan rasuah kepada pegawai awam seperti jurutera, arkitek dan juruteknik akan mengurangkan kualiti bahan binaan dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan kerana sebahagian dari keuntungan mereka telah dikeluarkan untuk bayaran wang rasuah.

Akibatnya bangunan atau jalan raya yang dibina akan mudah retak atau runtuh yang boleh membahayakan pengguna. Bayangkan apa akan terjadi sekiranya kejadian keruntuhan sebuah bangunan yang mengakibatkan berlaku kemalangan jiwa

dan harta benda hanya kerana perbuatan jenayah rasuah yang dilakukan di antara kontraktor dengan pegawai awam. Sekiranya kejadian-kejadian ini menyebabkan kematian atau kecederaan kepada orang awam, maka jenayah rasuah boleh dianggap sebagai “pembunuh misteri”, kerana kita tidak dapat membuktikan dan mendakwa di mahkamah siapa sebenarnya yang terlibat menyebabkan malapetaka tersebut.

Jenayah rasuah jenis ini juga mempunyai implikasi serius bukan sahaja merugikan harta benda dan ketirisan hasil kerajaan, malah melibatkan nyawa manusia. Sebagai contoh, kemalangan jalan raya yang berlaku disebabkan pemandunya memiliki lesen memandu tanpa ujian atau lulus ujian dengan merasuah pegawai JPJ. Pemandu itu pada hakikatnya tidak layak atau tidak mahir memandu kenderaan apabila berada di jalan raya. Kesannya bukan sahaja kepada pemandu itu sahaja, malah menyebabkan pemandu atau penumpang kenderaan lain menjadi mangsa kemalangan akibat dari kecuaiian dan ketidakcekapan pemanduannya itu, apatah lagi kes kemalangan itu melibatkan kematian. Inilah dikatakan jenayah rasuah dianggap pembunuh misteri yang amat sukar dibuktikan di mahkamah.

e) Melemahkan Penguatkuasaan Undang-Undang

Jenayah rasuah juga boleh melemahkan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi kerajaan seperti Polis, Kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) dan Imigresen. Perbuatan jenayah rasuah yang berleluasa dalam kalangan pegawai awam bermakna para pemerintah telah tidak dapat melaksanakan dasar dan undang-undangnya secara berkesan. Oleh kerana terbabit dengan jenayah rasuah, penguatkuasaan peraturan dan undang-undang dilaksanakan secara tidak adil dan pilih kasih berlaku. Kesannya orang-orang miskin atau tidak berkemampuan untuk memberikan suapan rasuah akan menjadi mangsa kepada pihak berkuasa yang menjalankan tugas.

Jenayah rasuah juga menjejaskan kecekapan dan kelicinan sistem pentadbiran apabila seseorang pegawai awam itu telah biasa disogokkan supaya mempercepatkan sesuatu proses kerja, maka dia sengaja melambat-lambatkan urusan tugasnya kerana sentiasa mengharapkan untuk memperolehi suapan rasuah dari orang awam yang berurusan dengannya. Ada dalam kalangan pegawai awam tidak segan silu dan malu, secara terus terang meminta suapan rasuah daripada orang awam sekiranya mahu urusan mereka dipercepatkan atau mendapatkan layanan istimewa.

Pegawai-pegawai awam di agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang terlibat dengan jenayah rasuah akan mudah “dibeli” oleh penjenayah atau orang-orang yang berkepentingan untuk melakukan perbuatan jenayah seperti sindiket pengedaran dadah, pelacuran, perjudian, pekerja tanpa permit dan penipuan. Pegawai awam akan dijadikan pelindung kepada kegiatan-kegiatan haram mereka tanpa diambil tindakan.

f) Mengancam Keselamatan Dan Kestabilan Negara

Seorang anggota pentadbiran atau penjawat awam yang terlibat dengan jenayah rasuah akan sanggup membocorkan rahsia negara, membiarkan pengedaran dadah, penyeludupan senjata api, banjir pekerja asing secara haram, kegiatan pelacuran, perjudian dan pelbagai aktiviti yang boleh merosakkan nilai-nilai sosial dan keselamatan negara. Akibatnya akan berlakulah kejadian-kejadian peras ugut, rompak, penagihan dadah, pembunuhan dan pelbagai bentuk jenayah yang berleluasa tanpa kawalan, mengancam nyawa dan harta benda orang awam.

Jenayah rasuah yang bertapak dalam sistem politik boleh meruntuhkan sistem pemerintahan dan ekonomi sesebuah negara. Jenayah rasuah berleluasa dalam kalangan pemimpin kerajaan boleh mengakibatkan berlaku ketidakadilan dan penindasan yang mencetuskan keresahan, kebencian dan

kekacauan oleh rakyat terhadap kerajaan yang memerintah.

g) Berlaku Ketirisan Hasil Dan Ketirisan Perbelanjaan Kerajaan

Ada dua bentuk ketirisan iaitu ketirisan hasil kerajaan dan ketirisan perbelanjaan kerajaan. Ketirisan hasil negara berlaku apabila ada dalam kalangan penjawat awam yang diamanahkan melaksanakan tugas mengutip hasil kerajaan seperti Kastam, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah atau Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah terlibat dengan jenayah rasuah akan menyebabkan kerajaan mengalami kerugian hasil pendapatan negara.

Hal ini kerana wang hasil kutipan cukai import, cukai jualan, hasil bayaran lesen, kompaun, cukai pendapatan dan pelbagai cukai akan digunakan oleh kerajaan untuk menampung kos pengurusan, pembangunan, penyelenggaraan dan kebajikan rakyat keseluruhannya.

Sekiranya pegawai kerajaan terlibat menerima suapan rasuah dari pengimport atau penyeludup sebagai balasan untuk mengurangkan cukai yang patut dikenakan atau mengelakkan dikenakan cukai, maka kerajaan mengalami kerugian kerana tidak memperolehi hasil pendapatan yang sepatutnya.

Sebaliknya pegawai kerajaan terlibat dengan jenayah rasuah mendapat untung kerana habuan rasuah. Pengimport atau penyeludup juga mendapat keuntungan lebih besar kerana tidak perlu atau hanya membayar cukai di bawah kadar sebenar yang ditetapkan kerajaan.

Manakala ketirisan perbelanjaan kerajaan pula berlaku dalam bentuk wang negara yang digunakan untuk melaksanakan projek pembangunan atau infrastruktur seperti sekolah, bekalan air bersih luar bandar, bantuan subsidi diesel untuk nelayan, subsidi baja, bekalan elektrik luar bandar dan jalan raya tidak disalurkan atau digunakan sepenuhnya seperti dirancang atau

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

ditetapkan dalam tender atau kontrak kerajaan.

Hal ini kerana ada pegawai kanan kerajaan yang terlibat dalam urusan tender atau sebut harga projek-projek kerajaan mengambil kesempatan menerima suapan rasuah dari syarikat atau kontraktor yang berjaya. Peruntukan sebenar bagi setiap kontrak atau projek telah berkurangan kerana sebahagian kos dan keuntungan syarikat atau kontraktor terpaksa digunakan untuk membayar suapan rasuah.



Gambar Hiasan: Jangan biarkan maruah diri dan keluarga anda jatuh hanya kerana suapan wang rasuah

BAB 16

IMPLIKASI JENAYAH RASUAH DARI SUDUT ISLAM

Dari sudut Islam pula, jenayah rasuah bukan sahaja satu dosa besar malah memberi kesan cukup besar dan dahsyat kepada individu terlibat dan melemahkan sistem kekeluargaan, masyarakat, organisasi, sistem pentadbiran negara dan kedaulatan negara yang mendaulatkan Islam sebagai sistem pemerintahan.

Amalan jenayah rasuah boleh mengakibatkan terkuburnya integriti di mana melahirkan seorang penjawat awam, swasta atau peniaga rendah akhlak, tidak beramanah dan mudah terdorong melakukan perbuatan rasuah yang keji. Implikasinya cukup ironik apabila seseorang individu yang dilantik sebagai pemimpin atau pemerintah kerana sogokan rasuah dan tidak berlandaskan kelayakan dan kemampuan sebenar. Kesan jenayah rasuah dari sudut Islam dapat dirumus seperti berikut;

- a) Orang yang hilang atau lemah nilai keimanan dalam dirinya mudah terdorong untuk melakukan jenayah rasuah atau mengumpul harta kekayaan secara tidak halal. Allah S.W.T berfirman (Surah Al-Fajr: Ayat 20) bermaksud; **Serta kamu pula kasihkan harta secara tamak haloba**

- b) Seseorang pemimpin atau pegawai yang ketika dipilih atau terpilih sudah mengeluarkan banyak wang untuk sogokan rasuah, setelah memegang tampuk kepimpinan, jarang berfikir bagaimana agar amanah yang dipikulnya dapat dilaksanakan dengan *jiddiyah* (sungguh-sungguh) dan *itqan* (profesional), sebaliknya akan mudah menyalahgunakan kuasa dan rasuah.
- c) Melahirkan kepimpinan atau pentadbiran yang tidak cekap, rasuah, pilih kasih dan sebagainya yang boleh mengancam kesejahteraan masyarakat dan negara. Rasulullah SAW telah mengingatkan bahaya yang akan menimpa umat manusia sekiranya tidak melantik para pemimpin atau pegawai berasaskan kemampuan, amanah dan kejujuran iaitu: **Ingatlah! Jika perkara diserahkan kepada yang bukan ahlinya tunggulah saat kehancurannya** (Hadis riwayat Bukhari).

Rasulullah SAW juga mengingatkan supaya tidak menyerahkan amanah kepada individu yang terlalu ghairah untuk mendapatkan pangkat dan jawatan, walaupun ahli keluarga atau sahabat sendiri. Dari riwayat Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

Kami tidak memberikan kepimpinan kepada mereka yang memintanya, dan bukan pada mereka yang tergila-gila kan jawatan kepimpinan (Hadis Riwayat Bukhari)

- d) Mengangkat pemimpin atau ketua berdasarkan pilih kasih dan ikatan kekeluargaan adalah satu pengkhianatan dan penyelewengan. Pemimpin yang naik akan mudah menjualbeli hukum agama, rendah nilai amanah, kejujuran dan sebagainya.

Barang siapa yang melantik seorang lelaki menjadi pemimpin disebabkan kerana dia suka kepada lelaki tersebut atau kerana lelaki tersebut adalah ahli kerabatnya, maka sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mukmin. (Ibn Kathir, Musnad al-Faruq).

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- e) Jenayah rasuah yang merebak dalam kalangan para penguasa atau ketua-ketua yang memegang organisasi yang menjaga kepentingan awam adalah malapetaka kepada pelaku sendiri dan masyarakat umum. Dengan menerima suapan rasuah, kepekaan rohaniahnya akan mati, tiada perasaan ihsan dan timbang rasa. Individu yang memperolehi dan membelanjakan harta hasil rasuah adalah mengikut cara syaitan yang keji, iaitu rendah harga diri dan rosak akidahnya.
- f) Jenayah rasuah mampu membentuk keperibadian pemalas tetapi hidup bergaya dan mampu mencipta watak individu mementingkan diri, meninggikan diri dan angkuh.
- g) Jenayah rasuah menjadikan rezeki dan harta seseorang tidak berkat, kerana cara mendapatkannya dengan jalan haram dan batil. Kehidupan di dunia sering mendatangkan bencana atau musibah dan jiwa tidak tenteram seperti menimbulkan perasaan dengki, dendam, hilang kepercayaan, kebencian masyarakat dan sebagainya walaupun mempunyai harta banyak.

Manakala di akhirat nanti akan menerima azab pedih daripada Allah SWT. Rasulullah SAW telah memberi peringatan yang tegas dalam sabda bermaksud;

Barang siapa yang telah kami ambil untuk melakukan sesuatu kerja, dan telah ditetapkan baginya suatu rezeki (gaji atau upah), maka apa yang diambilnya selepas itu adalah ghulul (pengkhianatan)

(Riwayat Abu Daud, Albani dan Al-Khattabi).

BAB 17

MENGENALI SIMPTOM JENAYAH RASUAH

Perlakuan jenayah rasuah seumpama seorang yang menghadapi masalah kesihatan atau penyakit, ada kalanya mereka tidak sedar mereka ada tanda-tanda atau simptom penyakit sehinggalah dapat dikesan apabila telah mengalami masalah kritikal, jatuh sakit atau menjalani pemeriksaan doktor, barulah dia sedar bahawa dia telah menghadapi masalah kesihatan.

Ada kalanya tiada simptom penyakit, sebaliknya terus pengsan atau meninggal dunia, terjatuh sewaktu bersukan dan apabila dibuat bedah siasat, barulah mendapat tahu dia diserang penyakit jantung atau sebagainya. Begitu juga dengan gejala jenayah rasuah, ketua jabatan atau majikan ada kalanya tidak menyedari bahawa ramai pegawai bawahannya terlibat dengan jenayah rasuah.

Malah ketua atau majikan tidak menyedari atau gagal mengesan perbuatan tersebut yang telah lama berlaku. Ada juga keadaan di mana, majikan hanya menyedari perbuatan buruk anak buahnya itu apabila mereka telah disiasat atau ditangkap oleh SPRM.

Terdapat beberapa simptom atau tanda-tanda yang mengaitkan individu terlibat khususnya pegawai kerajaan atau swasta terlibat dengan perlakuan jenayah rasuah. Antaranya ialah;

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- a) Tabiat suka hidup mewah dan perubahan gaya hidup secara mendadak dan tidak sepadan dengan pendapatan bulanan yang diterima seperti memiliki barang kemas dan perhiasan secara berlebihan, mempunyai kereta mewah atau di luar kemampuannya, memiliki hartanah yang banyak, sering melancong ke luar negara, terlibat dengan perjudian, berfoya-foya dan kerap kali mengunjungi pusat-pusat hiburan adalah tanda-tanda wujudnya perlakuan jenayah rasuah dan berlaku pelanggaran tata tertib jabatan atau agensi berkenaan.
- b) Tanda-tanda juga dapat dilihat apabila ada kakitangan yang kerap kali bekerja berseorangan di kawasan sulit atau jauh dari pandangan kakitangan lain terutamanya di waktu rehat atau selepas waktu pejabat walaupun bebanan kerja diberikan kurang serta kerap membuat panggilan telefon yang panjang dan penuh kerahsiaan.
- c) Apabila seseorang kakitangan itu melakukan kerja dalam keadaan tiada konsisten di dalam produktiviti atau penyediaan tugas diberikan walaupun tiada tekanan pihak atasan dan dia tidak menghadapi masalah kesihatan. Contohnya berlaku tunggakan kerja yang banyak walaupun kerja diberikan sepatutnya dapat diselesaikan dalam tempoh singkat. Ada kalanya dia menyegerakan tugas tertentu sahaja dan meninggalkan atau menanggung tugas yang lain.
- d) Ada yang terlibat dalam urusan-urusan lain dalam jabatan secara berlebihan tanpa ada kaitan dan arahan oleh pihak atasannya, terutamanya melibatkan urusan memproses permohonan lesen, pembelian peralatan pejabat, pengurusan dan pengawasan projek atau tender juga menimbulkan persepsi bahawa seseorang itu terlibat dengan perilaku jenayah rasuah.
- e) Mempunyai hubungan yang terlalu rapat dengan pembekal atau kontraktor tertentu sehinggakan ada kalangan para pembekal atau kontraktor tersebut pula tidak mahu atau enggan berurusan dengan pegawai lain, kecuali pegawai berkenaan. Pegawai ini

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

pula kerap kali keluar makan bersama atau melancong ke luar negeri bersama kontraktor tertentu.

- f) Pegawai itu gagal mengisytiharkan harta kepada pihak berkuasa apabila diarahkan mengenai punca-punca perolehan harta yang berlebih-lebihan. Hal ini menimbulkan syak wasangka bagaimanakah mereka memperolehi sumber kewangan yang banyak dan tidak sepadan dengan pendapatan serta tiada sumber pendapatan lain selain dari gaji bulanan.
- g) Ada pengaduan atau tohmahan yang diterima oleh SPRM atau ketua jabatannya terhadap kakitangan tersebut sama ada melalui surat layang atau panggilan telefon mengenai perlakuan jenayah rasuah dan penyelewengan yang dilakukan.
- h) Pegawai terlibat tidak mahu ditukar ke tempat lain atau bahagian lain dalam jabatan sama walaupun dia sudah bertugas di jawatan itu terlalu lama atau bebanan kerja banyak setiap hari. Ada ketikanya dia tidak mahu dinaikkan pangkat sekiranya melibatkan pertukaran kerja di tempat lain.

Berasaskan tanda-tanda tersebut dapatlah dirumuskan bahawa tingkah laku sedemikian itu mudah menimbulkan satu persepsi yang tidak baik ke atas pegawai berkenaan atau pihak lain, berkemungkinan besar terlibat dengan perlakuan jenayah rasuah.

Barang siapa membeli baju sepuluh dirham, sedangkan satu dirham sahaja daripada yang sepuluh itu berasal dari sumber haram, maka Allah SWT tidak akan menerima solat orang tersebut selama baju itu masih dipakainya

(Hadis Riwayat Ahmad)



Gambar Hiasan: Menerima sedikit wang rasuah tidak akan membawa makna dalam kehidupan sekiranya ditangkap dan didapati bersalah oleh mahkamah. Sebaliknya akan memusnahkan maruah diri dan keluarga.

BAB 18

KEWAJIPAN MELAPORKAN JENAYAH RASUAH DAN PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Usaha memerangi jenayah rasuah di negara ini sukar dicapai sekiranya di kalangan kita hanya sekadar mengenali perlakuan jenayah rasuah, tetapi tidak tahu bagaimana caranya untuk melaporkan perbuatan jenayah rasuah yang diketahui atau dilihat berlaku walaupun kejadian itu berlaku di depan kita sekalipun. Pemberi maklumat atau pengadu kes-kes jenayah rasuah juga perlu mengetahui sejauh manakah maklumat atau aduan yang diberikan kepada SPRM dirahsiakan dan dilindungi oleh undang-undang. Maklumat dan panduan ini penting supaya orang ramai tidak takut atau bimbang tentang keselamatan diri dan keluarga, sekiranya menyalurkan maklumat atau melaporkan perbuatan jenayah rasuah kepada pihak berkuasa.

Kewajipan Melaporkan Perbuatan Jenayah Rasuah

Jika anda seorang pegawai penjawat awam, adalah menjadi kewajipan anda melaporkan sogokan rasuah oleh orang awam. Anda bersalah jika tidak melaporkan sogokan rasuah. Jika disabitkan, anda boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Hal ini diperuntukkan di bawah Seksyen 25(1) dan (2), Akta SPRM 2009.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Jika anda orang awam, sekiranya mana-mana penjawat awam cuba meminta suapan rasuah daripada anda. Anda hendaklah melaporkan segera kepada SPRM. Sekiranya tidak melaporkan sogokan rasuah tersebut, adalah menjadi satu kesalahan undang-undang. Mengikut Seksyen 25 (3) dan (4), Akta SPRM 2009. Sekiranya disabitkan anda boleh dihukum penjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM10,000.00 atau kedua-duanya.

Saluran Mengemukakan Maklumat Atau Aduan

Untuk memberi maklumat berkaitan jenayah rasuah atau pelanggaran tata tertib kepada Jabatan Integriti FELDA, terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh warga FELDA atau orang ramai yang berurusan dengan FELDA. Antaranya adalah:

- a) Datang sendiri ke Jabatan Integriti FELDA di alamat;
JABATAN INTEGRITI FELDA
Tingkat 34, Menara FELDA, Platinum Park,
No.11 Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur.
- b) Menelefon pejabat Jabatan Integriti FELDA melalui talian nombor 03-21912214
- c) Melalui E-Mel: aduanintegriti@felda.net.my
- d) Secara bertulis dan hantar sama ada melalui e-mel, serahan tangan atau pos ke alamat di atas.

Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat Di Bawah Akta SPRM 2009

- a) Adalah perlu ditegaskan bahawa pemberi maklumat akan dilindungi oleh undang-undang. Dari aspek perundangan, pemberi maklumat sentiasa dilindungi oleh undang-undang kerana identitinya dan semua maklumat yang diberikan kepada SPRM adalah rahsia dan tidak boleh didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah, atau yang lain di dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

- b) Perlindungan kepada pemberi maklumat telah diperuntukkan di bawah Seksyen 65 (1), Akta SPRM 2009.
- c) Perkara ini sudah tentu akan diambil perhatian serius oleh SPRM kerana sudah termaktub dalam Akta SPRM 2009. Hal ini amat penting kepada pemberi maklumat kerana pendedahan identiti boleh memudaratkan keselamatan diri dan kerjaya mereka. Hal ini bermakna apa jua tempat maklumat diberikan, dokumen, benda atau apa-apa sahaja bahan bukti yang diberikan oleh pemberi maklumat, ia akan dilindungi.
- d) Sekiranya maklumat yang diberikan itu berjaya dibongkar dan dibawa ke mahkamah, pihak mahkamah tidak boleh memerintahkan atau meminta mana-mana pihak mendedahkan maklumat dan identiti pemberi maklumat itu. Sebaliknya, pihak mahkamah juga bertanggungjawab memastikan ia tidak didedahkan kepada pengetahuan mana-mana pihak bagi melindungi pemberi maklumat tersebut.

Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat Di Bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

- a) Mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 pula, pemberi maklumat melibatkan jenayah termasuk rasuah dan pelanggaran tata tertib akan dilindungi. Mengikut Seksyen 7, 8 dan 9, Akta berkenaan, seseorang pemberi maklumat yang telah mendedahkan perlakuan tidak wajar termasuk jenayah rasuah kepada agensi penguat kuasa lain hendaklah diberi perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah atau tindakan tata tertib dan perlindungan terhadap tindakan memudaratkan (tindak balas).
- b) Manakala Seksyen 10, Akta yang sama seseorang itu disifatkan mengambil tindakan memudaratkan terhadap pemberi maklumat yang telah dilindungi di bawah Akta ini, jika orang itu mengambil atau mengancam pemberi maklumat itu atau mengapi-apikan atau benarkan orang lain mengambil tindakan atau ancaman ke atas pemberi maklumat itu.

- c) Jika disabitkan kesalahan yang memudaratkan pemberi maklumat, seseorang itu boleh dihukum denda tidak lebih RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih 15 tahun atau kedua-dua sekali.

Kriteria Pemberi Maklumat Yang Dilindungi Di Bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Terdapat berbagai cara untuk seseorang Pemberi Maklumat mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar termasuk jenayah rasuah atau pelanggaran tata tertib kepada sesebuah agensi penguat kuasa termasuk SPRM atau pegawai SPRM di Jabatan Integriti FELDA. Walau bagaimanapun, syarat bagi seseorang Pemberi Maklumat untuk mendapatkan perlindungan di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 adalah:

- a) Pemberi Maklumat bersedia untuk dikenali oleh sesebuah agensi penguat kuasa;
- b) Pemberi Maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai-pegawai penguat kuasa samada di pejabat atau di mana-mana tempat untuk membuat pendedahan tidak wajar itu;
- c) Sekiranya pendedahan tidak wajar dibuat melalui surat, maka identiti Pemberi Maklumat mesti dinyatakan dan bagaimana beliau boleh dihubungi;
- d) Sekiranya Pemberi Maklumat tidak dapat dikenal pasti, tiada perlindungan boleh diberikan kepada Pemberi Maklumat berkenaan;
- e) Pemberi maklumat tetap akan diberi perlindungan di bawah Akta ini walaupun laporan jenayah rasuah atau pelanggaran tata tertib dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan pendakwaan atau tindakan tata tertib di mana-mana undang-undang atau peraturan atas pelbagai sebab termasuk tidak cukup bukti atau keterangan;

- f) Pemberi maklumat perlu merahsiakan setiap masa semua maklumat yang telah dizahirkan kepada Jabatan Integriti FELDA, sama ada maklumat itu berakhir dengan tindakan undang-undang, tindakan tatatertib atau tiada sebarang tindakan bagi melindungi Pemberi Maklumat daripada terdedah kepada tohmahan atau tindakan tidak wajar pihak tertentu.

Kesalahan Memberi Maklumat Palsu

Mengikut Seksyen 65(3) Akta SPRM 2009 memperuntukkan mana-mana orang yang memberikan sesuatu maklumat sedangkan **dia tahu bahawa maklumat itu palsu adalah menjadi satu kesalahan** dan sekiranya disabitkan kesalahan hukumannya adalah penjara tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi RM100,000.00.



Gambar Hiasan- Jiwa anda sudah pun terpenjara apabila anda telah ditangkap kerana suapan rasuah walaupun anda belum tentu lagi didapati bersalah dan disabitkan dengan hukuman oleh mahkamah

BAB 19

CIRI-CIRI MAKLUMAT ATAU ADUAN JENAYAH RASUAH BERKUALITI

Beberapa faktor perlu diambil kira sebelum memberi maklumat atau aduan kepada SPRM. Apa yang paling penting adalah seseorang itu perlu mengetahui apa yang hendak dilaporkan. Pastikan maklumat yang diberikan di bawah bidang kuasa SPRM. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada memberi sesuatu maklumat berasaskan persepsi, perasaan dengki, khianat dan iri hati kepada seseorang. Banyak maklumat dikatakan kononnya berunsur rasuah telah diviralkan dalam media sosial tetapi sekadar persepsi atau dengar cakap yang tiada bukti sah.

Pihak SPRM hanya boleh bertindak ke atas maklumat yang di bawah bidang kuasanya. Maklumat yang berkualiti perlu mempunyai sekurang-kurangnya ciri-ciri berikut:

- a) Mempunyai tarikh atau masa kejadian. Sekiranya anda tidak ingat tarikh atau masa rasuah itu berlaku, sedikit panduan boleh diberikan kepada SPRM. Sebagai contoh, kejadian berlaku pada awal bulan atau minggu ketiga bulan Jun atau minggu pertama bulan Ramadan, seminggu lepas Tahun Baru Cina atau sebagainya.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- b) Mengetahui tempat kejadian seperti di rumah, pejabat, hotel dan sebagainya.
- c) Memberikan butir-butir peribadi orang yang terlibat seperti perwatakan orang itu, nama, jawatan dan alamat tempat bertugas. Jika tidak tahu nama pegawai terlibat, adalah memadai jika dapat memberikan nama jawatan, bahagian pegawai terlibat bertugas, dan sebagainya.
- d) Mengetahui bentuk kesalahan yang dilakukan seperti meminta atau menawarkan suapan rasuah, mengemukakan tuntutan palsu atau salah guna jawatan.
- e) Ada saksi-saksi yang mengetahui atau boleh membantu atau melihat kejadian itu seperti kakitangan pegawai itu, kontraktor, pembekal, dan sebagainya.
- f) Mengemukakan rujukan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti fail-fail berkaitan tender, Pesanan Tempatan (LO), Inden Kerja, penyata akaun dan slip bank jika ada. Jika tiada juga, anda boleh memberi maklumat seperti maklumat mengenai jenis pembinaan projek (pejabat, bekal perabot), lokasi projek, tahun projek dilaksanakan dan status projek.
- g) Mengetahui bentuk suapan rasuah seperti wang, kenderaan, hartanah, barang berharga atau apa-apa bentuk perkhidmatan.
- h) Mengemukakan sebarang rujukan lain jika ada seperti nombor akaun, nombor kenderaan dan alamat rumah.

Walaupun ciri-ciri maklumat berkualiti di atas tidak semuanya boleh diperoleh dalam satu-satu maklumat atau aduan yang diperoleh, tetapi usaha-usaha perlu dilakukan untuk memenuhinya walaupun tidak sepenuhnya agar maklumat itu tidak terlalu umum yang menyukarkan SPRM menjalankan siasatan.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Bagi menyediakan maklumat berkualiti dan berhasil dengan satu bentuk tindakan siasatan berkualiti oleh SPRM, pemberi maklumat perlu menilai sama ada maklumat atau laporan yang akan dikemukakan itu benar, tepat dan boleh disahkan kebenarannya.

Sebagai contoh, A sedang memandu kereta menuju ke sebuah bandar. Sewaktu di pertengahan jalan beliau melihat sepasukan pegawai JPJ sedang membuat pemeriksaan ke atas beberapa buah lori di tepi jalan. A terus menghubungi SPRM dan memaklumkan bahawa pegawai JPJ sedang meminta wang rasuah daripada pemandu-pemandu lori tersebut. Berdasarkan maklumat diterima itu, memang benar pegawai JPJ sedang menahan dan memeriksa lori-lori tersebut tetapi persoalan yang A perlu jawab adalah, benarkah pegawai-pegawai JPJ itu sedang melakukan kesalahan rasuah? Sekiranya benar, siapa yang boleh mengesahkannya? Jika A hanya membuat anggapan semata-mata. Maklumat sebegini tidak boleh dijadikan asas untuk SPRM bertindak.

Walau bagaimanapun, sekiranya A juga turut ditahan bersama-sama pemandu lori itu dan A melihat atau mendengar sendiri berlakunya permintaan atau penerimaan suapan wang rasuah oleh pegawai JPJ itu, maka wajarlah A melaporkan kepada pihak SPRM dan A adalah pemberi maklumat yang akan dilindungi dalam kes tersebut.

Oleh itu, kumpulkan maklumat dan sampaikan isi penting seperti bila kejadian itu berlaku, di mana kesalahan berlaku, siapa yang terlibat dan boleh membantu, apa kesalahan yang dilakukan, kenapa kesalahan itu dilakukan dan bagaimana transaksi rasuah tersebut dilakukan.

BAB 20

ISU “IKAN BILIS” DAN “IKAN JERUNG”

SPRM sering diviralkan, banyak menangkap atau menyiasat kes-kes penjawat awam yang dimomokkan sebagai ikan bilis di kaca mata masyarakat. Persoalannya, sama ada ikan bilis atau ikan jerung, itu bukan isunya. Berbanding dengan ahli politik, anggota pentadbiran seperti menteri atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) atau ahli korporat yang masyarakat atau orang ramai sering menganggap mereka adalah “ikan jerung”.

Penjawat awam yang dikategorikan “ikan bilis” ini ada kalanya boleh mengatasi peranan ahli politik, menteri atau EXCO atau Ketua Pegawai Eksekutif syarikat milik kerajaan atau swasta berstatus “ikan jerung”. Malah ada dalam kalangan penjawat awam ini, menjadi “macai” atau “balaci” iaitu sebagai orang tengah di antara anggota pentadbiran seperti menteri, EXCO atau pengerusi agensi badan berkanun dengan syarikat atau kontraktor untuk mendapatkan habuan rasuah dengan meluluskan tender, permit atau kontrak kerajaan secara runding terus. Penjawat awam jenis ini selalunya akan mendapat habuan hasil jenayah rasuah daripada anggota pentadbiran tersebut. Ada ketikanya mereka “lebih kaya” daripada seorang ahli politik atau anggota pentadbiran tersebut kerana dia memainkan peranan dan mendapat habuan daripada ramai ahli

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

politik atau anggota pentadbiran tersebut. Ramai dalam kalangan ahli masyarakat termasuk ahli-ahli politik dan anggota pentadbiran kerajaan tidak menyedari bahawa penjawat awam yang dikategorikan “ikan bilis” juga boleh menjadi “ikan jerung”. Sebagai contoh, kes jenayah rasuah melibatkan penjawat awam berjawatan setiausaha bahagian Kewangan sebuah kementerian yang terlibat dalam jawatankuasa tender menerima suapan rasuah daripada syarikat yang memasuki tawaran tender sebagai balasan membocorkan maklumat tender atau dia meluluskan tender kepada syarikat yang dia ada kepentingan atau saham dalam syarikat tersebut.

Ada kes di mana penjawat awam ini boleh mengumpul hasil suapan rasuah sehingga ratusan juta ringgit dalam bentuk wang tunai atau hartanah. Sebagai contoh, kes melibatkan seorang ketua jabatan di negeri Sabah yang telah ditangkap dan didakwa kerana telah memperolehi hasil jenayah rasuah sehingga mencecah seratus juta ringgit daripada kontraktor yang terlibat dalam projek infrastruktur di Sabah.

Begitu juga kes melibatkan pegawai dan anggota penguat kuasa undang-undang yang memperolehi suapan rasuah daripada tauke, sindiket atau penyeludup dalam kegiatan-kegiatan haram seperti pelacuran, perjudian, rumah urut, pemerdagangan manusia, kecurian pasir, salah guna permit kerja, penyeludupan barang terlarang, melepaskan tangkapan atau pendakwaan kes dadah. Kes-kes ini adalah melibatkan peranan penjawat awam yang dikatakan oleh masyarakat sebagai “ikan bilis”. Mereka terlibat boleh mengumpul habuan rasuah sehingga berpuluh-puluh juta ringgit hasil kegiatan haram itu.

Masyarakat tidak sedar bahawa perbuatan perasuah “ikan bilis” ini, bukan sahaja menyebabkan ketirisan hasil kerajaan dan ketirisan perbelanjaan kerajaan sahaja tetapi perbuatan penjawat awam ini boleh memberikan kesan buruk kepada keselamatan nyawa, harta benda dan keselamatan negara.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

SPRM tidak pernah memilih siapa pelaku jenayah rasuah itu tanpa mengira pangkat atau kedudukannya. Semuanya akan dilayan sama rata oleh SPRM kerana jenayah rasuah tetap jenayah. Rekod SPRM menunjukkan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, SPRM telah menyiasat dan menangkap pelbagai golongan sama ada “ikan bilis” atau “ikan jerung”. Perkara ini sering tersiar di dalam media massa dan media sosial.

Sejak BPR ditubuhkan (sekarang dikenali SPRM), antara nama-nama besar yang pernah disiasat SPRM sehingga berakhir dengan pendakwaan dan telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah ialah kes rasuah melibatkan;

- a) Datuk Harun Idris, Menteri Besar Selangor(UMNO)
- b) Dr Mohd Khir Toyo, Menteri Besar Selangor (UMNO)
- c) Dato Pairin Kitingan, Ketua Menteri Sabah (PBS)
- d) Datuk Waad Mansor, EXCO Negeri Sembilan (UMNO)
- e) Dato Muslim Othman, EXCO Negeri Kedah (UMNO)
- f) Datuk Azman Mahalan, EXCO Negeri Perak (UMNO)
- g) Datuk Shahar Arpan, EXCO Negeri Melaka (UMNO)
- h) Yap Soo Sun, ADUN Teratai, Negeri Selangor (DAP)
- i) Loh Chee Heng, ADUN Telok Datok, Selangor (DAP)
- j) Dato’ Ariff Ab Rahman, Ketua Setiausaha, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- k) Datuk Wahid Don, Ketua Pengarah Imigresen Malaysia
- l) Datuk Saberi Md Salleh, Dekan UiTM Shah Alam
- m) Datuk Bakarudin Othman, YDP Majlis Perbandaran Selayang
- n) Badarudin Ahmad, YDP Majlis Perbandaran Kangar, Perlis
- o) Mohd Firdaus Ramlan, Majistret Kuala Krai, Kelantan
- p) Hassan Basri Shafie, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak
- q) Shahrnazri Ab Samad, Ketua Pendakwaraya Syarie, JAIP Perak

Rekod di atas juga telah menjawab soalan pelbagai pihak dalam kalangan ahli politik atau masyarakat yang menuduh SPRM menjadi alat pemerintah. Hakikat sebenarnya SPRM akan bertindak ke atas

sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan jenayah rasuah tanpa mengira seseorang itu pemimpin itu dari parti politik memerintah atau pembangkang.

Malah pada masa artikel ini ditulis, ada beberapa kes profil tinggi melibatkan bekas perdana menteri, timbalan perdana menteri, menteri kabinet, ahli Parlimen, pengerusi agensi badan berkanun termasuk FELDA, pegawai kanan kerajaan dan ketua pegawai eksekutif (CEO) GLC yang masih dalam siasatan atau perbicaraan kes di mahkamah kerana disyaki terlibat dengan kes jenayah rasuah, pecah amanah jenayah dan pengubahan wang hasil kegiatan haram.

Oleh yang demikian, SPRM menjalankan siasatan tanpa memilih bulu atau membezakan antara semua pihak dalam menjalankan tugasnya. Sekiranya seseorang itu melakukan kesalahan jenayah rasuah, SPRM akan mengambil tindakan tanpa mengira pangkat atau kedudukan atau parti politik.

Masyarakat perlu sedar bahawa ada ketikanya kes “ikan bilis” ini memberi implikasi besar kepada ahli masyarakat yang menjadi mangsa perasuah. Sebagai contoh, kes seorang anggota polis yang meminta dan menerima rasuah RM50.00 daripada seorang penoreh getah yang melakukan kesalahan trafik tidak memakai topi keledar sewaktu menunggang motosikal melalui jalan raya di satu daerah di Kedahmenuju ke kebun getah, tempat dia mengambil upah menoreh getah. Kes ini nampak kecil di mata masyarakat, namun bagi penoreh getah itu, jumlah tersebut (RM50.00) amat besar dan mungkin pendapatan beliau perolehi hasil kerja atau mengambil upah dalam tempoh beberapa hari untuk menyara kehidupan keluarganya.

**Kekuasaan dan agama adalah anak kembar. Agama
adalah dasar dan kekuasaan adalah penjaga**

(Imam Al-Ghazali)

BAB 21

ISU INTEGRITI PENJAWAT AWAM IBARAT “LEMBU TERLEPAS”

Di kampung, apabila seekor lembu terlepas menerjah dan merayau mengelilingi kampung mengganggu kanak-kanak bermain di halaman rumah, ramai orang yang sakit hati, geram dan sumpah seranah binatang itu atau dengan tuannya sekali disumpahnya. Begitu juga, jika ada lembu terlepas masuk ke kawasan sawah padi atau kebun pisang, ramai yang sakit hati, ramai yang menghunus parang panjang. Bayangkan anak padi yang tumbuh subur, diragut dengan lahapnya oleh lembu. Bayangkan pokok pisang yang baru berbuah subur diranduk dan dipijak oleh lembu. Pagar yang baru dipasang dirempuh begitu sahaja oleh lembu. Sakit hati!! Memang tidak ada otak!! Lembu tidak salah. Yang salah pemiliknya. Mungkin otaknya sama dengan otak lembu. Ataupun lebih kurang sama.

Bayangkan jika di pusat bandar seperti Kuala Lumpur atau Kuantan, jika ada lembu terlepas berada di jalan raya, ramai juga orang yang sakit hati. Bayangkan waktu tengah puncak pergi atau balik kerja, kenderaan sibuk, lembu berehat di tengah jalan. Menyumpah seranah semua pemandu kenderaan. Hendak dilanggar lembu di tengah jalan, nanti orang kata “siapa yang bodoh, lembu atau orang yang melanggar lembu itu? Peliknya, tiada pula pemilik lembu yang mengaku dia yang punya lembu itu. Tetapi apabila hampir Hari Raya

Korban, ada pula yang mengaku lembu itu, dia punya. Pendek kata lembu lebih kebal daripada orang dari segi undang-undang.

Lembu terlepas itu, adalah kiasan untuk diri kita sebagai penjawat awam baik pangkat besar atau rendah, kalau lepas bebas sesuka hati langgar undang-undang atau peraturan jabatan. Suka “makan suap” di sana sini. Tidak kira di pejabat, di hotel atau makan angin di luar negara bersama kontraktor atau ahli perniagaan sambil main golf dan dapat habuan rasuah berupa wang tunai, wanita cantik, penginapan percuma atau barangan mewah.

Lepas bebas sesuka hati ambil suapan rasuah tanpa takut kepada undang-undang dan ‘Yang Maha Melihat’. Lepas bebas keluar pejabat sesuka hati ke pasar tani, pasar raya atau salah guna harta pejabat sewenang-wenangnya tanpa kawalan atau pengetahuan ketua jabatan. Atau ketua jabatan dengan anak buah sama-sama berpakat jahat macam ‘lembu terlepas’, merayau cari makan dalam waktu pejabat di kedai mamak langgar peraturan jabatan. Ada kalangan mereka ini, merayau sehingga berpuluh-puluh kilometer jauhnya dari pejabat semata-mata cari restoran atau kedai mamak untuk mengisi nafsu makan bukannya untuk alas perut.

Jika ada dalam kalangan penjawat awam yang makan rasuah atau langgar peraturan jabatan sesuka hatinya. Bukan sedikit penjawat awam lain yang jujur dan amanah akan sakit hati dan meluat. Bukan sedikit orang awam yang berurusan dengan perasuah itu sakit hati. Bayangkan apa jadi dengan penjawat awam itu yang sering kali disumpah seranah oleh orang ramai di atas perbuatan jahatnya itu. Nasib tidak baik, penjawat awam itu ada yang tertangkap oleh pihak berkuasa atau diambil tindakan tatatertib.

Penjawat awam yang perasuah, tidak peduli atau pekak badak dengan teguran orang bahawa jenayah rasuah itu haram, jenayah rasuah itu salah di sisi undang-undang. Walaupun dia pernah dengar ceramah agama atau ceramah jenayah rasuah atau setiap bulan dia hadir perhimpunan bulanan jabatan, kena angkat tangan kanan lafaz

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

“Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam” atau “Ikrar Bebas Rasuah”. Dia peduli apa! Sekadar ikrar! Sekadar ceramah! Orang bukan tahu apa dia buat, dia kata boleh taubat nanti. Janji poket penuh, perut kenyang.

Perangai bodoh sombong si perasuah ini, kalau ada orang kata dia makan suap macam lembu kenyang, dia marah. Itulah perangai penjawat awam yang rasuah atau melanggar peraturan jabatan, ibarat seperti lembu terlepas. Hinanya manusia yang menjadi seorang perasuah. Hina di dunia dan hina di akhirat.



Gambar Hiasan: Proses keadilan kepada tertuduh kes jenayah rasuah bukan sahaja akan memalukan keluarga dan jabatan kerana gambarnya akan terpampang dalam media massa. Sebaliknya akan menyebabkan banyak wang terpaksa dihabiskan untuk kos guaman di samping hukuman menanti jika disabitkan dengan kesalahan oleh mahkamah

BAB 22

PENGGILIRAN KERJA MENGURANGI JENAYAH RASUAH?

Isu pelanggaran peraturan dan jenayah rasuah dalam kalangan penjawat awam yang bertugas sesetengah kementerian, jabatan atau agensi kerajaan yang berisiko tinggi, sering menjadi isu panas dan menimbulkan persepsi negatif kepada perkhidmatan awam. Penggiliran kerja atau pertukaran pegawai merupakan salah satu fungsi pengurusan sumber manusia yang penting. Pegawai akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang sekiranya ditempatkan di jawatan dan tugas yang bersesuaian dengan kompetensinya. Urusan pertukaran yang tidak dilaksanakan dengan baik akan memberikan kesan yang negatif bukan sahaja kepada organisasi tetapi kepada pegawai yang terlibat.

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004-Panduan Pertukaran Pegawai Awam adalah bertujuan untuk memastikan penjawat awam meningkatkan pengetahuan dan pembelajaran di dalam persekitaran kerja di ruang berbeza, menambahkan pengalaman kerja, meningkatkan produktiviti, membendung rasa bosan, memperluaskan *networking* pegawai, mencegah berlaku jenayah rasuah dan pelanggaran tata tertib.

Mengikuti pekeliling itu, panduan dasar pertukaran seperti berikut;

- a) Menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif;
- b) Menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 8 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif;
- c) Seseorang pegawai itu boleh ditukarkan sama ada atas arahan Ketua Jabatan ataupun atas permintaan pegawai itu sendiri yang dipersetujui oleh Ketua Jabatan berdasarkan kepentingan perkhidmatan tanpa terikat dengan tempoh perkhidmatan yang dinyatakan di perenggan (i) dan (ii) di atas; dan
- d) Tidak menggunakan pertukaran sebagai hukuman kecuali pertukaran tersebut dapat membantu melicinkan proses tindakan tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai berkenaan.

Ada tiga kategori jawatan dan tempat berisiko tinggi yang mudah terdedah kepada bahaya jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib, iaitu;

- a) **Hot Job** - Jawatan yang berisiko seperti penguatkuasaan undang-undang, pegawai terlibat meluluskan kontrak atau pembelian, pengurusan permit atau lesen.
- b) **Hot Staff** - Pegawai yang mempunyai rekod tohmahan jenayah rasuah atau pernah disiasat oleh SPRM tetapi tidak cukup bukti, pernah ditegur oleh Jabatan Audit kerana pelanggaran prosedur kewangan atau pegawai terlibat dengan salah laku atau pelanggaran tatatertib.
- c) **Hot Spot** - Tempat kerja yang berisiko tinggi terdedah kepada jenayah rasuah seperti bahagian kewangan, perolehan, projek, pelesenan, pelaburan, dan penguatkuasaan undang-undang.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Penggiliran atau pertukaran kerja di kalangan pegawai yang ditempatkan dalam jabatan atau agensi yang berisiko tinggi terdedah kepada perbuatan jenayah rasuah dan pelanggaran tata tertib amat perlu diberi perhatian oleh ketua jabatan.

Hal ini bertujuan sebagai langkah awal atau kawalan dalaman berkesan mengelakkan pegawai awam dari terdedah dan terlibat dengan jenayah rasuah. Sekiranya ketua jabatan gagal menguruskan isu penggiliran kerja dengan baik, ianya akan mendatangkan risiko kepada ramai pegawai jabatan itu terdedah atau terlibat dengan masalah tersebut. Pada akhirnya mencemarkan imej jabatan dan perkhidmatan awam keseluruhannya.

Pegawai-pegawai yang dikenal pasti berisiko atau berjawatan risiko atau berada di tempat berisiko itu wajar melalui sistem penggiliran kerja dengan kerap sekurang-kurang tiga (3) tahun sekali atau mengikut keperluan mungkin kurang dari tiga tahun untuk sesuatu jawatan atau bahagian berisiko itu.

Dalam konteks FELDA, adalah amat penting ketua jabatan mengambil berat mengenal pasti dan melakukan tindakan sewajarnya bagi menutup ruang dan peluang dari berlakunya jenayah rasuah dan pelanggaran tata tertib. Langkah sedemikian akan menyelamatkan petugas FELDA dari terdedah dan terlibat jenayah rasuah dan melakukan pelanggaran tata tertib seperti ponteng kerja, terlalu rapat dengan kontraktor, pembekal dan tidak mematuhi prosedur kewangan. Penggiliran kerja juga akan memberi peluang kepada mana-mana petugas FELDA yang telah berkhidmat terlalu lama di jabatan, wilayah atau rancangan FELDA dari rasa kebosanan, jemu dan menafikan peluang pegawai untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman kerja.

BAB 23

PEMIKIRAN SALAH ATAU HELAH BELA DIRI PERASUAH?

Seseorang pemimpin politik, penjawat awam atau swasta yang terlibat dengan jenayah rasuah sering kali menggunakan pelbagai alasan atau “helah bela diri” untuk mewajarkan mengapa mereka “terpaksa” terlibat dengan perbuatan jenayah rasuah. Antaranya;

a) Mencari alasan mewajarkan tindakan dengan memangsakan “pemberi rasuah”

Seorang penjawat awam atau swasta terlibat jenayah rasuah akan mengatakan jika saya tidak ambil suapan rasuah itu, orang lain akan mengambilnya. Mereka juga berfikir bahawa masyarakat tidak ambil peduli pun amalan jenayah rasuah, ramai yang terlepas dan tidak ditangkap. Ada dalam kalangan mereka pula menyatakan dia tidak minta suapan rasuah tetapi orang awam yang berurusan dengannya niat ikhlas hendak beri wang atau barang berharga kepadanya. Katanya apa salahnya, orang memberi kita merasa. Bagi penjawat awam yang ditugaskan di dalam agensi penguat kuasa undang-undang selalunya menggunakan alasan helah bela dirinya dengan mengatakan sekiranya saya tidak melakukan perbuatan menerima rasuah, saya dan keluarga saya dalam bahaya.

b) Setiap pertolongan perlu ada balasan setimpal

Ada pegawai badan awam yang perasuah mengambil kesempatan ke atas orang awam yang mahu urusan mereka disegerakan atau tidak diambil tindakan undang-undang seperti disaman, kompaun atau ditangkap. Perasuah akan mengatakan kalau anda mahu cepat atau tidak diambil tindakan, saya perlu buat kerja lebih dan anda perlu mengeluarkan belanja (memberi suapan rasuah). Ada juga perasuah menyatakan apa yang saya dapat, jika saya tolong awak. Hal ini membawa maksud bahawa dia tidak akan mendapat apa-apa habuan sekiranya dia tolong orang itu.

c) Mahu hidup mewah dan dipandang tinggi

Ada perasuah memegang prinsip bahawa dengan beri alasan bahawa saya juga perlu kepada kemewahan. Saya akan perolehinya walaupun dengan cara salah termasuk menerima suapan rasuah. Saya perlu mengambil peluang yang ada untuk mendapatkan kemewahan sementara saya ada kuasa atau kedudukan jawatan dalam jabatan atau syarikat. Kalau hendak mengharapkan gaji bulanan, mana cukup. Mereka sanggup berbuat apa saja untuk mengekalkan status sosial dalam kalangan masyarakat. Dia tidak mahu masyarakat memandang rendah jawatan dan kedudukan yang dia dapat. Dia beranggapan selagi dia ada kuasa, dia boleh menentukan apa saja yang mendatangkan keuntungan kepadanya termasuk suapan rasuah.

d) Menjadikan ketua terlibat jenayah rasuah sebagai ikutan

Ada dalam kalangan mereka menyatakan kalau ketuanya sendiri mengambil suapan rasuah, mengapa tidak saya. Tidak adil kalau hanya dia yang untung sedangkan saya yang berpenat lelah menjalankan tugas diamanahkan hanya mendapat gaji tetap sahaja. Kalau saya sahaja yang ditangkap dan diambil tindakan undang-undang kerana kes jenayah rasuah, saya tidak berpuas hati dan saya pasti akan dedahkan kepada pihak berkuasa yang ketua saya juga terlibat sama.

e) Terlalu yakin akan terlepas walaupun tahu risiko akibat kesilapan dilakukan

Seorang perasuah selalu berfikiran bahawa setakat ini saya terlepas. Selagi saya tahu berselindung atau sembunyikan apa yang saya buat, saya tidak akan tertangkap. Dia juga beranggapan tiada orang yang berani melaporkan kegiatannya. Ada ketikanya perasuah akan berpegang kepada sekiranya saya mendapat masalah atau tertangkap, saya akan dedahkan kesalahan ketua saya atau rakan setugas saya yang juga terlibat dengan rasuah. Biar sama-sama menanggung masalah.

f) Bekerja semata-mata mengharap habuan

Selalunya orang yang terlibat dengan jenayah rasuah menganggap dirinya bekerja dengan jujur tetapi tidak berjaya dalam kerjayanya dan tidak dihargai oleh pegawai atasannya dalam kenaikan pangkat atau anugerah khidmat cemerlang. Sebaliknya orang yang terlibat dengan rasuah dan pandai mengampu ketua mudah laluannya untuk dinaikkan pangkat, anugerah khidmat cemerlang atau pingat kebesaran.

g) Meletakkan kesalahan orang lain menjadi punca dia terlibat jenayah rasuah

Seorang perasuah selalu menggunakan helah bela diri dengan menyatakan gejala jenayah rasuah berlaku dengan terang-terangan dan secara terbuka bukan sahaja di jabatannya, malah semua jabatan atau syarikat lain juga terlibat. Ramai pegawai lain juga terlibat, bagaimanakah dia boleh mengelaknya atau tidak turut sama merasai habuan rasuah seperti juga orang lain. Apatah lagi dia tidak minta suapan rasuah semasa bertugas, orang awam yang berurusan dengannya yang berikan suapan rasuah itu dengan ikhlas dan tanpa paksaan.

h) Sengaja menafikan hadiah diterima itu bukan suapan rasuah sebaliknya rezeki

Ada dalam kalangan pemimpin parti politik, penjawat awam atau swasta menyatakan dia selalu menerima hadiah dalam tugas rasminya dan dia merasakan dirinya sukar untuk menolak

pemberian hadiah dan selalunya sukar untuk dia menolakan apatah lagi pemberian hadiah barang yang dia suka seperti barang kemas dan aksesori kereta. Sekarang dia tidak dapat menolak lagi pemberian hadiah kerana dia termakan budi dan terpaksa menolong orang yang berikan hadiah kepadanya walaupun dia tahu perbuatannya itu satu kesalahan.

i) Menganggap kekayaan seseorang kerana dia terlibat jenayah rasuah

Ada dalam kalangan perasuah yang beranggapan bahawa kebanyakan orang kaya terlibat dengan rasuah dengan memberi rasuah kepada pegawai kanan kerajaan untuk mendapatkan kontrak atau projek besar dengan kerajaan. Kalau mereka boleh kaya dengan cara demikian, mengapa dia juga tidak boleh mengikut cara orang kaya mendapatkan keuntungan melalui rasuah.

j) Hanya suapan rasuah sahaja jalan pintas memenuhi keinginan atau keperluan diri

Seorang ahli politik, penjawat awam atau swasta yang terjebak dengan jenayah rasuah selalunya berfikiran singkat atau akal pendek. Mereka hanya melihat suapan rasuah sahaja adalah cara paling cepat dan mudah untuk mencapai matlamat atau keinginannya. Dia beranggapan bahawa kerjaya dan jawatan disandangnya bukan penentu kejayaan dan menjamin hidup mewah. Dia menganggap kalau dia hendak tunggu kenaikan pangkat adalah terlalu lambat dan perlu bersaing dengan pegawai lebih lama bertugas, tetapi jika melalui suapan rasuah mudah baginya untuk mengumpul kekayaan dan kemewahan tanpa perlu menunggu lama untuk mendapatkan habuan atau keuntungan.

Walau apapun alasan diberikan oleh mana-mana ahli politik, penjawat awam atau swasta yang terlibat dengan jenayah rasuah bahawa dia “terpaksa” melakukan perbuatan terkutuk atas pelbagai sebab dinyatakan di atas. Ajaran agama Islam tidak menghalalkan semua cara atau alasan melakukan perbuatan yang haram itu untuk

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

capai matlamat terkutuk itu. Mereka perlu sedar bahawa manusia yang terlibat dengan jenayah rasuah sedikit pun tidak akan terlepas dari balasan azab daripada Allah SWT di akhirat nanti, walaupun dia terlepas dari tindakan atau hukuman di bawah mana-mana undang-undang di dunia.



Gambar Hiasan: Berada dalam penjara dunia akibat kesilapan sendiri terlalu ikut hawa nafsu serakah. Ahli keluarga juga terperjara dalam kalangan masyarakat kerana maruah keluarga diaibkan dan tercalar.

BAB 24

SUAPAN RASUAH: SATU PILIHAN ATAU KEINGINAN?

Amalan jenayah rasuah bukan merupakan perkara baru kepada masyarakat. Pada zaman Rasulullah SAW lagi amalan jenayah ini telah wujud. Baginda SAW sendiri telah diuji dengan pelbagai ujian dalam usaha untuk menyebarkan risalah Islam. Salah satu daripada ujian tersebut ialah Baginda SAW ditawarkan dengan harta kekayaan oleh kaum Quraish supaya berhenti menyebarkan risalah Islam kepada penduduk Makkah, meninggalkan jihad dan meninggalkan perjuangan untuk membina masyarakat Rabbani. Walaupun pelbagai ujian dan sogokan yang ditawarkan kepada Rasulullah SAW, Baginda tetap dengan pendiriannya berdasarkan sabdanya:

Sekiranya bulan diletakkan di tangan kananku dan matahari di tangan kiriku nescaya aku tidak akan sekali-kali meninggalkan tugas menyebarkan Islam ini.

Amalan jenayah rasuah memerlukan dua atau tiga pihak untuk menjayakannya. Oleh itu, setiap pihak mempunyai pilihan sama ada menerima atau menolak amalan tersebut. Islam memberi ruang kepada penganutnya untuk membuat pilihan selagi mana tidak bertentangan dengan syariat. Pilihan merupakan hak seseorang untuk melakukan sesuatu, sekuat mana tekanan yang diterima untuk menerima atau memberi suapan rasuah jika seseorang memilih

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

untuk menolaknya kerana lebih takutkan pilihan yang diberikan Allah SWT di akhirat kelak maka perkara tersebut dapat menjauhkan mereka daripada amalan jenayah rasuah.

Terdapat dua pilihan dalam isu jenayah rasuah iaitu pilihan yang baik (menolak) dan buruk (menerima). Manakala keinginan pula melihat kepada kehendak seseorang dalam melakukan sesuatu sama ada berpandukan hukum atau mengikut hawa nafsu.

Kesedaran terhadap konsep amanah dan jujur dalam melaksanakan sesuatu menjadi kekuatan kepada mereka untuk menolak unsur-unsur negatif yang datang kepada mereka. Rasulullah SAW memberi penekanan dosa rasuah adalah sama dengan dosa-dosa besar yang lain seperti berzina dan meminum arak. Selain itu, dosa jenayah rasuah bukan hanya kepada penerima suapan rasuah malah kepada pemberi dan perantara yang melakukan perbuatan tersebut juga diberikan.

Persepsi amalan jenayah rasuah perlu diterima dalam keadaan-keadaan tertentu. Orang yang melakukan amalan jenayah rasuah sering kali menyatakan masyarakat perlu menerima amalan-amalan ini dalam sesetengah perkara. Jika tidak melakukannya sesuatu keputusan dan birokrasi yang harmoni tidak dapat diwujudkan. Hal ini kerana, jenayah rasuah memerlukan persetujuan bersama dan janji setia kedua-dua pihak untuk melaksanakannya.

Berdasarkan persepsi-persepsi tersebut, timbul persoalan adakah benar amalan jenayah rasuah mempunyai perkara positif? Walaupun terdapat sesetengah pihak menyatakan terdapat kesan positif dalam amalan jenayah rasuah namun sebagai umat Islam kita perlu berpegang teguh kepada hukum yang telah ditetapkan iaitu sejauh manakah kepentingan seseorang untuk menerima rasuah. Hukum syarak telah menetapkan “sesuatu matlamat tidak menghalalkan cara”. Walaupun matlamat melakukan jenayah rasuah dikatakan terpaksa dilakukan untuk mempercepatkan urusan atau melepaskan diri dari tindakan undang-undang, tetapi jika jalan yang ditempuh untuk mendapatkannya adalah salah dan dilarang keras oleh agama

dan undang-undang, maka perbuatan tersebut hendaklah ditinggalkan.

Terdapat pihak yang menolak jenayah rasuah dalam bentuk wang tetapi menerima hadiah sebagai habuan daripada seseorang yang ada urusan rasmi dengan jabatannya. Adakah hadiah juga boleh dikira sebagai suapan rasuah? Hadiah adalah pemberian yang tidak mengharapkan kepada sebarang balasan malah Rasulullah SAW juga menerima hadiah. Dalam kes Ibnul Utbiah yang dihantar oleh Rasulullah SAW kepada satu kabilah untuk mengutip zakat dan beliau membawa balik kutipan zakat berserta pemberian hadiah daripada kabilah tersebut dan ditegur oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda:

Mengapa kamu tidak tinggal di rumah bersama ayah dan ibukamu menantikan hadiah itu sampai kepada kamu, sekiranya kamu memang benar orang yang jujur.

Amalan jenayah rasuah ditolak apabila seseorang individu mempunyai sikap amanah dan jujur dalam melaksanakan tanggungjawab. Setiap tanggungjawab yang diberikan terutamanya melibatkan pihak pengurusan atau organisasi telah disediakan gaji untuk pekerjaan mereka, pemberian atau pengharapan kepada upah-upah sampingan sepatutnya tidak berlaku. Penerimaan lain setelah menerima gaji adalah dilarang, ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Barang siapa yang telah kami ambil untuk melakukan sesuatu kerja, dan telah ditetapkan baginya sesuatu rezeki (gaji atau upah), maka apa yang diambilnya selepas itu adalah ghulul (pengkhianatan) (Hadis Riwayat Abu Daud).

Keinginan adalah sesuatu yang berasal daripada hasrat (nafsu) atau harapan seseorang untuk mencapai sesuatu dan memenuhi kepuasan dalam hidupnya. Timbul persoalan adakah semua keinginan boleh diikuti? Keinginan manusia adalah tidak terbatas, namun manusia bukan hanya hidup secara individu dalam dunia ini.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Kehidupan manusia melibatkan masyarakat, alam dan yang lebih utama adalah sebagai hamba kepada Allah SWT.

Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Adz-Dzariyat, Ayat 56 yang bermaksud;

Tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia kecuali agar mereka beribadah kepadaKu.

Oleh demikian, tanggungjawab yang diberikan bukan sahaja melibatkan amanah yang diberikan oleh majikan atau pihak kerajaan, malah melibatkan amanah yang diberikan oleh Allah SWT. Oleh itu, kekuatan iman sahaja yang mampu mencegah seseorang daripada amalan ini.

Allah tidak menerima sesuatu amalan itu melainkan ia dilakukan dengan ikhlas semata-mata keranaNya sahaja

(Hadis Riwayat An-Nasa'i)

BAB 25

BAGAIMANAKAH MENGATAKAN “TIDAK” KEPADA JENYAH RASUAH?

Adakah kerjaya atau tugas anda sekarang terdedah kepada perlakuan jenayah rasuah? Satu persoalan yang sukar untuk dijawab. Tiada siapa pun yang bertugas dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam atau swasta boleh mengatakan organisasi mereka bebas jenayah rasuah. Pada asasnya, seseorang penjawat awam atau swasta yang memang bidang tugasnya terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya jenayah rasuah akan menghadapi kesukaran atau masalah untuk menghindari dari melakukan perbuatan itu. Apatah lagi penjawat awam yang bertugas dalam agensi penguat kuasa undang-undang seperti Polis, Kastam, JPJ atau Imigresen. Hanya mereka yang berintegriti tinggi yang akan berjaya mengharungi dugaan atau masalah ini sehingga bersara atau menamatkan perkhidmatan.

Sekiranya seorang penjawat awam atau swasta memang terdedah atau terlibat dalam urusan rasmi dengan orang ramai dan terdedah atau pernah terlibat ditawarkan atau meminta suapan rasuah. Maka, sewajarnya dia perlu memikirkan kesan dan akibat buruk jenayah rasuah kepada diri dan keluarganya serta mengambil tindakan serius

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

dan berprinsip dalam menangani persoalan jenayah rasuah ini. Panduan berguna untuk penjawat awam atau swasta mengatakan TIDAK kepada perbuatan jenayah rasuah ialah;

- a) Sekiranya tugas anda perlu berurusan dengan pelanggan seperti kontraktor atau peniaga secara langsung, jangan menyatakan YA bagi pelawaan pertama seperti mengajak kita makan di restoran, menawarkan bantuan kewangan atau mengajak melancong ke luar negara. Hati-hati dengan pujian yang diberikan oleh mana-mana individu dalam sesebuah syarikat atau kontraktor yang berurusan dengan kita.
- b) Cuba mengelakkan diri anda menerima sebarang bentuk hadiah atau keraian biarpun kecil nilainya. Penerimaan hadiah atau keraian yang kecil inilah selalunya permulaan kepada yang lebih besar.
- c) Elakkan dari berurusan mengenai hal-hal peribadi atau keluarga dengan mana-mana orang yang ada urusan rasmi dengan tugas kita seperti syarikat atau kontraktor, agar mereka tidak tahu masalah peribadi kita terutamanya sewaktu kita menghadapi masalah bayaran hutang, kad kredit, tidak cukup perbelanjaan keluarga atau masalah kenderaan selalu mengalami kerosakan. Sekiranya kita selalu meminta tolong mereka seperti meminta tolong mendapatkan kerja untuk anak atau adik di syarikat mereka atau meminjam wang untuk urusan peribadi. Hal ini bermakna kita telah meletakkan diri “termakan budi” yang akhirnya telah menjerat kita untuk terpaksa menolong mereka untuk mendapatkan kontrak atau tender dari jabatan kita walaupun tidak mengikut prosedur atau melanggar syarat ditetapkan.
- d) Cuba elakkan diri dari ada hubungan terlalu baik atau rapat dengan kontraktor atau ahli perniagaan yang ada urusan rasmi dengan jabatan kita atau kita terlalu banyak menggunakan budi bicara dalam melaksanakan tugas rasmi. Amalkan semua urusan rasmi diselesaikan di pejabat.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- e) Bersahabatlah dengan rakan setugas atau rakan lain yang dipercayai boleh menasihati atau menegur kita sekiranya kita menyimpang dari haluan hidup atau sewaktu menghadapi masalah peribadi dan tugas.
- f) Sekiranya tiada pilihan, pohon bertukar tempat kerja jika kita merasakan sukar untuk menghadapi tekanan atau dugaan berdepan dengan amalan jenayah rasuah yang berlaku dalam persekitaran kerja kita. Langkah ini boleh diambil sekiranya kita sudah tidak terdaya atau tidak berani untuk melaporkan perbuatan jenayah rasuah kepada pihak berkuasa dalam situasi pada masa itu.
- g) Apa yang lebih penting ialah tunailah tuntutan agama “lakukan amalan kebaikan, cegah perkara mungkar” dalam kehidupan. Hidupkan roh keislaman dengan sentiasa mengingatkan kepada kebenaran dan kesabaran dalam menolak amalan jenayah rasuah tanpa mengira jumlah suapan rasuah terlibat atau tanpa diminta walaupun tiada pihak ketiga atau orang lain nampak perbuatan kita itu.
- h) Bertaubatlah sekiranya terlibat dengan amalan rasuah sebelum ajal tiba. Ingatlah bahawa kehidupan ini ibarat api lilin, pada bila-bila masa sahaja ianya akan terpadam.
- i) Laporkan kepada SPRM sekiranya kita ditawarkan suapan rasuah. Jika perbuatan itu diambil tindakan oleh pihak berkuasa, ianya akan menjadi pengajaran kepada mana-mana pihak yang berurusan dengan jabatan kita agar mematuhi undang-undang atau peraturan ditetapkan.

BAB 26

SUSAHKAH MENJADI PEKERJA BERINTEGRITI?

Kejayaan atau kecemerlangan seseorang penjawat awam diukur dengan sejauh manakah integriti di dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan serta kesempurnaan hasil kerja yang dilakukannya. Dalam Al-Quran menyebut bahawa:

Sesungguhnya orang yang paling baik yang engkau ambil sebagai pekerja ialah orang yang kuat dan dapat dipercayai (Surah Al-Qasas, Ayat 26).

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud;

Sesungguhnya Allah SWT suka apabila seseorang itu membuat satu perkara (pekerjaan) dia melakukannya dengan tekun (Hadis Riwayat al- Baihaqi).

Ada tiga (3) ciri utama untuk menjadi seorang penjawat awam berintegriti;

- a) Memiliki kekuatan fizikal dan akal termasuk ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemampuan dalam bidang tugas diamanahkan;

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- b) Memiliki sifat amanah, iaitu tidak terlibat dalam salah laku jenayah rasuah, penipuan, salah guna kuasa dan pelanggaran tata tertib. Membentuk sifat amanah mesti memiliki didikan rohani, iaitu bertakwa kepada Allah SWT. Seseorang yang memiliki sifat amanah tidak akan mengkhianati amanah yang diberikan majikan kepadanya.
- c) Cekap dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sempurna, tekun dan menepati masa ditetapkan.

Allah SWT memberi ganjaran pahala dan keberkatan hidup kepada setiap penjawat awam yang meletakkan integriti di dalam melaksanakan amanah. Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

Sesungguhnya Allah Taala mengasihi hamba-Nya berusaha berpenat lelah mencari rezeki yang halal (Hadis Riwayat Ad-Dailami).

Rasulullah SAW juga bersabda bermaksud;

Sebaik-baik kamu ialah orang yang tidak meninggalkan akhiratnya kerana dunianya dan tidak meninggalkan dunianya kerana akhiratnya serta tidak berpenat lelah kerana manusia (Hadis Riwayat Al-Khatib).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Apabila seseorang daripada kamu melihat kepada seseorang yang diberikan kelebihan pada harta dan fizikal, maka hendaklah dia melihat kepada seseorang yang lebih rendah (atau kurang) daripadanya (Hadis Riwayat Bukhari).

Pengajaran hadis di atas ialah Allah SWT telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian. Allah SWT juga memberikan kepada setiap hamba akan kelebihan dan kekurangan dalam sesuatu perkara sebagai ujian. Menerusi ujian tersebut Allah SWT akan menilai hakikat keimanan seseorang hamba, adakah dia benar-benar

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

bersyukur dengan kelebihan atau bersabar di atas kekurangan yang diberikan. Seringlah memandang orang yang lebih rendah atau kurang bernasib baik rezekinya daripada kita agar kita sentiasa bersyukur dengan apa yang kita miliki.

Sebagai penjawat awam, kita adalah modal insan yang sentiasa perlu dijana dan memerlukan setiap kerja dilakukan sentiasa berusaha untuk mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT dan bukan semata-mata ganjaran pendapatan bulanan sahaja.

Marilah sama-sama kita mengingatkan diri masing-masing bahawa setiap amalan dan pekerjaan dilakukan akan diperhitungkan tentang pahala dan dosa serta balasan syurga dan neraka. Perhitungan ini akan tetap datang kepada kita di Akhirat nanti walaupun sewaktu hidup tidak mahu dan tidak suka memikirkannya.

Tanda-tanda orang munafik ada tiga: jika berbicara dia berdusta, jika berjanji dia mengingkari, dan jika diberi amanah dia khianat

(Hadis Riwayat Al- Bukhari)

BAB 27

MENDIDIK JIWA: BIAR REZEKI SEDIKIT TETAPI HALAL

Sekiranya ditakdirkan kita memperolehi pekerjaan yang tidak sebaik yang kita harapkan atau berjawatan lebih rendah dari kelulusan atau kerja sudah bertahun-tahun lamanya tetapi tidak naik pangkat. Namun kita perlu terus berusaha sedaya mungkin untuk meningkatkan kerjaya kita, tambahkan usaha agar rezeki yang sedikit itu akan bertambah secara bertahap-tahap walaupun memakan masa panjang. Biar sedikit tetapi halal dan diberkati Allah SWT itulah lebih baik daripada banyak tetapi rezeki haram dan mudarat.

Justeru itu pada usia yang muda atau baru memasuki alam pekerjaan kita perlu mendidik jiwa kita agar biasakan diri dengan wang yang sedikit dan dari sumber yang halal. Apabila sudah memegang jawatan yang lebih tinggi nanti atau sudah berkeluarga dan mempunyai tanggungan ramai kita akan terbiasa dengan nilai-nilai amanah dan integriti tinggi dan ihsan terhadap orang lain.

Kita perlu ingat bahawa nilai-nilai kebaikan dan integriti tinggi dalam diri bukan satu kebetulan tetapi suatu kebiasaan atau amalan yang dihasilkan dari apa yang dipraktik sebelum ini. Begitu juga dengan amalan kejahatan atau perangai buruk suka mengambil suapan rasuah atau pecah amanah bukan kerana keterlanjuran tetapi satu kebiasaan yang telah lama berakar umbi.

Majikan yang beriman akan sentiasa mengingatkan pekerjaanya agar bekerja bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk mendapat gaji setiap bulan tetapi untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT di atas rezeki yang diterima. Oleh itu, dalam konteks pencarian rezeki yang halal, konsep membudayakan “Roh Qanaah” iaitu sentiasa puas dengan rezeki halal diperolehi walaupun sedikit atau sekadar cukup makan perlu ditanamkan di dalam jiwa setiap Muslim. Hadis riwayat Ibnu Majah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Wahai manusia, bertakwalah kepada Allah dan perbaiki dalam mencari harta dunia. Sesungguhnya manusia tidak akan puas sebelum rezekinya dipenuhi, walaupun rezeki itu terlambat datangnya. Takutilah kepada Allah dan perbaiki cara mencari rezeki. Ambillah rezeki yang halal menurut syariat dan tinggalkan yang haram.

Bagaimanapun kehidupan di dunia ini adalah sementara sahaja. Yang abadi itu adalah kehidupan Akhirat. Kita seharusnya memahami bahawa manusia hendaklah berlaku adil ke atas dirinya dalam kehidupan duniawi. Jika tidak, kehidupan duniawi pasti bertukar menjadi fitnah dan penipuan yang merugikan manusia sendiri. Imam Abu Nu`aim meriwayatkan daripada Sayidina Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

Sesiapa yang mencari rezeki halal di dunia untuk menghindarkan dirinya dari mengemis (meminta-minta), untuk mencukupkan keperluan keluarganya dan untuk berbuat baik terhadap jirannya, Allah akan membangkitkannya di hari kiamat dengan wajah seperti bulan purnama. Sesiapa yang mencari rezeki halal di dunia untuk membanyakkan harta semata-mata, untuk berbangga-bangga dan untuk menunjuk-nunjuk (riya`), dia akan menemui Allah di hari Kiamat dalam keadaan Dia murka kepadanya.

Berasaskan hadis tersebut dapatlah dirumuskan bahawa walaupun kita mengumpulkan kekayaan harta dari rezeki yang halal sekadar niat memperbanyakkan harta tanpa untuk kemaslahatan umum seperti berzakat, bersedekah atau infak pun Allah SWT murka, apatah lagi sekiranya kita mengumpulkan harta dari sumber rezeki yang haram seperti mengambil hasil suapan rasuah. Oleh itu, sentiasalah perbaiki niat dan perbuatan kita, agar segala usaha dan titik peluh kita diberkati dan diredhai Allah SWT. Carilah rezeki yang halal dengan niat kerana Allah SWT semata-mata.

Apabila seseorang Muslim itu dapat memahami dengan mendalam tujuan hidup duniawi, dia dapat melaksanakan etika pencarian dan pemilikan harta mengikut kehendak Islam. Harta dalam Islam adalah suatu amanah Ilahi. Harta itu pada hakikatnya adalah milik Allah SWT, bukan milik manusia. Manusia hanya pemegang amanahnya sahaja. Harta adalah milik Allah SWT dan masyarakat juga mempunyai saham yang besar didalamnya. Justeru itu Islam mewajibkan pembayaran zakat.

Harta juga boleh bertukar menjadi suatu fitnah. Itu sebabnya Al-Quran mengingatkan para penganutnya supaya jangan lalai dalam hidup di dunia ini kerana mengejar harta sehingga lupa kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 28 yang bermaksud:

Dan ketahuilah bahawa harta dan anak-anakmu hanyalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allah pahala yang besar.

Setiap individu Muslim perlu menyedari bahawa rezeki itu sudah ditentukan oleh Allah SWT. Dialah yang memberikan dan menentukan had rezeki manusia sesuai dengan iradahnya. Sebagai hambanya, kita hanya berusaha atau berikhtiar untuk mendapatkan rezeki dengan sebaik mungkin.

Maka setiap Muslim seharusnya berbaik sangka dan yakin terhadap kemurahan Tuhannya. Semuanya sudah diaturkan sedemikian rupa oleh Allah SWT, janganlah memaksakan diri dengan melanggar

segala peraturan yang telah ditetapkan. Allah SWT berfirman dalam Surah Asy-Syura, ayat 27 yang bermaksud:

Dan apabila Allah melapangkan rezeki kepada hamba-hambaNya tentulah mereka melampaui batas di muka bumi tetapi Allah menurunkan apa yang dikehendakinya dengan ukuran. Sesungguhnya Allah mengetahui keadaan hamba-hambaNya lagi maha Melihat.

Ayat tersebut memberi contoh kepada kita bahawa belum tentu harta yang melimpah itu memberi kesenangan dalam hidup. Realitinya menunjukkan bahawa semakin banyak harta seseorang itu semakin kedekut dan tamakkan harta. Sebenarnya tidak selalu betul persepsi masyarakat yang mengatakan wang adalah segala-galanya atau wang mencerminkan kekayaan seseorang itu.

Sebaliknya ramai dalam kalangan orang yang kaya harta benda tetapi masih berkeinginan dan tamak untuk memiliki harta orang lain dengan berbuat salah seperti merasuahkan penjawat awam untuk mendapatkan kontrak atau tender yang lebih besar nilainya. Dia tidak merasa puas dengan kekayaan yang telah dia milikinya.

Hakikat sebenar kekayaan yang dimiliki oleh seseorang ialah orang yang merasa cukup dan puas hati dengan apa yang ada ditangannya, kemudian bersyukur kepada Allah di atas kurnia yang diberikan kepadanya.

Rasulullah SAW bersabda sebagaimana diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

Orang kaya bukanlah orang yang banyak hartanya, akan tetapi hakikat orang kaya adalah orang yang kaya hatinya

Mengambil berat soal sumber rezeki dituntut oleh syariat. Kita perlu melihatnya secara tersirat. Harta atau rezeki yang diperolehi secara halal akan mempengaruhi segala aspek kehidupan diri dan keluarga kita. Rezeki yang haram atau tidak halal sama ada cara memperolehi atau cara mememanfaatkannya akan mempengaruhi kehidupan

seseorang itu atau sekiranya harta itu digunakan untuk keperluan makan, pakaian atau tempat tinggal keluarga akan mempengaruhi pembentukan keperibadian ke arah yang buruk atau mendorong kepada kemaksiatan di samping Allah SWT tidak menerima amalan seseorang itu sekiranya rezeki yang diperolehi dari sumber haram.

Perlakuan seseorang anak pada kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor dan peranan ibu bapa, guru-guru, corak pendidikan yang diberikan, persekitaran dan sumber rezeki yang digunakan untuk membesarkannya. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 168 yang bermaksud;

Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Sumber rezeki beri kesan kepada keimanan

Rasulullah SAW telah menguatkan lagi hakikat bahawa sumber rezeki memberi kesan kepada iman kita atau perilaku anak-anak yang memakan makanan dari sumber rezeki yang haram. Hadis diriwayatkan oleh At-Tabrani, Rasulullah SAW bersabda bermaksud;

Sesungguhnya daging yang tumbuh dari perkara yang haram, maka nerakalah yang lebih utama untuknya”.

Sejarah membuktikan hakikat larangan ini telah menjadi ikutan kepada para sahabat Rasulullah SAW kerana takut sumber rezeki yang haram atau subahah walaupun sedikit akan memberi kesan besar terhadap ibadat dan dosa yang dipikul nanti. Sayidina Abu Bakar pernah memuntahkan semula susu yang diminumnya apabila mengetahui sumber wang untuk membeli susu itu dari hasil kerja bertenung nasib. Khalifah Umar Ibnu Aziz mengorek semula epal sedekah untuk rakyatnya yang sedang dikunyah oleh anaknya apabila mengetahui anaknya terambil sebiji buah epal untuk orang miskin dan memakan buah tersebut.

Hal ini amat berbeza dengan situasi hari ini. Salah satu sebab kenapa ramai dalam kalangan penjawat awam dan swasta terlibat dengan

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

jenayah rasuah adalah suka hidup bermewah-mewah atau menyelenggara hidup di luar kemampuan pendapatan diterima setiap bulan. Kata orang “biar hidup papa asalkan biar bergaya”.

Ramai dalam kalangan mereka yang berjawatan tinggi masih merasakan tidak cukup wang. Mereka bukan tidak memiliki keperluan hidup seperti kereta, rumah dan kelengkapan lainnya sebaliknya kerana rasa tamak haloba untuk memiliki lebih dari itu seperti memiliki hartanah, melancong luar negara atau membeli sesuatu barang atau benda yang dia inginkan tanpa halangan.

Begitu juga golongan berpendapatan rendah, ada dalam kalangan mereka tidak mengukur baju di badan sendiri dalam soal perbelanjaan. Ada dalam kalangan mereka mahu hidup bergaya seperti pegawai berjawatan tinggi dalam soal berpakaian, membeli rumah dan kelengkapan rumah.

**Dunia ini ibarat ular. Lembut sentuhannya, tetapi amat
berbisa. Tidak semua yang kita inginkan akan kita
kecapi kerana Allah SWT tidak berikan apa yang kita
mahu. Sebaliknya Allah SWT akan berikan apa yang
kita perlu**

(Pesanan Imam Al- Ghazali)

BAB 28

PATUHI SYARIAT DALAM TUGAS DIAMANAHKAN

Konsep pematuhan kepada syariat berasaskan keimanan kepada Allah SWT dapat mendidik jiwa kita agar memastikan sumber rezeki diterima benar-benar dari sumber halal walaupun sedikit. Orang yang beriman akan memandang serius perbuatan jenayah rasuah, tidak hadir bertugas, ponteng kerja, curi harta pejabat atau syarikat walaupun sekecil pensil atau sekeping kertas dan pelbagai-bagai lagi mencuri semasa menjalankan kerja sama di sektor awam atau swasta.

Orang beriman tidak akan melakukan kerja peribadi MLM (*multi level marketing*) atau berniaga kosmetik dalam waktu pejabat. Seorang ketua jabatan kerajaan yang beriman kepada Allah SWT tidak akan menerima suapan rasuah daripada kontraktor yang berurusan dengannya untuk mendapatkan projek. Seorang anggota penguat kuasa undang-undang yang beriman kepada Allah SWT tidak akan menerima suapan rasuah daripada tauke judi, penyeludup atau pengedar dadah semata-mata untuk tidak mengambil tindakan undang-undang kerana terlibat dengan kegiatan haram.

Seorang jurutera yang beriman dan berpegang teguh kepada syariat yang bekerja menggunakan ilmu dan kepakarannya menyelia

pembinaan bangunan awam dan tidak akan menerima suapan rasuah daripada kontraktor semata-mata bersekongkol dengan mereka yang membina bangunan awam tidak mengikut spesifikasi ditetapkan dalam pelan bangunan yang boleh membahayakan struktur bangunan itu. Pada akhirnya bangunan itu dapat disiapkan dengan jayanya, beliau bukan sahaja mendapat gaji yang halal tetapi ganjaran pahala di sisi Allah SWT di atas pekerjaannya itu.

Sebagai hamba Allah SWT, kita hendaklah sentiasa berdoa dan bertawakal serta bersangka baik kepadaNya. Kita hendaklah sentiasa berdoa agar setiap pekerjaan dan rezeki yang kita terima hasil pekerjaan kita sentiasa di berkati Allah SWT dan sentiasa memohon kepada Allah SWT agar kita diberi kekuatan dan hidayah agar dijauhi dari sumber rezeki haram dan subahat. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Mu'min, Ayat 60 yang bermaksud;

Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepadaKu, nescaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembahKu akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina dina".

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 186 yang bermaksud;

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahwasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepadaKu, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintahKu) dan hendaklah mereka beriman kepadaKu, agar mereka selalu berada dalam kebenaran (Surah al-Baqarah, ayat 186).

Marilah kita sama-sama meletakkan harapan dan berdoalah kepada Allah SWT semoga kita dijauhi dari melakukan perbuatan jenayah rasuah sepanjang kita melaksanakan tugas yang diamanahkan. Apabila kita mengharapkan perjalanan hidup kita agar sentiasa di dalam perlindunganNya dan keredhaanNya, maka berusaha

bersungguh-sungguh tanpa ada rasa putus asa dan yakinlah dengan janjiNya.

Kesimpulannya, seorang yang berintegriti akan berjaya menewaskan hasutan syaitan atau hawa nafsu melalui pegangan agama kukuh yang sentiasa istiqamah dalam jiwanya selagi dia memegang amanah. Jadilah seorang pekerja yang meletakkan budaya kerja cemerlang dalam setiap kehidupannya agar selamat di dunia dan akhirat, semoga mendapat ganjaran pahala dan diberkati hidup mendapat keredhaan Allah SWT setiap masa.

**Jawatan itu adalah sebuah amanah, tanggungjawab.
Di hari kiamat dia akan menjadi beban dan penyesalan
kecuali jika ditangani oleh yang berhak, tangan-tangan
berwibawa serta orang yang bertanggungjawab
(amanah)**

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

BAB 29

KEJARLAH HARTA AKHIRAT

Untung nasib seseorang penjawat awam atau swasta pada hari Akhirat kelak adalah bergantung kepada “pelaburan” yang dilakukan di dunia terutamanya sewaktu dia menjawat sesuatu jawatan yang diamanahkan sejak berpuluh-puluh tahun lamanya sehingga dia pencen atau menamatkan perkhidmatan atau ketika dia hidup di bumi ini. Dosa dan pahala yang telah dia lakukan semasa hayatnya di dunia akan dihitung di Akhirat kelak bagi menentukan “ganjaran untung atau rugi” yang akan dia terima hasil pelaburannya itu.

Kedua-dua dosa dan pahala akan ditimbang menggunakan *Mizan*, iaitu neraca timbangan yang disediakan oleh Allah SWT bagi menimbang dosa dan pahala yang dia perolehi semasa hayatnya. Allah SWT maha adil dan Allah SWT akan menentukan untung nasib seseorang hambaNya yang akan diterima di akhirat kelak. Mizan atau timbangan yang dijanjikan Allah SWT di akhirat kelak adalah untuk melaksanakan prinsip keadilan mahkamah Akhirat.

Oleh yang demikian, semasa hidup di dunia inilah kita perlu memperbanyakkan “pelaburan” yang boleh mendatangkan keuntungan pahala di akhirat nanti melalui amalan soleh seperti solat, berzakat, menderma atau mencari rezeki yang halal.

Sebaliknya tidak menambah dosa di akhirat dengan melakukan perbuatan jenayah rasuah, pecah amanah, mencuri atau amalan bertentangan dengan syarak dan akidah.

Mampukah kita menahan pedih azab neraka ini? Sedangkan semasa di dunia ini, jika terkena api sedikit pun tidak tertahan rasa sakitnya. Apatah lagi jika dicampak dan dibakar ke dalam api neraka yang amat pedih azabnya.

Ikhlas hati dalam melaksanakan tugas diamanahkan dan pastikan rezeki diperolehi tidak bercampur dengan rezeki haram dengan melakukan jenayah rasuah atau perbuatan yang bertentangan dengan agama. Amal ibadah dan kebajikan yang banyak dilakukan di dunia ini, tidak semestinya berat timbangan di akhirat kelak. Hal ini kerana amal yang mempunyai nilai di sisi Allah SWT ialah amal yang ikhlas kerana Allah SWT.

Allah SWT berfirman dalam Surah At-Talaq, ayat 2-3 yang bermaksud;

Sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangka. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan keperluannya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusanNya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.

Ingatlah bahawa kehidupan manusia di dunia ini adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Hal ini kerana sebagai pencipta, Allah SWT menjadikan manusia bukan sekadar dilepas bebas untuk melakukan apa sahaja yang dia suka tanpa mengira dosa dalam mencari rezeki dalam kehidupan sehariannya.

Manusia perlu mengikut garis panduan atau peraturan ditetapkan. Peraturan inilah yang akan menentukan batas-batas di antara halal dan haram, di antara kebaikan dan kejahatan serta di antara dosa

dan pahala dalam kehidupan manusia. Allah SWT telah memberi garis panduan amat jelas dalam Al-Quran dan diperjelaskan oleh hadis Rasulullah SAW melalui petunjuk agama. Maka ketetapan agama inilah yang akan memandu manusia dalam mencari kehidupan sehinggalah dia mati. Manusia harus sedar peraturan ditetapkan oleh Allah SWT bukan untuk menyusah kehidupan manusia, sebaliknya memandu manusia ke arah kebaikan dan kemakmuran hidup di dunia dan di akhirat.

**Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak beramanah
dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak
menepati janji**

(Hadis Riwayat Ibnu Muslim dan Al-Bukhari)

BAB 30

INTEGRITI DALAM KAWAL SELIA KE ATAS PEGAWAI BAWAHAN

Sebagai ketua jabatan di FELDA sama ada di peringkat jabatan, wilayah atau rancangan. Adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan untuk sentiasa memberi peringatan dan menguatkuasakan kawal selia dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya. Persoalannya, ada dalam kalangan ketua jabatan lemah atau gagal mengawal selia, memantau dan memastikan pegawai bawahan masing-masing mematuhi sistem dan prosedur kerja dan peraturan jabatan atau agensi yang berkuat kuasa serta tidak bertegas mengambil tindakan ke atas pegawai bermasalah.

Perlu dijelaskan bahawa mengikut Seksyen 4 (Tafsiran), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 maksud **Ketua Jabatan** ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian, unit atau cawangan sesuatu badan berkanun, dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa. Dalam konteks FELDA, ketua jabatan termasuklah pengarah jabatan, pengarah FELDA wilayah dan pengurus FELDA rancangan.

Manakala Seksyen 4, Akta tersebut memperjelaskan maksud **Pegawai** ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolumen oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya kerajaan persekutuan atau kerajaan mana-mana negeri mempunyai kepentingan.

Mengikut **Peraturan 21(1), Bahagian II, Seksyen 5, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000** pula menyatakan “Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan”.

Manakala **Peraturan 21(2), Bahagian II, Seksyen 5, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000** bermaksud “Seseorang **pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib** ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini hendaklah **disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.**

Sehubungan dengan itu, semua petugas yang ditugaskan sebagai ketua jabatan adalah bertanggungjawab di bawah **Peraturan 21(1)** Akta ini, mengawal selia dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahan masing-masing. Sekiranya pegawai itu disyaki melakukan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib hendaklah secepat mungkin melaporkan kepada Jabatan Integriti FELDA.

Perlu diingatkan bahawa **integriti seseorang ketua jabatan sudah pasti akan dipertikaikan dan diperlekehkan oleh pegawai bawahannya** jika mereka tidak bertegas dan bersungguh-sungguh dalam mematuhi dan menguat kuasa peraturan itu. Sehubungan dengan itu, semua ketua jabatan perlu memandang serius bahawa mereka tidak boleh melepaskan diri dari tanggungjawab ini dan meletakkan tugas ini kepada pegawai bawahan tertentu sahaja untuk menjalankan tugas kawalan dalaman ini.

Perlu diingatkan bahawa, janganlah kita tergolong dalam kalangan petugas FELDA yang suka berangan-angan atau melobi pihak pengurusan atasan FELDA, semata-mata berkehendakkan suatu jawatan sebagai ketua jabatan semata-mata untuk naik pangkat dan naik gaji atau untuk mendapat pujian oleh petugas lain, kalau kita tidak mampu atau tidak sanggup memikul tanggungjawab yang akan diamanahkan bersama-sama dengan jawatan tersebut. Ingatlah setiap jawatan yang diamanahkan kepada kita akan dihisab dan dihitung di Akhirat nanti.

Apabila seseorang daripada kamu melihat kepada seseorang yang diberikan kelebihan pada harta dan fizikal, maka hendaklah dia melihat kepada seseorang yang lebih rendah atau kurang daripadanya

(Hadis Riwayat Bukhari)

BAB 31

MENANGANI KES PELANGGARAN TATATERTIB: KETIDAKHADIRAN BERTUGAS

Isu yang sering menjadi polemik dan duri dalam daging kepada perkhidmatan awam termasuk FELDA ialah kes-kes ketidakhadiran bertugas tanpa cuti termasuk ponteng kerja dan meminda sijil sakit atau mengemukakan sijil sakit palsu. Isu ini adalah merupakan satu tanggungjawab penting ketua jabatan yang sering dipandang remeh dan diabaikan di dalam mengawal selia kehadiran bertugas oleh pegawai bawahan masing-masing.

Isu Ketidakhadiran Tugas Sering Gagal Dikawal Selia Ketua Jabatan Ramai dalam kalangan ketua jabatan tidak mengambil tindakan sewajarnya dengan melaporkan kepada Urus Setia Tatatertib ke atas pegawai bawahan yang melanggar tatatertib. Mereka juga tidak mengambil berat atau lepas tangan untuk memastikan pematuhan Surat Pekeliling Am Bilangan 11 Tahun 1981 berkaitan Sistem Penggunaan Perakam Waktu dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di agensi kerajaan persekutuan.

Antara kesalahan dikenal pasti di atas kegagalan Ketua Jabatan ialah tiada penyeliaan dibuat ke atas petugas yang gagal mengetip Kad Perakam Waktu masa datang atau balik kerja, tiada laporan bulanan disediakan, membiarkan pegawai memegang kad perakam waktu, tidak memberi surat tunjuk sebab kepada pegawai yang datang lewat atau tidak mengetip kad perakam waktu lebih tiga kali sebulan, membiarkan kad perakam waktu tidak bertandatangan oleh pegawai atasan bagi kes kelewatan, tidak ketip kad perakam waktu atau meminta pegawai lain mengetip kad perakam waktu dan tidak menukarkan kad perakam waktu kepada warna hijau atau merah setelah pegawai melakukan pelanggaran peraturan tersebut.

Ada Empat Jenis Kes Ketidakhadiran Bertugas

Mengikut Peraturan 22, Bahagian III, Seksyen 5, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, maksud “tidak hadir” seseorang petugas itu termasuk tidak hadir bagi apa-apa tempoh masa dan di tempat petugas itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

Ada empat jenis kes ketidakhadiran bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau sebab yang munasabah yang boleh diambil tindakan tatatertib di bawah iaitu;

1) Tidak Hadir Bertugas Dan Dapat Dikesan

Pegawai tidak hadir sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja atau lebih secara berturut-turut atau berselang-seli. Sekiranya laporan seperti di atas diterima dan pegawai dapat dikesan, ketua jabatan hendaklah bertindak seperti berikut:

- a) Mendapatkan penjelasan secara bertulis daripada pegawai berkaitan berkaitan ketidakhadiran bertugas pada tarikh berkenaan;
- b) Menimbang penjelasan yang dikemukakan oleh pegawai;
- c) Mengarahkan pegawai memohon cuti rehat jika penjelasan

pegawai diterima dengan asas-asas yang kukuh dan disokong oleh keterangan berkaitan (contoh: surat kematian saudara terdekat, surat pengesahan atau laporan polis), kecuali jika pegawai mempunyai Sijil Cuti Sakit;

- d) Melaporkan kepada Urus Setia Tatatertib, Jabatan Integriti FELDA untuk memulakan prosiding tatatertib jika ketua jabatan tidak berpuashati dengan penjelasan pegawai; dan
- e) Melaporkan kepada Unit Gaji, Jabatan Pengurusan Modal Insan FELDA untuk pemotongan gaji bagi hari-hari yang tidak hadir bertugas jika tidak berpuashati dengan penjelasan pegawai.

2) Tidak Hadir Bertugas 7 Hari Bekerja Berturut-Turut Dan Tidak Dapat Dikesan

Petugas tidak hadir bertugas 7 hari bekerja berturut-turut dan usaha-usaha sewajarnya untuk mencari serta mengesan pegawai telah dilakukan tetapi masih gagal. Ketua jabatan hendaklah mengambil langkah berikut;

- a) Mengeluarkan surat arahan kembali bertugas melalui Surat Berdaftar Akuan Terima (*A.R. Register*) atau serahan tangan kepada pegawai di alamat akhir diketahui dan ada dalam rekod perkhidmatan;
- b) Ketua jabatan perlu menyediakan dokumen yang berkaitan dan melaporkan segera kepada Urus Setia Tatatertib, Jabatan Integriti;
- c) Ketua jabatan juga perlu memaklumkan ketidakhadiran pegawai kepada Unit Gaji, Jabatan Pengurusan Modal Insan untuk potong gaji bagi tarikh yang pegawai itu tidak hadir.
- d) Urus Setia Tatatertib, Jabatan Integriti akan menyiarkan notis dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar berbahasa kebangsaan dan mempunyai edaran seluruh negara

sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib FELDA. Notis tersebut hendaklah mengandungi fakta ketidakhadiran pegawai dan arahan kembali bertugas dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyiaran, dan;

- e) Mewartakan pembuangan kerja pegawai mulai dari tarikh pegawai tidak hadir bertugas, jika pegawai tidak hadir selepas tempoh 7 hari dalam notis.

3) Meminda Sijil Cuti Sakit Atau Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu

Petugas yang sakit dan setelah diperakukan oleh Pegawai Perubatan kerajaan atau swasta sahaja akan diberikan Sijil Sakit bagi tempoh tertentu. Sijil berkenaan boleh melayakkan pegawai mendapat kemudahan cuti sakit setelah dikemukakan kepada Ketua Jabatan. Jika terdapat mana- mana pegawai yang didapati mengemukakan sijil cuti sakit palsu atau meminda sijil cuti sakit berkenaan, tindakan boleh diambil sehingga hukuman buang kerja. Hal ini seperti dijelaskan dalam Surat Pekeliling JPA. (S)TT 343 Jld.2 (67) bertarikh 26 Mac 2010.

Sehubungan dengan itu, jika ketua jabatan meragui dan mengesyaki kesahihan Sijil Cuti Sakit swasta atau kerajaan yang dikemukakan oleh pegawai itu. Ketua jabatan perlu menyasiat dan melaporkan kepada Urus Setia Tatatertib jika didapati berlaku pelanggaran dengan menyertakan dokumen berkaitan. Tindakan seperti berikut:

- a) Menyasiat kesahihan Sijil Cuti Sakit pegawai.
- b) Dalam kes pemalsuan atau pindaan sijil cuti sakit, ketua jabatan membuat laporan kepada Unit Gaji, Jabatan Modal Insan untuk pemotongan gaji, dan Urus Setia Tatatertib Jabatan Integriti untuk tindakan tatatertib.
- c) Membuat laporan polis jika didapati wujud unsur-unsur pemalsuan sijil cuti sakit oleh sindiket.

4) Tidak Hadir Pada Masa Dan Tempat Yang Ditetapkan (Ponteng Kerja)

Petugas tidak hadir atau tidak berada pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan atau di arahkan dari semasa ke semasa atau ponteng kerja. Ketua Jabatan perlu memantau pegawai dan melaporkan ke Urus Setia Tatatertib, Jabatan Integriti FELDA.

Tindakan Ketua Jabatan seperti adalah berikut:

- a) Memantau kehadiran pegawai melalui pemerhatian, buku log atau CCTV atau apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai.
- a) Mendapatkan penjelasan berhubung ketidakhadiran daripada pegawai (ponteng kerja) secara bertulis.
- b) Melaporkan kepada Urus Setia Tatatertib, Jabatan Integriti FELDA untuk memulakan prosiding tatatertib jika tidak berpuas hati dengan penjelasan tersebut.

Setiap orang yang melakukan dosa hendaklah berwudhu' dengan sempurna. Kemudian mengerjakan solat (taubat) dua rakaat. Kemudian, memohon keampunan (beristighfar) daripada Allah, nescaya Allah akan mengampunkan dosanya

(Hadis Riwayat Abu Dawud dan At-Tirmidzi)

BAB 32

KEWAJIPAN PETUGAS FELDA DALAM MENJALANKAN TUGAS

Peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) telah mengikat semua penjawat awam termasuk petugas FELDA selagi mereka berkhidmat dalam agensi tersebut. Akta tersebut bertujuan untuk mengawal peraturan penjawat awam supaya tidak melanggar peraturan ditetapkan sepanjang menjalankan tugas rasmi.

Mengikut Peraturan 3(2), Bahagian II, Seksyen 5, Akta 605 tersebut seseorang pegawai tidak boleh;

- (a) Membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
- (b) Berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
- (c) Berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa;
 - i) Dia telah membiarkan kepentingan peribadinya itu, bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau

- ii) Dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri;
- (d) Berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;
- (e) Kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) Tidak bertanggungjawab;
- (g) Membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun;
- (h) Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- (i) Cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Oleh itu, sebarang pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta 605 itu, boleh diambil tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja. Di antara bentuk kesalahan lazim selain kesalahan ketidakhadiran bertugas tanpa cuti yang sering dilakukan oleh penjawat awam seperti berikut;

Pekerjaan luar

Peraturan 4(1), Bahagian II, Seksyen 5, Akta 605. Seseorang pegawai tidak boleh;

- (a) mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam pengurusan atau urusan apa-apa pengusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- (b) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;
- (c) sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah.

Walau bagaimanapun, kebenaran ketua jabatan perlu diperolehi jika; a) tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki melaksanakan tugas rasminya; (b) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun; dan (c) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan badan berkanun, atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun.

Salah Guna Dadah

Peraturan 6(1) Bahagian II, Seksyen 5, Akta 605. Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan untuk kegunaannya bagi maksud perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50], atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa jenis dadah berbahaya.

Penerimaan Hadiah

Peraturan 7(1), Bahagian II, Seksyen 5, Akta 605. Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, dalam menjalankan tugas rasminya. Akta 605 itu perlu dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 berkaitan larangan menerima hadiah.

Pemunyaan Harta

Peraturan 9(1), Bahagian II, Seksyen 5, Akta 605. Seseorang pegawai hendaklah, apabila dilantik ke perkhidmatan sesuatu badan

berkanun atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga, mengisytiharkan segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya kepada jabatannya.

Menyenggara Kehidupan Yang Melebihi Emolumen Dan Pendapatan Persendirian Yang Sah

Peraturan 10(1) Bahagian II, Seksyen 5, Akta 605. Jika Ketua Jabatan berpendapat bahawa seseorang pegawai didapati;

- a) menyenggara suatu taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendiriannya yang lain yang sah, jika ada; atau
- b) mengawal atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang nilainya tidak seimbang dengan, atau yang tidak boleh semunasabahnya dijangka telah diperolehi oleh pegawai itu dengan emolumennya dan apa-apa pendapatan persendiriannya yang lain yang sah.

Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja yang terpakai dalam agensi badan berkanun, penjawat awam dilarang melakukan gangguan seksual iaitu:

- a) cubaan merapati atau meminta layanan seksual; atau
- b) melakukan perbuatan bersifat seksual menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

Bentuk perbuatan bersifat seksual ialah; a) secara lisan, bertulis dan lain-lain b) tidak terhad di tempat kerja atau waktu kerja selagi mencemarkan imej Perkhidmatan Awam.

Selain daripada bentuk-bentuk kesalahan yang disebut itu, ada pelbagai bentuk kesalahan lain yang tidak boleh dilakukan oleh semua penjawat awam seperti termaktub di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh FELDA dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Apa yang pasti, sekiranya mana-mana petugas FELDA yang melakukan pelanggaran tata tertib boleh diambil tindakan tata tertib oleh Jawatankuasa Tata tertib FELDA sehingga boleh dibuang kerja.

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)

(Surah Al-Maidah, Ayat 2)

BAB 33

MENGURUS PETUGAS FELDA BERMASALAH DAN BERPRESTASI RENDAH

Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk memperbaiki tata tertib pegawai bermasalah berdasarkan Perenggan 9.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 1998 - Garis Panduan Mengurus Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai Bermasalah sebagaimana digariskan seperti berikut:

1) Tindakan Dalam Bentuk Pembetulan dan Pembaikan

a) **Perbincangan Atau Perundingan**

Ketua jabatan atau pegawai yang diberi tanggungjawab hendaklah memanggil pegawai berkenaan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi. Perbincangan ini lebih kepada mengenal pasti masalah dan penekanan kepada objektif dan kepentingan kepada jabatan serta perkhidmatan awam keseluruhannya. Perbincangan ini hendaklah dijalankan dalam keadaan tidak formal. Matlamatnya ialah untuk mengetahui punca masalah dan memberi peluang pegawai itu memberi keterangan yang sebenar.

Dalam perbincangan, kedua-dua pihak hendaklah saling faham memahami dan elakkan daripada menyentuh soal peribadi; jangan wujud perasaan benci, marah atau menyindir; elakkan pertengkaran atau provokasi; dan hendaklah dalam suasana 'informal'.

b) **Amaran Lisan**

Sekiranya langkah-langkah di atas telah dijalankan dan ketua jabatan masih mendapati pegawai tidak memperbaiki prestasi atau masalahnya maka amaran secara lisan wajarlah diberi kepada pegawai berkenaan. Amaran lisan ini juga masih bertujuan untuk memberi peluang kepada kakitangan tersebut untuk memperbaiki permasalahan yang dihadapinya itu. Amaran lisan ini perlu direkodkan di dalam fail personal. Ia hendaklah menyatakan tujuan, tarikh dan hasil perbincangan. Amaran lisan sewajarnya diberi sekali sahaja.

c) **Amaran Bertulis Secara Pentadbiran**

Amaran bertulis secara pentadbiran adalah langkah kedua selepas amaran lisan. Amaran bertulis dikeluarkan setelah amaran lisan tidak berkesan dan diambil perhatian oleh pegawai. Ada juga kes memerlukan amaran bertulis ini dikeluarkan tanpa perlu amaran lisan seperti kes pergaduhan sesama petugas atau orang awam, datang lewat, ponteng kerja atau cuai memandu kenderaan jabatan.

Amaran bertulis hendaklah mengandungi; kenyataan mengenai permasalahan; peruntukan mana-mana peraturan atau undang-undang yang dilanggar, jika berkaitan; akibat permasalahan kepada jabatan atau perkhidmatan awam; penekanan tanggungjawab kakitangan dalam membetulkan perlakuan; dan kenyataan berkaitan tindakan seterusnya yang akan diambil. Dengan erti kata yang lain kandungan amaran bertulis itu, mestilah jelas dan terang, ringkas dan tepat, bukan berbentuk hukuman tetapi lebih kepada memperbaiki permasalahan.

Amaran bertulis masih lagi bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai memperbaiki kelemahan dan permasalahan yang dihadapi tanpa perlu unsur hukuman. Amaran bertulis itu hendaklah diberikan kepada petugas dan satu salinan dimasukkan dalam fail personal. Kakitangan hendaklah menandatangani surat akuan terima. Amaran bertulis ini sewajarnya diberi sekali sahaja. Amaran lisan atau amaran bertulis di atas bukan suatu hukuman tatatertib.

Di samping tindakan-tindakan di atas, Ketua Jabatan juga boleh mengambil tindakan-tindakan berikut; menukar pegawai kepada suasana kerja dan tanggungjawab yang baru; atau menghantar pegawai mengikuti kursus-kursus yang sesuai dan berkaitan dengan aspek permasalahan yang dihadapi seperti aspek motivasi, keagamaan dan sebagainya.

2) Tindakan Lain Secara Pentadbiran

Dalam menguruskan pegawai-pegawai berprestasi rendah dan petugas bermasalah, Ketua Jabatan hendaklah dapat mengenal pasti dari awal permasalahan yang dihadapi oleh petugas berkenaan. Dalam hal ini, tindakan dalam bentuk pembetulan dan pembaikan tidak semestinya diikuti sehingga selesai. Tindakan lain secara pentadbiran juga boleh dilakukan seperti berikut:

a) Merujuk Pegawai Ke Lembaga Perubatan

Kadangkala permasalahan yang dihadapi oleh seseorang petugas melibatkan masalah kesihatan mental atau fizikal. Sekiranya permasalahan petugas melibatkan kesihatan maka Ketua Jabatan hendaklah merujuk petugas tersebut kepada Lembaga Perubatan, bagi membolehkan petugas terlibat dibersarakan atas sebab kesihatan. Prosedur mengenai urusan membersarakan seseorang petugas di dalam perkhidmatan awam atas sebab kesihatan adalah diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1995.

b) **Merujuk Pegawai Kepada Perkhidmatan Kaunseling**

Kadangkala permasalahan yang dihadapi oleh seseorang petugas itu memerlukan rujukan kepada perkhidmatan kaunseling. Kriteria-kriteria petugas yang boleh diberikan perkhidmatan kaunseling adalah:

- individu yang normal tetapi mempunyai masalah seharian yang tidak dapat diselesaikan kerana tekanan emosi, kebuntuan fikiran dan sebagainya.
- Individu yang menghadapi masalah personaliti dan emosi yang sederhana.
- Individu yang tidak dapat membuat keputusan atau tidak mempunyai arah atau matlamat hidup yang jelas.
- individu yang mempunyai nilai penghargaan sendiri yang rendah (*low self-esteem*) serta tidak dapat menghargai potensi diri yang ada.
- Individu yang bersedia bekerjasama untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

Ketua Jabatan hendaklah merujuk kes petugas seperti ini kepada Unit Perkhidmatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam atau Perkhidmatan Psikologi di jabatan masing-masing.

c) **Merujuk Pegawai Kepada Psikiatrik Atau Hospital**

Kadangkala permasalahan yang dihadapi oleh seseorang petugas itu memerlukan rujukan kepada pakar psikiatrik. Kriteria-kriteria dan simptom seseorang petugas itu perlu dirujuk ke psikiatrik atau hospital adalah seperti gangguan mental (*mental disorders*), tingkah laku ganas (*violent*), sering bercakap bersendirian atau menunjukkan emosi yang tidak dapat diramal atau berubah-ubah. Pegawai yang dirujuk kepada psikiatrik juga boleh dibersarakan atas sebab kesihatan.

3) Tindakan Dalam Bentuk Hukuman

Tindakan dalam bentuk hukuman perlulah diambil apabila tindakan-tindakan dari segi pembetulan dan pembaikan tidak memberi kesan dan tidak dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh pegawai atau pelanggaran tata tertib yang memerlukan tindakan tata tertib diambil tanpa perlu dikeluarkan surat amaran bertulis atau amaran lisan seperti kes jenayah rasuah, salah guna dadah, dan ketidakhadiran bertugas tanpa cuti. Tindakan dalam bentuk hukuman boleh diambil seperti berikut:

a) Melaporkan kepada Urus Setia Tata tertib, Jabatan Integriti FELDA sekiranya ada bukti petugas tersebut telah melanggar tata tertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) 2000 yang membawa kepada perbuatan seperti berikut;

- Mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- Kurang cekap atau kurang berusaha;
- Tidak bertanggungjawab;
- Tidak jujur atau tidak amanah;
- Ingkar perintah; atau
- cuai.

b) Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015- Pelaksanaan Dasar Pemisah (*exit policy*) bagi Pegawai Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 19 November 2015, menyatakan pegawai berprestasi rendah bermaksud markah LNPT diperolehi kurang daripada 60% dan pihak ketua jabatan telah berpuas hati melalui jawatankuasa ditubuhkan dan melaksanakan mengikut prosedur ditetapkan. Pegawai itu boleh diperakukan untuk ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam di bawah Seksyen 9, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) 2000. Pekeliling ini terpakai kepada agensi badan berkanun termasuk FELDA.

4) Tanggungjawab Ketua Jabatan Selepas Pegawai Dikenakan Hukuman Tatatertib

Tindakan disiplin melahirkan *anxiety* dan *maladjusted behaviour*. Antara tindakan yang lahir ialah:

- Rasa rendah hati atau kecil hati dan gusar;
- Memberontak; atau
- Rasa tidak selamat atau konflik dalam jiwa.

Hal ini akan melahirkan pekerja yang *neurotic*. Akibatnya merendahkan moral petugas dan mengurangkan prestasi kerja atau rendah produktiviti. Adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan untuk menyelia petugas yang telah dikenakan tindakan tatatertib iaitu selain daripada hukuman buang kerja atau penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam. Ketua jabatan hendaklah peka kepada perubahan-perubahan tingkah laku petugas sama ada cenderung kepada kebaikan atau memudaratkan diri serta jabatan atau perkhidmatan awam keseluruhannya.

Sekiranya perubahan ke arah negatif maka ketua jabatan hendaklah berusaha memberi nasihat dan bimbingan dan jangan membiarkan sahaja petugas itu tanpa bimbingan. Kursus atau latihan yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi mengakibatkan tindakan disiplin terhadap petugas juga perlu diberi, jika difikirkan perlu.

Sekiranya petugas memperlihatkan perubahan yang positif Ketua Jabatan juga perlu memberi sokongan dan dorongan agar prestasi petugas itu akan berterusan dan ada ketikanya pujian harus diberi kepada petugas. Tindakan menukarkan petugas ke jabatan, wilayah atau rancangan yang lain boleh dilakukan jika perlu dan sesuai, misalnya tindakan ini dapat memberi suasana kerja dan semangat baru kepada petugas dan dapat mempertingkatkan prestasi kerja.

BAB 34

APAKAH KESAN KE ATAS PENJAWAT AWAM, JIKA TELAH DIHUKUM PENJARA ATAU DENDA OLEH MAHKAMAH KES KESALAHAN JENYAH?

Mana-mana penjawat awam termasuk petugas FELDA yang telah dijatuhi hukuman oleh mahkamah sivil atau mahkamah syariah sama ada dihukum penjara atau didenda atau kedua-duanya sekali kerana telah melakukan jenayah rasuah, penipuan, pecah amanah jenayah atau jenayah syariah. Jawatankuasa Tatatertib FELDA perlu mengambil tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja ke atas pegawai itu mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000.

Secara praktiknya jawatankuasa tatatertib berkenaan akan mengenakan hukuman buang kerja ke atas mana-mana penjawat awam yang dijatuhi hukuman oleh mahkamah kerana kesalahan jenayah rasuah, pemalsuan dokumen, penipuan atau pecah amanah jenayah. Walau bagaimanapun terpulung kepada Jawatankuasa Tatatertib yang akan bersidang sama ada mengambil keputusan buang kerja atau turun pangkat atau sebaliknya.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Pada asasnya sekiranya Jawatankuasa Tatatertib FELDA tidak mengambil keputusan menjatuhkan hukuman buang kerja ke atas penjawat awam yang telah dijatuhkan hukuman kerana kesalahan jenayah terutamanya jenayah rasuah, maka Jawatankuasa Tatatertib tersebut tidak mengambil serius kesalahan jenayah berkenaan yang telah dilakukan oleh penjawat awam tersebut yang menjejaskan maruah dan reputasi jabatan.

Penjawat awam tersebut tidak layak lagi berada di dalam perkhidmatan awam khususnya FELDA bukan sahaja kerana terlibat dengan jenayah rasuah tetapi juga telah menjatuhkan reputasi jabatan dan perkhidmatan awam. Malah di dalam rekod Pendaftaran Pesalah Rasuah di Portal SPRM dan rekod Bahagian Pendaftaran Penjenayah Malaysia, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, sudah ada namanya tercatat sebagai penjenayah termasuk penjenayah kes rasuah.

Hukuman buang kerja amat wajar dikenakan kerana sebagai pengajaran kepada penjawat awam yang lain supaya tidak melakukan perbuatan jenayah rasuah dalam menjalankan tugas diamanahkan. Perlu dinyatakan bahawa, pihak FELDA tidak akan ketandusan calon-calon yang berkelayakan dan berintegriti tinggi yang akan mengisi kekosongan jawatan yang telah ditinggalkan oleh petugas tersebut.

Barang siapa yang kami angkat menjadi pegawai dengan tugas tertentu dan telah kami berikan upah sebagaimana mestinya, Maka apa yang dia ambil di luar daripada apa yang telah diberikan, maka itu namanya pengkhianatan (rasuah)

(Hadis Riwayat Abu Daud)

BAB 35

APAKAH KESAN KEPADA PERKHIDMATAN SESEORANG PENJAWAT AWAM YANG TELAH DIHUKUM KESALAHAN TATATERTIB?

Kesan buruk yang paling ketara apabila seseorang penjawat awam termasuk petugas FELDA yang telah dijatuhi hukuman tatatertib **dibuang kerja** ialah melibatkan peluang kenaikan pangkat di samping menjatuhkan maruah diri, keluarga dan jabatannya. Hal ini ada dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 berkaitan “Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib”. Pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib, **tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat** adalah seperti berikut:

- a) Hukuman Amaran. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selama 12 bulan;
- b) Hukuman Denda. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selama 18 bulan;
- c) Hukuman Lucut Hak Emolumen. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selama 24 bulan;

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- d) Hukuman Tangguh Pergerakan Gaji. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selama Gaji 30 bulan:
- e) Hukuman Turun Gaji. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selama 36 bulan; dan
- f) Hukuman Turun Pangkat. Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat selama 48 bulan.

Tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ialah mulai tarikh hukuman tatatertib telah dijatuhkan oleh Jawatankuasa Tatatertib FELDA. Sekiranya terdapat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib FELDA, tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mulai tarikh hukuman tatatertib telah dijatuhkan oleh Jawatankuasa Tatatertib FELDA.

Bagi petugas FELDA yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib dalam satu pertuduhan tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat. Contohnya seorang pegawai dikenakan hukuman tatatertib Amaran dan Denda bagi satu pertuduhan yang sama, tempoh tidak layak dinaikkan pangkat adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat iaitu tempoh 18 bulan bagi hukuman Denda.

Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib dan kemudian menerima hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib yang lain dalam tempoh hukuman yang lain masih berjalan, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mengikut tempoh keseluruhan hukuman berakhir. Contoh kes ialah pegawai dikenakan hukuman tatatertib amaran bagi kes pertama dan kemudiannya dikenakan hukuman tatatertib turun gaji bagi kes kedua, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mengikut tempoh keseluruhannya hukuman berakhir.

BAB 36

APAKAH KESAN BURUK KE ATAS PETUGAS DIBUANG KERJA KES TATATERTIB?

Pada asasnya ada dua keadaan di mana Jawatankuasa Tatatertib FELDA memutuskan **hukuman tatatertib dibuang kerja** ke atas petugas yang melakukan pelanggaran tatatertib selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Antaranya:

- a) Berasaskan keputusan kes mahkamah di mana petugas yang telah disabitkan kesalahan dan dihukum oleh mahkamah berkaitan. Contohnya kesalahan jenayah rasuah, pecah amanah jenayah, penipuan, dan mengedar dadah;
- b) Berasaskan laporan ketua jabatan, hasil siasatan Jabatan Integriti FELDA, laporan SPRM, laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan aduan orang awam. Pada asasnya bentuk kesalahan itu adalah serius dan menjatuhkan reputasi FELDA. Contohnya kesalahan menagih dadah, tidak hadir bertugas tanpa cuti, memalsukan sijil cuti sakit, meminda sijil cuti sakit, salah guna wang FELDA dan salah guna wang hasil sawit peneroka.

Kesan buruk ke atas petugas yang dibuang kerja oleh Jawatankuasa Tatatertib FELDA ialah;

- a) Hilang punca pendapatan iaitu gaji pokok dan elaun-elaun bulanan;
- b) Hilang kelayakan mendapat pencen jika petugas terlibat telah dilantik dan disahkan jawatan;
- c) Tiada peluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan perkhidmatan awam persekutuan, negeri dan agensi badan berkanun lain kerana rekod “buang kerja” tercatat dalam rekod perkhidmatan di Jabatan Pengurusan Modal Insan (JPMI) FELDA;
- d) Kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dengan sektor swasta kerana rekod perkhidmatan tercatat dibuang kerja. Syarikat swasta sudah tentu akan membuat semakan dengan rekod perkhidmatan di JPMI, FELDA sebelum menawarkan jawatan kepada bekas petugas tersebut;
- e) Masalah tanggungan dan kesukaran menyelenggara hidup kepada keluarga terutamanya jika petugas sudah berkeluarga dan pasangan pula tidak bekerja. Hal ini menyebabkan kesulitan hidup seperti membeli keperluan makanan untuk keluarga, sewa rumah dan keperluan harian persekolahan anak;
- f) Krisis rumahtangga sehingga berlaku pergaduhan atau perceraian berpunca dari masalah hilang pendapatan dan kesukaran mendapatkan pekerjaan baru untuk memulakan kehidupan baru;
- g) Memalukan ibubapa dan ahli keluarga kerana keputusan buang kerja menggambarkan petugas itu telah melakukan perbuatan yang menjatuhkan maruah keluarga dan dicemuh oleh masyarakat;
- h) Persepsi buruk rakan setugas, kenalan dan masyarakat boleh menyebabkan mereka menjauhkan diri daripada petugas terlibat;

- i) Terpaksa membayar hutang dengan bank melibatkan pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan, kad kredit dan pinjaman peribadi. Petugas akan berdepan dengan tindakan undang-undang dan boleh diisytiharkan bangkrup oleh mahkamah;
- j) Terpaksa membayar hutang koperasi seperti Koperasi Pekerja FELDA Malaysia Berhad (KOGUNA), Koperasi Permodalan FELDA (KPF), Koperasi Permodalan FELDA 2 (KPF2) dan Koperasi Kakitangan FELDA Malaysia Berhad (FELKOP). Petugas akan berdepan dengan tindakan undang-undang dan boleh diisytiharkan bangkrup oleh mahkamah;
- k) Menyebabkan penjamin-penjamin menjadi mangsa dan terpaksa membayar balik pinjaman koperasi-koperasi yang telah diluluskan kepada petugas tersebut sebelum ini; dan
- l) Tekanan emosi dan mental akibat pembuangan kerja, boleh menyebabkan kemurungan dan mendorong terlibat dengan gejala tidak sihat dan melanggar undang-undang seperti terlibat dengan penagihan dadah, mencuri dan menipu;

Oleh itu, semua petugas FELDA hendaklah mempunyai integriti tinggi berpandukan ajaran agama dan moral supaya tidak terjebak dengan perbuatan yang melanggar undang-undang dan peraturan sehingga menyebabkan mereka dijatuhi hukuman buang kerja.

BAB 37

FUNGSI DAN TUGAS JABATAN INTEGRITI FELDA

Selaras dengan keputusan kerajaan mengarahkan semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menubuhkan Unit Integriti melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013. FELDA telah menubuhkan Unit Integriti FELDA secara rasmi pada 1 Jun 2018. Mulai 1 Februari 2021 dikenali nama Jabatan Integriti FELDA. Bidang tugas Jabatan Integriti FELDA seperti berikut;

1) Pengukuhan Integriti

- a) Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan pemantapan integriti kepada warga FELDA melalui pembangunan modal insan berintegriti dan memantapkan budaya berintegriti dan nilai-nilai murni;

2) Pengurusan Aduan

- a) Menerima dan mendaftarkan maklumat atau aduan diterima untuk tindakan ke atas semua aduan atau maklumat mengenai jenayah rasuah atau pelanggaran tatatertib;
- b) Menyediakan laporan status penerimaan maklumat atau aduan untuk pelaporan kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM dan Lembaga Pengarah FELDA.

3) Penyiasatan

- a) Mengesan dan mengesahkan aduan atau maklumat bersifat jenayah dan bukan jenayah melibatkan warga FELDA. Sekiranya ada asas berlaku pelanggaran tata tertib akan dirujuk kepada Urus Setia Tata tertib Jabatan Integriti FELDA untuk tindakan sewajarnya di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau tindakan pentadbiran yang lain;
- b) Sekiranya ada asas berlaku kesalahan jenayah rasuah, maklumat akan dirujuk kepada SPRM. Sekiranya berlaku kesalahan jenayah selain jenayah rasuah akan dilaporkan kepada agensi penguat kuasa berkaitan.

4) Urus Setia Tata tertib

- a) Menyediakan kertas prosiding tata tertib untuk dibawa pertimbangan Jawatankuasa Tata tertib FELDA yang berkenaan;
- b) Menjadi Urus Setia kepada mesyuarat Jawatankuasa Tata tertib FELDA dan Jawatankuasa Rayuan Tata tertib FELDA berkaitan dan menyediakan minit mesyuarat dan keputusan mesyuarat dimaklumkan atau diambil tindakan sewajarnya.

5) Inspektorat Pematuhan

- a) Menjalankan naziran pematuhan melalui pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas pematuhan undang-undang, dasar, peraturan, kod etika dan prosedur operasi standard (SOP) yang berkuat kuasa ke atas semua warga FELDA;
- b) Melaporkan dan memberikan maklum balas sebarang kelemahan, kes pelanggaran tata tertib dan ketidakpatuhan dasar, peraturan dan SOP kepada pengurusan FELDA untuk tindakan pembetulan, penambahbaikan atau tindakan sewajarnya;

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

- c) Menyediakan laporan kepada Urus Setia Tatatertib, Jabatan Integriti FELDA sekiranya berlaku pelanggaran tatatertib atau salah laku oleh pegawai terlibat untuk tindakan sewajarnya.
- d) Menjalankan kajian, penilaian dan mengemaskini keberkesanan dan pematuhan dasar, peraturan dan SOP sedia ada;
- e) Melaksanakan penilaian terhadap tahap kefahaman dan kepatuhan ke atas dasar, peraturan dan SOP ditetapkan.

6) Tadbir Urus

- a) Memastikan tadbir urus organisasi yang melibatkan isu integriti bagi membendung jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib dilaksanakan secara efektif;
- b) Menerima pelaporan dan mengurussetiakan mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR);
- c) Memastikan pematuhan dan menerima pelaporan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) FELDA daripada ketua jabatan terlibat serta melaporkan status OACP di dalam mesyuarat JAR;
- d) Mengkaji kelemahan dan penambahbaikan peraturan atau sistem dan prosedur bagi menutup peluang dan ruang berlaku jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib warga FELDA.

BIBLIOGRAFI

Abu Abdul Halim Ahmad (1998). *Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (2001). Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Bhd.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (2009). Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Bhd.

Al-Ghazali (2016). *Wasiat Imam Ghazali*. Selangor. Syarikat Percetakan Ihsan.

Ahmad Sanusi Azmi (2020). *40 Hadis Tentang Politik Dan Kepimpinan*. Bandar Baharu Nilai: Ulum Hadis Research Centre.

Al Mawardi (1969). *Ahkamal Sultaniyyah*. Kahirah: Percetakan Bahiy al Halabi.

Ibnul Qayyim (Syed Ahmad Semait). 2012. *Belitan Iblis*. Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd.

Ibn Muflih, *Al-Adab al-Syar 'iyyah*, 2001. Beirut: Muasasah al-Risalah.

Ibn Khaldun. (1964). *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Al Mawardi (1994). *Al-Hawi Al-Kabir*. Beirut: Percetakan al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Qudamah (1980). *Al-Mughni*. Riyadh: Maktabat al-Riyad.

Kamus Dewan (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohamad Fauzi Husin (2018). *Jenayah Rasuah: Ranjau Dalam Mencari Keberkatan Rezeki*. Kajang: Mihis Grafik Sdn Bhd.

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENAYAH RASUAH: SATU PERJUANGAN

Mohamad Fauzi Husin (2018). *Jihad Perangi Jenayah Rasuah: Panduan Pencegahan Dan Pelaporan Kes Rasuah*. Kuantan: SPRM Negeri Pahang.

Mohamad Fauzi Husin (2020). *Jenayah Rasuah Di Malaysia: Penyakit Sosial Merentas Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohamad Fauzi Husin (2021). *Isu-Isu Integriti Dan Jenayah Rasuah di Malaysia*. Kajang: Firdaus Press

Mohd Nur Manuty. 'Pencegahan Rasuah Dari Perspektif Islam'. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Pencegahan Rasuah anjuran BPR dan Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu, 28 Mac 1998.

Yusof Al-Qardawi (1991). *Al-Halal Wal Haram*. Mesir: Maktabah Wahbah.

LAMPIRAN: KERANGKA PENGURUSAN INTEGRITI FELDA



VISI JABATAN INTEGRITI FELDA

Mengenalpastikan standard integriti tinggi dan kadib usus terbaik ke arah menjadikan FELDA sebuah organisasi perijana ekonomi yang berdaya saing.

MISI JABATAN INTEGRITI FELDA

Memanipalkan integriti petugas FELDA dengan prinsip integriti melalui kadib usus terbaik, budaya kerja berkualiti, akauntabiliti dan meningkatkan keyakinan komuniti FELDA melalui sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

OBJEKTIF UNIT INTEGRITI FELDA

Belangggjawab melaksanakan inisiatif pengimbituan integriti, meningkatkan kadib usus, pemahaman, penguasaan salah laku dan tindakan punitif dengan lebih fokus, cekap dan mencapai keberhasilan yang optimum.

PIAGAM PELANGGAN JABATAN INTEGRITI

- Identiti pemberi maklumat atau pengadu dirahsiakan.
- Pengesanan dan pengesahan maklumat diterima akan dibuat secara objektif, luhur dan menyeluruh.
- Melaksanakan program atau memberi khidmat nasehat penguatkuasaan integriti dan pencegahan rasuah secara menyeluruh dan berkesan.
- Mengusulkan kes-kes pelanggaran talakalib secara luhur dan adil untuk dipertika Jawatankuasa Talakalib FELDA.

KOMITMEN

- Penguasaan beringgi FELDA dan semua petugas FELDA hendaklah beribram untuk senhwa memajukan budaya integriti menjadi amalan dalam setiap interaksi perhubungan dan komunikasi antara semua pihak yang berurusan dengan FELDA.
- Tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang berintegriti adolah seperti mana digariskan dalam Kod Etik dan Tatacara Pelugas FELDA.
- Berlekat untuk memastikan setiap salahlaku, pelanggaran talakalib dan segala kepincangan integriti yang dilaporkan akan ditendahkan dengan telus, adil, belangggjawab dan amanah.

STRATEGI DAN PENDEKATAN

BIGA STRATEGI PELAKSANAAN AKAN DIGUNAKAN DALAM PENGURUSAN INTEGRITI FELDA:

PENGUKUHAN

Melaksanakan program penguatkuasaan integriti melalui program keagamaan dan pembedayaan nilai-nilai murni melalui pelaksanaan aktiviti seperti kursus, seminar, forum, penubuhan dan tabahan peringatn integriti serta pelaksanaan litera Integriti Perkhidmatan Awam.

PENCEGAHAN

Mengenalpasti isu-masalah atau kelemahan, kelemahan dalam kawalan dalaman, sistem prosedur kerja, atau perarahan-perarahan bertujuan memperbaiki atau mengurangkan kerosak biokorali serta menabuh ruang dan peluang terhadap sebarang amalan yang berpola menjurus kepada berlakunya jenayah rasuah dan pelanggaran talakalib.

TINDAKAN PUNITIF/HUKUMAN

Melaksanakan tindakan pemahahan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan. Sekiranya mana-mana pelugas FELDA melakukan kesalahan rasuah akan dilaporkan kepada SPMA dan sekiranya berlaku pelanggaran talakalib akan diambil tindakan talakalib yang sewajarnya secara adil dan telus.



INTEGRITI adalah perbuatan yang baik dan betul di sisi agama, undang-undang dan peraturan. Integriti sepatutnya menjadi amalan seharian yang dilakukan walaupun tiada mata yang memandang.

**AKTA BADAN-BADAN BERKANUN
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000
(AKTA 605)**

Akta ini wajib dibaca, difahami dan dipatuhi oleh semua petugas FELDA selaku penjawat awam.

1. Akta yang memperuntukkan perkara-perkara berkaitan dengan tata tertib dan penganan surcaj yang boleh dikenakan ke atas pegawai-pegawai badan berkanun persekutuan.
2. Mengandungi senarai tata laku yang perlu dipatuhi oleh setiap pegawai yang berkhidmat di badan berkanun persekutuan.
3. Pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah akta ini oleh mana-mana petugas FELDA boleh dikenakan tindakan tata tertib.

Akta digubal bertujuan untuk:

- ✓ Mengatasi masalah yang dihadapi oleh badan-badan berkanun Persekutuan yang tiada peraturan tata tertib.
- ✓ Menyeragamkan peraturan-peraturan tata tertib di semua badan berkanun Persekutuan.
- ✓ Membanu semua badan berkanun Persekutuan dalam melaksanakan urusan tata tertibnya sendiri dengan cara yang teratur dari segi undang-undang.



Petugas FELDA tidak boleh menerima hadiah (termasuk hamper, angpau, apa-apa benda berharga, perhiasan atau perkhidmatan) dari mana-mana syarikat, kontraktor, pembekal atau orang awam yang ada urusan rasmi dengan petugas tersebut. Ini selaras dengan peraturan dan undang-undang berkuatkuasa seperti berikut:

Peraturan 7(1), Jadual II, Seksyen 5, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, peratuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tugas rasminya.

Para 12, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998

Penerimaan hadiah tidak kira kecil atau besar nilainya adalah menjadi satu kesalahan rasuah sekiranya pegawai itu menerima hadiah daripada mana-mana orang dalam urusan rasminya.

Seksyen 145, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana pegawai awam tidak boleh menerima benda yang berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang dijalankan oleh pegawai awam itu.

Seksyen 3, Akta SPRM 2009

Di bawah tabiran "suapan" menjelaskan, menerima hadiah termasuk suapan rasuah sekiranya penerimaan itu dengan niat sebagai dorongan atau balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu berkaitan tugas rasmi pegawai awam itu.

Pelanggaran larangan menerima hadiah akan mendedahkan diri petugas FELDA kepada tindakan undang-undang atau tata tertib.

KESALAHAN RASUAH

KESALAHAN SETUJU TERIMA ATAU MEMINTA ATAU MENERIMA RASUAH

Mana-mana orang atau ejen secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju menerima suapan rasuah (wang/ barang berharga/ perkhidmatan dan lain-lain) sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa berkaitan dengan transaksi tersebut atau berkaitan urusan rasmi majikan atau prinsipal berkenaan adalah melakukan suatu kesalahan.

KESALAHAN MENAWARKAN ATAU MEMBERI ATAU SETUJU MEMBERI RASUAH

Mana-mana orang atau ejen secara rasuah menawarkan/ memberi/ bersetuju memberi suapan rasuah (wang/ barang berharga/ perkhidmatan dan lain-lain) sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa berkaitan dengan transaksi tersebut atau berkaitan urusan rasmi majikan/ prinsipal berkenaan adalah melakukan suatu kesalahan.

KESALAHAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU

Mana-mana orang memberi kepada ejen atau ejen memberi kepada majikan atau prinsipalnya, suatu dokumen yang diketahuinya mengandungi butir malan palsu yang mana majikannya mempunyai kepentingan dengan tujuan untuk mengelirukan/ memperdayakan majikannya adalah melakukan suatu kesalahan.

KESALAHAN SALAHGUNA JAWATAN

Mana-mana pegawai badan awam menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan rasuah dengan membuat apa-apa keputusan atau mengambil tindakan berkaitan dengan apa-apa perkara mengenalinya di mana pegawai itu, saudara maranya atau sekutunya ada kepentingan secara langsung atau tidak langsung adalah melakukan kesalahan.

HUKUMAN KESALAHAN RASUAH

Jika disabitkan kesalahan melakukan perbuatan rasuah boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda RM10,000.00 atau 3 kali nilai suapan rasuah yang mana lebih tinggi.

KEWAJIPAN ANDA MELAPORKAN RASUAH

JIKA ANDA PEGAWAI BADAN AWAM adalah menjadi kewajipan anda melaporkan sogokan rasuah oleh orang awam. Anda bersalah jika tidak melaporkan sogokan rasuah. Jika disabitkan, anda boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya - Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009.

JIKA ANDA ORANG AWAM laporkan segera kepada SPRM mana-mana orang termasuk pegawai badan awam yang cuba meminta rasuah dari anda. Anda bersalah jika tidak melaporkan sogokan rasuah. Jika disabitkan anda boleh dihukum penjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM10,000.00 atau kedua-duanya - Seksyen 25(3) Akta SPRM 2009.

"Dan makanlah yang baik dari apa yang Allah rezekikan kepada kamu dan pakuilah kepada Tuhan yang kepadaNya kamu telah beriman"
-Surah Al-Maidah : 88

"Allah melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan orang yang menjadi perantaraan terhadap kedua-duanya"
-Hadis Riwayat Ahmad

"Sesungguhnya Allah SWT saka melihat hambanya berusaha berpenat lelah mencari rezeki yang halal"
-Hadis Riwayat al-Bailani

ADUAN JENYAH RASUAH DAN PELANGGARAN TATATERTIB

Sebarang pernyawaan, aduan atau maklumat boleh diserahkan kepada Jabatan Integriti FELDA melalui kaedah di bawah:



SURAT-MENYURAT

Pengarah Jabatan Integriti FELDA,
Tingkat 34, Menara FELDA,
Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur



TALIAN ADUAN INTEGRITI

03-2191 2214/ 2349



EMAIL

aduanintegriti@felda.net.my



HADIR KE JABATAN INTEGRITI FELDA

Tingkat 34, Menara FELDA,
Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur



MENGIISI BORANG ADUAN

<https://www.felda.gov.my>

Panduan Memberi MAKLUMAT BERKUALITI

Apa yang perlu diadukan?

Kumpulkan maklumat relevan dan LAPORKAN isi-isi penting seperti **BILA** kejadian itu berlaku, **DI MANA** kesalahan berlaku, **SIAPA** yang terlibat dan boleh membantu, **APA** kesalahan yang dilakukan, **KENAPA** kesalahan itu dilakukan dan **BAGAIMANA** transaksi jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib tersebut dilakukan.



ANDA DILINDUNGI

Undang-Undang melindungi
kerahsiaan **PEMBERI MAKLUMAT** dan
MAKLUMAT yang diberikan

SEKSYEN 45 (1)(2) AKTA SPRM 2009

Memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat dan kandungan maklumat tidak boleh sama sekali didedahkan oleh mana-mana orang yang termasuk tidak boleh didedahkan atau diperintahkan supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

SEKSYEN 7, 8 DAN 9 AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010

Memperuntukkan seseorang pemberi maklumat yang telah mendedahkan perlakuan tidak wajar termasuk rasuah atau salahguna jawatan kepada SPRM atau penguatkuasa lain hendaklah diberi perlindungan maklumat sulit, kekebalan dari tindakan sivil atau jenayah atau tindakan tatatertib dan perlindungan terhadap tindakan memudaratkan.

- ❖ Perlindungan maklumat sulit
- ❖ Kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah yang cuba dikenakan terhadap pemberi maklumat
- ❖ Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan

PEMANTAPAN INTEGRITI DAN MEMERANGI JENYAH RASUAH **SATU PERJUANGAN**

Buku ini diterbitkan sebagai panduan berguna kepada warga petugas FELDA untuk memperkukuhkan integriti dalam diri masing-masing bagi mencegah perbuatan jenayah rasuah dan pelanggaran tata tertib. Pengetahuan dan pemahaman maksud integriti dan kaitan dengan jenayah rasuah, tanggungjawab SPRM, punca dan kesan jenayah rasuah, bagaimanakah cara melaporkan perbuatan jenayah dan perlindungan kepada pemberi maklumat jenayah rasuah amat penting diketahui oleh semua warga petugas FELDA. Begitu juga pengetahuan dan panduan pengurusan kawal selia pegawai bawahan yang bermasalah dan kaedah untuk melaporkan atau mengambil tindakan ke atas kes-kes pelanggaran tata tertib pegawai yang didapati melanggar peraturan yang ditetapkan, amat penting untuk dipelajari dan dipraktikkan di semua peringkat jawatan. Pelbagai bentuk ancaman dalaman dan luaran ke atas FELDA adalah berpunca daripada kemelut integriti dalam kalangan segelintir petugas FELDA itu sendiri yang gagal mengawal hawa nafsunya di samping kelemahan teladan dan penyeliaan ketua jabatan dan kawalan dalaman FELDA. Apabila seseorang petugas FELDA itu terjebak dengan jenayah rasuah atau pelanggaran tata tertib, ianya bukan sahaja memberi kesan buruk dan menjatuhkan imej petugas FELDA yang terlibat, tetapi juga terpalit kepada maruah ahli keluarga, FELDA dan negara.

ISBN 978-967-18353-0-2



9 789671 835302